"KRISIS UMNO 1987 - 1988:

SATU PANDANGAN UMUM

MASYARAKAT KAWASAN BOTA PERAK DARUL RIDZUAN"


OLEH

RAHIM BIN YAHAYA

NO. MATRIK: 048477


Latihan Ilmiah

Bagi memenuhi sebahagian daripada syarat untuk

Ijazah Sarjana Muda Sastera


Jabatan Antropologi dan Sosiologi

Universiti Malaya

Kuala Lumpur


Sesi 1988/89

# PETA NEGERI PERAK



## PENGHARGAAN:

Alhamdullilah,

Syukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan izinnya, limpah dan rahmatnya telah memberi kesabaran dan kesungguhan kepada saya menyiapkan latihan ilmiah ini. Dengan penuh keikhlasan, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terimakasih kepada beberapa orang yang turut membantu dan membimbing saya bagi menyiapkan latihan ilmiah ini.

Pertamanya, ucapan penghargaan yang tidak ternilai serta terimakasih saya tujukan kepada Prof. Madya Dr. Hussein Mohamed selaku penyelia yang telah memberi bimbingan menasihat serta memberi banyak teguran sehingga kesulitan yang saya hadapi dalam menulis dan meyiapkan latihan ilmiah ini telah dapat saya atasi.

Saya juga mengucapkan penghargaan kepada penduduk dan beberapa orang pemimpin politik Kawasan Bota yang telah memberi kerjasama yang memuaskan sewaktu kajian ini dijalankan. Seterusnya saya mengucapkan terimakasih kepada semua kakitangan Lembaga Letrik Negara, Bota Kanan terutama kepada Encik. Mehtar Ros Hj Kintan dan Encik Amran bin Koeng kerana bermurah hati menyediakan kenderaan.

Akhir sekali tidak lupa saya mengucapkan ribuan terimakasih kepada kakak Halimah binti Haji Abdul Wahab diatas kesudian beliau menaip latihan ilmiah ini.

Segala kerjasama dan pertolongan ikhlas itu amat saya hargai semoga mereka akan mendapat taufik dan hidayah dari Allah Subhanahuwataala baik didunia dan akhirat.

Sekian.

## SINOPSIS

Tujuan penulis membuat penyelidikan ini untuk melihat pandangan masyarakat diperingkat bahawan terhadap krisis yang melanda UMNO. Ini termasuklah pandangan, kesan pergolakkan diperingkat bawahan serta masaalah yang timbul berkenaan dengan perkara diatas. Penyelidikan ini diletakkan oleh penulis dikawasan Bota, Daerah Perak Tengah, Perak Darul Ridzuan.

Penulis cuba menerangkan tujuan dan bidang kajian, termasuk metode-metode yang digunakan serta masaalah kajuan sewaktu kajian dikemukakan.

Bab kedua pula, penulis meninjau latar belakang kawasan kajuan seterusnya menghuraikan mengenai penduduk kawasan, kegiatan ekonomi, kemudahan sosial serta pekerjaan penduduk dikawasan ini.

Bab ketiga pula, menerangkan sejarah politik dan pilihanraya Bota. Penulis menerangkan perkembangan awal politik kepartian UMNO dan penglibatan penduduk didalam parti politik. Seterusnya dihuraikan beberapa masaalah yang dialami oleh UMNO baru dikawasan ini.

Bab keempat menerangkan pemilihan 1987, Perhimpungan Agong UMNO pada 24hb April, dan pandangan masyarakat terhadap pemilihan ini.

Bab kelima pula, penulis membuat satu pemeriksaan ringkas berkenaan dengan perkembangan UMNO dari mula hingga mengalami krisis dan diharamkan Penubuhan UMNO Baru turut diperihalkan berserta dengan masyarakat terhadap parti itu. Juga diselitkan satu penulisan berkenaan dengan Pelancaran Gagasan Setia Bersama Rakyat (SEMARAK).

Bab keenam, penulis membuat tinjauan terhadap dua orang tokoh UMNO yang popular, saling bertengtangan didalam pemilihan 1987. Tokoh tersebut ialah Datuk seri Dr. Mahathir dan Tengku Razaleigh Hamzah. Pemerihalan pandangan masyarakat turut dihuraikan terhadap kedua dua tokoh ini.

Didalam Bab ketujuh ini penulis menghuraikan pandangan masyarakat bagi menyelesaikan masaalah pergolakan didalam UMNO. Ini termasuklah saranan juga cadangan cadangan bagi menyatukan perpaduan UMNO.

Seterusnya bab terakhir ialah rumusan dari penulisan yang telah dibuat. Beberapa aspek tentang UMNO Baru juga disentuh juga kesan pemilihan 1987 ini dianggap telah memusnahkan amalan dan tradisi yang diwarisi sejak diasaskan lagi.

KANDUNGAN MUKA SURAT

Penghargaan 1

Sinopsis II

Senarai Peta III

Senarai Jadual IV

BAB 1

Pendahulua0n 1

1. Tujuan dan Bidang Kajian 2

1.1 Metode Kajian 4

1.2 Temuduga 4

1.3 Pemerhatian Ikut Serta 5

1.4 Kepentingan Kajian 8

BAB 2

2.1 Latar Belakang Kawasan Kajian 9

2.2 Penduduk 11

2.3 Ekonomi dan Pekerjaan 13

2.4 Kemudahan Sosial 14

BAB 3

3.1 Sejarah Politik dan Pilihanraya Bota 16

3.2 Penglibatan Masyarakat di dalam Politik Kepartian 21

3.3 MAsalah UMNO Baru Kawasan Bota 23

3.4 Mencari Ahli Menyertai UMNO Baru

3.5 Persaingan dengan Parti PAS

BAB 4

4.1 Pemilihan UMNO 1987 38

4.2 Pandangan Masyarakat Terhadap Krisis 42

BAB 5

5.1 UMNO- Satu Imbasan Kembali 50

5.2 Riwayat UMNO Berakhir 53

5.03 Proses Kemasukan UMNO Baru 54

5.4 UMNO Baru 57

5.5 Pandangan Masyarakat Terhadap UMNO Baru 61

5.6 Pelancaran Gagasan SEMARAK 66

5.7 Pandangan Terhadap SEMARAK 70

BAB 6

6.1 dDr. Mahathir dan Tengku Razaleigh 76

6.2 Profail Rengkas Dr. Mahathir 76

6.3 Pandangan Terhadap Dr. Mahathir

6.4 Profail Rengkas Tengku Razaleigh

6.5 Pandangan Terhadap Tengku Razaleigh

BAB 7

7.1 Penyelesaian Krisis

BAB 8

8.1 Rumusan

8.2 Bibliografi

8.3 Lampiran

# BAB SATU

## PENDAHULUAN

### Tujuan dan Bidang Kajian

Kajian ini dilakukan di kawasan Bota, Daerah Perak Tengah, Perak. Sebuah kawasan luar bandar yang mana penduduknya hampir 100% berbangsa Melayu.

Skop kajian difokaskan kepada pergolakan yang melanda UMNO pada tahun 1987 terutama selapas perhimpunan 24 April 1987. Parti UMNO telah mengalami krisis akibat dari perebutan kuasa pemimpin. Selanjutnya tumpuan diberikan juga kepada perkembangan selepas pengharaman parti UMNO.

Sejak ditubuhkan 11 Mei 1946 UMNO atau ringkasan United Malay National Organisation (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu) tidak sunyi dari pergolakan dalaman yang mengancam keutuhanorganisasi tersebut. Pergolakan pertama berlaku sebaik sahaja ianya diasaskan, pertentangan di antara golongan nasional dan radikal. Pergolakan yang lebih hebat berlakudi dalam UMNO pada tahum 1951 bila pengasas parti itu Dato' Onn Jaafar keluar dari UMNO setelah gagasan beliau untuk membuka parti kepada bukan melayu ditolak oleh ahli parti itu. (1)

Di bawah pimpinan Tengku Abdul Rahman, Allahyarham Tun Razak, Tun Hussein Onn, UMNO juga tidak sepi dari pergolakan yang mengancam parti itu. Pimpinan UMNO bertukar tangan dari Tun Hussein kepada Dr. Mahathir.

---

(1) Annuar Abdullah, Bibliografi Dato Onn. Pustaka Nusantara Kuala Lumpur 1971. hal 569

Pertubuhan ini terbukti mendapat sokongan popular oleh ahli UMNO sehingga mengekalkan kedudukan Dr.Mahathir sebagai Presiden tidak tercabar dalam tahun 1987.Tetapi di sebalik sokongan popular, tidak siapa duga bahawa satu pergolakan sengit berlaku dalam UMNO. Ini kerana tindakan Datuk Musa Hitam selaku Timbalan Presiden meletakkan jawatan dalam bulan Mac 1986 kerana tidak dapat bekerjasama dengan Dr. Mahathir.

Sebagai Timbalan Presiden beliau telah menimbulkan kontroversi yang membuat UMNO bergelora. Pada awalnya disangkakan bahawa Datuk Musa akan terus bersara dari arena politik, tetapi setelah dipujuk rayu , maka beliau setuju kembali menjadi Timbalan Presiden UMNO. Kemudian timbul masalah kerana Encik Ghafar Baba telah dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri dan kebiasaannya Timbalan Perdana Menteri adalah juga Timbalan Presiden UMNO. Pergolakan berlaku apabila Datuk Musa membuat keputusan untuk mempertahankan jawatan dan bergabung dengan Tengku Razaleigh untuk mencabar pimpinan Dr. Mahathir dan Ghafar Baba sebagai Presiden dan Timbalan Presiden dalam parti semasa pemilihan 24 April 1987. Pergolakan dalam parti bertambah nyata dan jelas apabila para pemimpin dalam parti dan kerajaan secara terbuka dalam menentukan pilihan mereka diantara Kumpulan Dr. Mahathir -Ghafar Baba dan Tengku Razaleigh - Datuk Musa sehingga munculnya pertama kalinya konsep 'Team' dalam UMNO. Team Dr. Mahathir dikenali sebagai Team A dan Tengku Razaleigh sebagai Team B.(2)

---

(2) Chamil Wariya, UMNO Era Mahathir. Fajar Bakti. Petaling Jaya. 1988 hal 5.

Pergolakan dalam UMNO tidak berakhir dengan pertandingan sengit merebut jawatan, kemenangan Dr. Mahathir dengan majoriti yang kecil mengalahkan regu Tengku Razaleigh telah dicabar kesahihannya oleh 11 orang ahli parti itu. Mereka mendakwa semasa pemilihan itu berlangsung terdapat 30 cawangan yang tidak berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan. Mereka meminta mahkamah mengisytiharkan keputusan itutidak sah dan meminta perintah supaya diadakan satu pemilihan baru dalam masa 3 bulan. Hakim mahkamah, Datuk Harun Hashim menyatakan oleh kerana 30 tidak berdaftar dengan Pendaftaran Pertubuhan maka menurut seksyen 12(3) Akta pertubuhan 1966, UMNO pada keseluruhan tidak sah.

Kenyataan yang menimpa parti UMNO sukar diterima oleh orang Melayu-UMNO. Satu malapetaka telah menimpa parti kesayangan mereka. Ini telah menimbulkan berbagai reaksi di kalangan orang Melayu. Krisis yang berlaku di kalangan pemimpin UMNO untuk mencapai cita cita mereka sekaligus telah meranapkan parti UMNO.

Ekoran dari keputusan mahkamah bahawa UMNO adalah sebuah pertubuhan yang tidak sah, bekas pucuk pimpinan parti telah mengasaskan UMNO Baru untuk meneruskan perjuangan UMNO 1946.

Sehubungan dengan permasalah tersebut penulis ini bertujuan untuk merakamkan peristiwa dan pandangan masyarakat terhadap krisis itu. Kajianini dijalankan di kawasan Bota, sebuah kawasan luar bandar di mana majoriti penduduknyaterdiri dari orang Melayu. Kajian tertumpu kepada penduduk tempatan di dalam membuat pengamatan terhadap krisis

ini. Adakah mereka terlibat sama dengan menyokong salah satu kumpulan atau pun bersikap natural sebagai pemerhati sahaja. Selain daripada itu adakah pergolakan di peringkat nasional ini telah memecah belah perpaduan UMNO di kawasan ini. Oleh itu diharap kajian ini dapat sedikit banyak menerangkan tanggapan dan pandangan masyarakat luar bandar yang dikaji.

**Kaedah Kajian**

Bagi mengumpulkan maklumat ini penulis telah menggunakan beberapa kaedah kajian antropologi dan sosiologi yang biasa seperti mana dihuraikan. kajian ini dijalankan selama dua bulan dari 1 haribulan Mei 1988 hingga 30 Jun 1988.

**Temubual**

Kaedah ini dilakukan secara tidak formal kerana dilakukan tanpa sebarang set soal selidik. Penulis telah bertemubual dengan responden seramai 12 orang yang berhubung rapat dengan kes ini. Mereka adalah terdiri dari Pengerusi Tetap UMNO Bahagian Parit, Penghulu, Pegawai Kerajaan, Ahli politik vateran, Ketua Kumpulan Belia, Ketua Kumpulan Al-Alqam, Ahli Parti PAS, Petani dan Guru Sekolah. Tujuannya adalah untuk mengetahui dengan lebih dekat lagi terutama pandangan mereka terhadap krisis UMNO. Temubual inidilakukan di tempatawam seperti di kedai kopi, persimpangan jalan dan penulis pergi sendiri ke rumah responden.Kaedah ini digunakan kerana ia merupakan sumber utama untuk mendapatkan maklumat.

Antara bentuk soalan yang dikemukan adalah seperti beikut:

1. Sejarah awal perkembangan UMNO di peringkattempatan di kawasan kajian
2. Pengetahuan mereka terhadap perkembangan politik UMNO-tempatan dan nasional.
3. Pemimpin kini dan tentang kewibawaan dan kebolehan mereka.
4. Kemunculan krisis UMNO 1987
5. Pandangan terhadap dua tokoh UMNO yang berkrisis Dr.Mahathir dan Tengku Razaleigh
6. Parti UMNO Baru dan kempen SEMARAK
7. Penyelesainan krisis UMNO bagi mengembalikan perpaduan di dalam UMNO.

<u>Penyertaan dan Pemerhatian</u>

Kaedah ini lebih mementingkan penglibatan dan penyertan secara langsung penulis dengan masyarakat yang dikaji. Penulis berada selama sebulan setengah di dalam masyarakat yang dikaji. Ini tidak mendatangkan masalah besar kerana penulis berjaya menyesuaikan diri ketika berada dalam komuniti tersebut. Penulis telah mendapat layanan yang baik dari anggota masyarakat ini adalahberkemungkinan penulis adalah orang tempatan dan masalah bahasa tidak menjadi persoalan langsung. Oleh itu masalah perhubungan semasa kajian tidak timbul langsung dari kedua dua belah pihak.

## Penyelidikan Perpustakaan

Bagi mendapatkan maklumat yang lebih lagi, penyelidikan perpustakaan telah dibuat. Maklumat yang penting untuk diperolehi di sini adalah berkaitan dengan parti UMNO-sejarah penubuhan, perkembangan peringkat awal hinggalah parti itu diharamkan serta peranan yang telah dimainkan oleh tokoh tokohnya. Segala maklumat ini terdapat di dalam akhbar, buku buku, majalah, jernal dan tesis serta rekod dari Pejabat Penghulu Mukim. Ini dilakukan bagi menambahkan maklumat yang sedia ada. Sumber sember ini diperolehi dari Perpustakaan Besar Universiti Malaya, Perpustakaan Institut Pengajian Tinggi Universiti Malaya, Perpustakaan Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya dan Perpustakaan Awam Tun Razak, di Ipoh Darul Ridzuan.

## Masalah Pengumpulan Bahan

Semasa pengumpulan bahan penulis menghadapi berbagai masalah . Masalah seperti sukar mendapatkan jawapan jawapan yang tepat dan jelas tentang soalan yang dikemukakan. Soalan yang dikemukan oleh penulis tidak dijawab secara terus menerus, tetapi didahului dengan jawapan yang tidak bersangkutan. Kemudian barulah soalan itu dijawab, kadang kala tidak berkaitan langsung. Ini telah menyukarkan penulis dan sebagai mengatasi masalah ini terpaksa soalan itu diulang semula.

Terdapat juga perasaan curiga di kalangan responden terhadap penulis. Kejadian ini berlaku pada peringkat awal

kerana mereka tidak mengetahui maksud kajian ini. Tambahan lagi semasa ini pergolakan politik UMNO masih hebat dan mereka menganggap penulis sebagai ejen kerajaan untuk menyelidik latarbelakang politik mereka. Anggapan seperti ini memang sukar dinafikan berdasarkan situasi situasi politik UMNO ketika itu. Walaubagaimana pun masalah itu dapat diatasi bila penulis menerangkan segala maksud dan tujuan kajian ini dibuat.

Keghairahan responden menceritakan pengalaman politik peribadinya juga menjadi satu masalah. Bila satu soalan dikemukakan berkaitan politik tempatan atau nasional, responden terlebih dahulu menceritakan pengalaman peribadinya. Keadaan ini kebanyakan berlaku di kalangan ahli politik veteren, kerana mereka beranggapan generasi muda harus mengetahui pengalaman peribadi mereka.

Biasanya bila penulis membuat temuramah di kedai kopi, terdapat beberapa orang lain yang ingin mendengar perbualan. Perbualan di antara penulis dan responden seringkalidiganggu gugat bila terdapat di antara orang luar mencelah percakapan responden. Ini telah menganggu kelancaran temubual kerana responden tidak dapat memberi penuh perhatian. Bagi mengatasi masalah ini penulis terpaksa memberhentikan perbualan seketika dan menegur mereka supaya responden diberi peluang menjawab soalan dan menyatakan pandangan sepertimana yang dikemukakan oleh penulis.

Ekoran dari pengharaman parti UMNO secara tidak langsung Pejabat UMNO telah ditutup. Masalah timbul kerana penulis sukar mendapatkan data data berkaitan dengan kawasan

kajian. Bagi mengatasi masalah ini , penulis telah menemui Pengerusi Tetap UMNO Bahagian Parit, namun hasilnya tidak memuaskan.

Ketika melakukan penyelidikan perpustakaan timbul masalah untuk mendapatkan bahan berkenaan dengan krisis UMNO ini.Oleh kerana ia merupakan satu perkara yang baru maka tidak banyak lagi bahan terbitan yang berkaitan ditulis.Namun begitu terdapat beberapa buah buku dan jernal yang ditulis khusus dengan krisis ini dan ia telah dapat membantu penulis untuk menyiapkan latihan ini

**Kepentingan Kajian**

Kebanyakan dari kajian dan perbincangan politik hari inihanya mengenai isu isu yang bersangkutan di peringkat nasional dan negeri.Kajian di peringkat bawahan seperti di peringkat kampung atau mukim amat kurang sekali.

Berdasarkan penulisan ini, penulis berharap dapat menambahkan lagi kajian di peringkat bawahan. Kajian ini cuba menguraikan pergolakan politik UMNO diperingkat nasional berdasarkan pandangan masyarakat bawahan di Bota. Satu kawasan luar bandar yang mana penduduknya hampir 100% terdiri dari bangsa Melayu. Pergolakan yang berpunca dariperebutan kuasa di antara pemimpin telah menghancurkan parti itu. Peristiwa ini dianggap serius di dalam politik orang Melayu, khususnya UMNO. Kemunculan dua kumpulan yang bertentangan - Team A dan Team B telah banyak mempengaruhi masyarakat terutama di kalangan ahli ahli UMNO, bagi penyokong salah satu kumpulan. Di kawasan Bota penulis cuba melihat samada

penduduk terlibat sama mamberi sokongan terhadap dua kumpulan tersebut. Apakan mereka terpengaruh dan memberi sokongan mereka terhadap salah satu kumpulan tersebut.

Harapan penulis kajian ini diharapkan dapat mengutarakan satu fenomena politik di peringkatbawahan, akibat dari pergolakan di peringkat nasional. Sememangnya tidak dapat dinafikan kekuatan parti UMNO bergantung kepada kawasan luar bandar bukannya kawasan bandar. Masyarakat Melayu luar bandar adalah penyokong UMNO yang setia sejak parti itu ditubuhkan lagi. Mereka menaruh harapan yang tinggi kepada UMNO didalam mendapatkan kemudahan dan pembangunan di kawasan mereka. UMNO berjaya melaksanakan segala hajat itu. Pengharaman ke atas parti itu memberikan satu tamparan kepada pendokong UMNO di luar bandar. Oleh itu penulis merasakan perlu merakamkan pergolakan ini seterusnya penulis berharap dengan penulisan ini dapat menambahkan lagi satu pemerihalan politik di peringkat bawahan di negeri Perak.

# BAB DUA

## Latar Belakang Tempat kajian

Kawasan kajian ini ialah di Mukim Bota di dalam Daerah Perak Tengah, Negeri Perak Darul Ridzuan. Bota terletak di bawah pentadbiran Pejabat Daerah Perak Tengah, berpejabat di Parit, Perak. Jaraknya 16 kilometer dari pekan kecil Bota Kanan. Majlis Daerah Perak Tengah (M.D.P.T) berfungsi menyempurnakan segala rancangan terhadap kawasan Bota. Manakala Mukim Bota pula ditakdbir oleh seorang penghulu, berpejabat di Pekan kecil Bota Kanan.

Kawasan meliputi dua bahagian iaitudi sebelah kanan dan di sebelah kiri sungai Perak. Terdapat beberapa buah kampong, Di sebalah kanan Sungai Perak terdiri dari kampong Air Mati, Padang Cangkat, Kubang Candong , Bota Kanan, Kampong Selat, Kampong Baru, Padang Tenggala dan Kampong Pendiat. Manakala di sebelah kiri sungai terdiri dari Kampong Teluk Kepayang, Seri Kaya, Ekor Bota, Bota Kiri, Kampong Aji, Pulau Pisang, Tanjung Aur, Titi Gantung dan Kampong Batu 30. Pejabat Penguhulu berperanan mentadbir kampong tersebut melalui ketua ketua kampong.

Terdapat sebuah pekan yang utama bagi penduduk di kawasan ini, iaitu Pekan Bota Kanan. Dari segi fizikal pekan ini terdiri dari dua deretan bangunan kedai diperbuat dari kayu sejajar dengan jalanraya. Pekan ini berfungsi kepada penduduk bagi mendapatkan bahan keperluan harian. Kesemua peniaga terdiri dari orang Melayu dan klasifikasi perniagaan

PETA MUKIM BOTA



seperti kedai runcit, kedai kopi, kedai kain, kedai 'hardware', kedai getah, kedai alatan elektirk, kedai buku, membaiki basikalmotor dan beberapa buah warong menjaja air batu.

Dari segi perhubungan, kawasan Bota tidak sukar untuk dihubungi. Terdapat sebatang jalanraya bertaraf lebuhraya merentasi kawasan ini, bermula dari bandaraya Ipoh menuju ke Lumut, sebuah pusat pelancungan yang utama di negari Perak Darul Ridzuan. Manakala jalanraya yang terdapat di kawasan ini semuanya jalanraya bertar yang menghubungi bandar, seperti Sitiawan, Ayer Tawar, Parit, Batu Gajah, Tronoh juga kampong di tepi jalan.Jarak Bota kanan dengan bandaraya Ipoh, Ibu Negeri Perak Darul Ridzuan sejauh 45 kilometer memakan masa selama 40 minit perjalanan.

## Penduduk

Hampir 100% penduduk di kawasan Bota terdiri daripada orang Melayu. Terdapat beberapa suku kaum yang membentuk masyarakat di sini, kebanyakannya terdiri dari orang Melayu keturunanAcehterutama di sepanjang Sungai Perak. Manakala suku lain terdiri dari orang Banjar dominant di Titi Gantung. Merekaini adalah penghijrahan dari Daerah Kerian dan telah membuat penempatan di Titi Gantung. Selain dari itu terdapat sedikit orang Jawa dan Bugis.

Menurut satu bancian penduduk yang telah dilakukan oleh Pejabat Penghulu Mukim Bota, pada tahun 1985, penduduk mukim Bota seramai 14,309 orang. Perbezaan 'gender' kaum lelaki

berjumlah seramai 6,672 orang. Manakala kaum wanita meliputi seramai 7,637. Dari segi perbezaan 'gender' ini didapati kaum wanita adalah lebih ramai berbanding dengan kaum lelaki jika dilihat dari segi jumlahnya.

Sebelum tahun 1970, penduduk kawasan Bota tidak ramai seperti jumlah di atas. Ini kerana ketika itu kawasan ini tidak mempunyai perhubungan yang baik begitu juga dengan kemudahan kemudahan yang lain. Kesukaran perhubungan amat ketara seperti ketiadaan jalanraya yang baik (bertar) melainkanjalan tanah. Selain dari itu projek pembangunan kerajaan belum menembusi ke kawasan ini. Pertambahan awal penduduk bermula bilamana pihak FELCRA,membuka tanah rancangan di Cangkat Nasaruddin. Projek ini telah dibuka dalam tahun 1972. Menempatkan peserta peserta peneroka dan belia. Satu penempatan baru telah dibina oleh FELCRA bagi para peneroka. Dengan ini orang luar dari kawasan Bota, telah memasuki ke kawasan ini bagi menyertai rancangan tersebut. Mereka telah membentuk satu masyarakat peneroka di kawasan FELCRA dan bertaraf pemastautin tetap. Terdapat juga pihak swasta membuka projek perumahan kos rendah seperti projek Perumahan Taman Indera Titi Gantung. Selan dari itu pihak Pejabat Daerah Perak Tengah telah membuat satu rancangan penempatan semula rakyat dengan membina sebuah kawasan perumahan awam yang terdiri dari 252 yunit rumah di Gelung Pepuyu. Kedua dua projek swasta dan kerajaan ini telah menggalakkan orang luar kawasan Bota untuk menyertai atau membeli rumah. Dengan ini secara tidak langsung penambahan penduduk berlaku di kawasan Bota.

## Ekonomi Dan Pekerjaan

Dari segi kegiatan ekonomi, penduduk di kawasan ini melakukan berbagai kegiatan ekonomi seperti bertani, berniaga, menoreh getah, kakitangan kerajaan dan swasta. Secara keseluruhan kegiatan ekonomi mereka yang utama ialah menjadi petani dan menoreh gerah.

**Jenis Pekerjaan Penduduk 1985**

| Jenis Pekerjaan | Peratus % |
|---|---|
| Petani-Penoreh Getah | 8.5% |
| Berniaga | 3.4% |
| kakitangan Kerajaan | 7.0% |
| Kakitangan Swasta | 4.1% |

Sumber: Pejabat Penghulu Mukim Bota.

Pekerjaan sebagai petani dan penoreh getah tidak dapat dipisahkan , kerana kedua dua pekerjaan ini dilakukan didalam satu hari yang sama. Pekerjaan menoreh getah dilakukan di waktu pagi, manakala bertani dilakukan di waktu petang. Dari segi pemilikan tanah pula, kebanyakan kebun yang dimiliki oleh mereka adalah secara warisan dan milik sendiri. Selain dari itu terdapat penduduk yang menoreh getah bermajikan seperti menoreh getah milik RISDA dan FELCRA. Di samping melakukan kegiatan utama mereka juga melakukan kerja sampingan seperti membuat atap, mengambil upah membersihkan kebun getah dan kebun pisang, membersihkan taliair seta menangkap ikan di Sungai Perak. Purata pendapatan golongan ini diantara $200 hingga $400 ringgit sebulan.

Manakala mereka yang bekerja dengan kerajaan kebanyakan mereka bekerja di jabatan jabatan kerajaan seperti Jabatan Haiwan, Jabatan Pertanian, Klinik, dan Hospital, Sekolah, Pejabat Pos, Majlis Daerah dan badan berkanun seperti RISDA, FELCRA,MARDEC dan MARDI. Kebanyakan pejabat kerajaan ini adalah pejabat cawangan sahaja yang mempunyai kakitangan yang terhad.

## Kemudahan Sosial

Kawasan Bota mendapat bekalan elektrik di dalamtahun 1970. Bekalan elektrik pada ketika ini dibekalkan oleh Syarikat Kinta Electrik Distribution (K.E.D) (3) Kini hampir 100 % penduduk menikmati kemudahan ini bila pihak Lembaga Lektrik Negara (LLN) mengambilalih operasi dari K.E.D. di kawasan ini. Terdapat satu skim yang dianjurkan oleh LLN iaitu Rancangan Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) bagi kemudahan penduduk di luarbandar mendapat bekalan elektrik.

Kemudahan bekalan air juga telah disediakan oleh kerajaan melalui Jabatan Bekalan Air. Hampir 100% penduduk menikmati kemudahan ini. Walaupun begitu masih terdapat juga penduduk menggunakan Sungai Perak untuk mendapatkan bekalan air. Tetapi bilangannya adalah terhad dan airnya digunakan untuk mandi manda dan membasuh pakaian sahaja.

---

(3) Syarikat Kinta Electrik Distribution, sebuah syarikat yang membekalkan elaktrik bagi kegunaan lombong lombong biji timah di Lembah Kinta. Kini syarikat ini tidak lagi beroperasi lagi kerana telah diambilalih oleh Lembaga Lektrik Negara pada tahun 1982.

Penggunan perigi masih lagi digunakan tetapi bilangan yang menggunakan perigi adalah kecil. Sistem jalanraya telah dikemaskinikan oleh kerajaan di kawasan ini. Terdapat jalanraya bertar menghubungi bandar dan kampung kampung. Selain daripada itu jalan jalan memasuki perkampungan juga telah diperbaiki. Jalan jalan tanah merah (laterite) telah digantikan dengan jalan bertar selebar 6 kaki yang menghubungi satu kampung ke satu kampung.

Kemudahan kesihatan juga disediakan oleh kerajaan untuk kawasan ini. Terdapat sebuah hospital dan Pusat Kesihatan Kecil dan sebuah Klinik Rawatan boleh didapati di Hospital Desa Changkat Melintang, Pusat Kesihatan Kecil Bota Kiri dan Kelinik Bota Kanan.

Di kawasan ini terdapat sebuah sekolah menengah iaitu Sekolah Dato Abdul Rahman Yaakub, Bota Kanan yang mampu menampung pelajar seramai 1,500 orang murid. Sementara itu juga terdapat 7 buah sekolah rendah. Kesedaran ibubapa terhadap kepentingan pelajaran telah meningkatkan bilangan pelajar di sekolah di kawasan ini.

Pengangkutan awam juga boleh didapati dengan mudah di kawasan Bota, seperti bas dan teksi. Terdapat tiga syarikat bas yang beroperasi iaitu Syarikat Seri Perak yang membuat laluan di sebalah kanan Sungai Perak. Manakala Syarikat Kerjasama Kenderaan Perak Tengah beroperasi di sebelah kiri Sungai Perak yang membuat laluan dari pekan Parit ke Teluk Sena. Sementara itu pula sebuah syarikat yang lain, Syarikat Perak Roadways yang membuat laluan dari Ipoh ke Lumut yang merentasi kawasan Bota sebagai kawasan operasinya.

Selain daripada kemudahan sosial yang disebutkan terdapat beberapa kemudahan yang lain seperti 9 buah Masjid, sebuah Mini Stadium, Telefon Awam, Taman Bimbingan Kanak Kanak dan beberapa yang lain. Secara keseluruhan kemudahan sosial yang terdapat di kawasan Bota boleh dikatakan memuaskan. Kebanyakan kemudahan tersebut dapat dinikmati oleh penduduk kawasan ini.

## BAB TIGA

## Sejarah Politik dan Pilihanraya Bota

Perkembangan politik awal kawasan Bota adalah lembab. Kegiatan awal politik kepartian penduduk di sini bukanlah tertumpu di Bota, tetapi di Pekan Parit, jauhnya kira kira 16 kilometer dari Bota Kanan. Kegiatan tertumpu di Parit kerana terdapat kemudahan seperti jalanraya yang baik, telefon serta terdapat ramai tokoh politik yang menetap di kawasan ini. Bagi mereka yang terlibat di dalam politik kepartian secara langsung atau tidak landgung terpaksa pergi ke Parit. Sebelum tahun 1960, kemudahan pengangkutan jalanraya adalah tidak memuaskan. Tidak banyak kenderaan yang menghubungi di antara kedua dua tempat,disamping itu pula tidak terdapat satu pun jalanraya yang memuaskan di kawasan ini. Namun begitu mereka masih mempunyai inisiatif untuk pergi ke Parit samada berjalan kaki ataupun menaiki sampan memudeki sungai Perak.

Pada mulanya UMNO Bota terletak dibawah pengaruh UMNO Bahagian Blanja yang ditubuhkan pada tahun 1948. (4) UMNO Bota ditubuhkan pada tahun 1948, tetapi tidak mempunyai sebuah pejabat atau bilik gerakan. Bila kawasan pengundian dipecahkan dari UMNO bahagian Blanja dan ia menjadi satu unit tersendiri. Dengan itu UMNO Bota telah membentuk cawangan sendiri.

---

(4) Tuan Haji Mohd Alias bin Mohd Aliff, bekas Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Belanja 1964-1969. Beliau adalah seorang pemegang Pingat (JP) ditemuramah pada 13.6.1988.

Kawasan - Kawasan Pilihanraya Parlimen dan Negeri Perak

**1959 - 1964 - 1969**




Sumber : Pengarah Pemetaan Negara, Kuala Lumpur.

Terdapat dua parti politik yang berpengaruh iaitu parti UMNO dan Parti PAS. Kedua dua parti ini telah bersaing untuk mendapatkan pengaruh melalui perjuangan menegakkan bangsa melayu, tetapi berlainan idealogi, di mana UMNO berteraskan nasionalisma Melayu semantara PAS memegang idealogi keislaman.Namun begitu UMNO lebih mendapat tempat di kalangan penduduk kawasan ini dari PAS, berdasarkan beberapa keputusan pilihanraya Umum yang lalu.

Di dalam Pilihanraya Umum 1955, Bota termasuk di dalam kawasan Parlimen Sungai Perak Hilir. Calon perikatan-UMNO telah memenangi kawasan kawasan ini. Pengaruh PAS hanya dapat dilihat dengan jelas dalam tahun 1969. Di dalam pilihanraya 1969, PAS telah mengalami zaman kemuncaknya kerana telah banyak memenangi kawasan pilihanraya. Parti PAS telah memenangi kerusi perlimen kawasan Parit. Encik Hashim Gera (Pas) telah menewaskan Datuk Hussein bin Noordin dengan majoriti 510 undi.(5) Begitu juga calon PAS kawasan negeri Bota, Encik Abdul Latif bin HAji Mat Lajin telah memenangi kerusi kawasan ini. Oleh itu kawasan Bota telah tertakluk di dalam pengaruh parti PAS sehingga tahun 1974.

---

(5) Umardin Haji Abdul Mutalib, Beberapa Aspek Umum mengenai kepimpinan dan perkembangan Politik Negeri Perak. Latihan ilmiah bagi memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Muda Sastera Jabatan Antropologi dan sosiologi, Universiti Malaya 1978/79. hal 71

Apabila PAS memasuki Barisan Nasional dalam tahun 1973, PAS Perak telah bersikap berkecuali dan bergantung kepada keputusan pusat samada masuk atau puntidak. Kemasukan ini menyebabkan beberapa golongan dari ahli PAS Perak yang keluar dari parti tersebut dan agak ramai juga yang bertanding bebas dalam pilihanraya 1974.(6) Di dalam pilihanraya Umum 1974, Calon Barisan Nasional-PAS Abdul Latiff bin Haji Lajin telah memenangi kerusi kawasan negeri Bota menewaskan calon Bebas.

Pada tahun 1977 parti PAS telah terkeluar daripada Barisan Nasional ekoran daripada krisis PAS dengan kerajaan di negeri Kelantan. (7) Akibat terkeluarnya PAS dari gabungan Barisan Nasional, kerana memagerankan Kelantan, PAS Perak telah kembali bergerak semula khas dalam menghadapi Pilihanraya Umum 1978.

Keluarnya PAS dari Barisan Nasional menyebabkan perpecahan berlaku di kalangan pemimpin di Perak.Naib Yang diPertua Parti PAS Haji Hassan Adli tetap tinggal didalam Barisan Nasional dan tidak setuju dengan tindakan PAS. Begitu juga dengan ahli Dewan Negeri Bota, Adun Abdul Latiff Haji Mat Lajin terus tinggal di dalam Barisan Nasional yang mana kedua dua kemudian bergiat dalam Berjasa. (8)

---

(6) Umardin Haji Abdul Mutalib op. cit
(7) Alias Mohamed, Kelantan Under PAS, The problem of Land Development and Corruption. Insular Publishing Kuala Lumpur-1983
(8) Umardin Haji Abdul Mutalib Ibid hal 73

Kawasan - Kawasan Pilihanraya Parlimen dan Negeri Perak - 1974 & 1978.




Sumber : Pengarah Pemetaan Negara, Kuala Lumpur

Pengaruh PAS tidak kekal lama,di mana dalam pilihanraya 1978 parti PAS telah kecundang kepada UMNO. Calon UMNO peringkat negeri Encik Mohamad Bakri bin Mohamad Rais telah memenangi kerusi kawasan ini menewaskan calon PAS.

Sepanjang pilihanraya yang lalu UMNO kawasan Bota pernah meletakkan calon wanita. Beliau ialah Hajah Rokiah binti Kayat dan telah berjaya menduduki kerusi Ahli Dewan Undangan Negeri Bota selama dua penggal, 1978-1982 dan 1982 hingga 1986.

Selain daripada parti PAS terdapat juga parti DAP (Democratic Action Party) bertanding di kawasan ini. Parti DAP muncul dalam pilihanraya Umum 1978, bagi merebut kerusi Ahli Dewan Undangan Negeri. Tetapi dalam pilihanraya ini Parti DAP telah tewas. Calon DAP, Encik Ngah bin Mat Baki mendapat 2,957 undi berbanding dengan calon Barisan Nasional-UMNO, Hajah Rokiah binti Kayat mendapat sebanyak 5,577 undi. Memang telah dijangkakan dari awal , adalah terlalu sukar bagi DAP untuk memenangi kerusi di kawasan ini, kerana majoriti penduduk berbangsa Melayu, walaupun DAP telah meletakkan calon berbangsa Melayu. Fakta ini boleh dikukuhkan kerana kebanyakan masyarakat Melayu menganggap DAP adalah sebuah parti kaum Cina. Di dalam siri pilihanraya seterusnya DAP tidak meletakkan calonnya lagi.

Kinikawasan Bota masih di dalam genggaman parti UMNO . Di dalam pilihanraya terakhir 1986,calon UMNO lama Encik Ahmed Hambal bin Yeop Majlis telah memenangi kerusi kawasan

Bota. Yang berhormat Haji Mohamed Hambal telah dilantik menjadi Exco Kanan, kerajaan Negeri Perak selaku Ahli Exco Tanah dan Pembangunan Luar Bandar.

Satu rumusan boleh dibuat bahawa parti UMNO mempunyai pengaruh yang kuat di kawasan Bota. Parti UMNO (sebelum pengharaman) telah dapat berkubu dengan kuat dan mandapat kepercayaan dari penduduk setempat. Persaingan dengan PAS yang begitu hebat telah mematangkan segala tindak tanduk untuk terus kekal di kawasan itu. Namun begitu PAS tidak pernah mengalah dan luntur semangat dalam menentang UMNO. kini mereka bertambah giat di dalam mencari pengaruh untuk mendapat kuasa.

**Pengelibatan Masyarakat Didalam Politik Kepartian**

Bagi melihat kecenderungan masyarakat terhadap politik perhatian harus diberikan berdasarkan penglibatan mereka. Penglibatan penduduk kawasan Bota untuk menjadi ahli parti politik bergantung kepada dua pilihan samada UMNO atau PAS. Penglibatan penduduk kawasan Bota menjadi ahli parti politik dapat dilihat di dalam jadual sebelah.

Jadual

Jumlah Penduduk Menjadi Ahli Politik 1985

| Kampong | Jumlah (orang) | Peratus % |
|---|---|---|
| Air MAti | 40 | 1.5 |
| Padang Changkat | 200 | 7.6 |
| Bota Kanan * | 318 | 12 |
| Kampung Selat | 310 | 11.7 |
| KAmpung Baru | 120 | 4.6 |
| Kampung Pendiat | 200 | 7.6 |
| Teluk Kepayang | 200 | 7.6 |
| Ekor Bota | 280 | 10.6 |
| Kampong Aji | 220 | 8.3 |
| Pulau Pisang | 130 | 4.9 |
| Tanjung Aur | 120 | 4.6 |
| Titi Gantung | 240 | 9.0 |
| Batu 30 | 170 | 6.5 |
| Jumlah | 2,648 | 100 |

* termasuk Kampong Kubang Candung

Sumber: Pejabat Penghulu Mukim Bota

Berdasarkan jadual ini satu rumusan boleh dibuat bahawa kesedaran penduduk terhadap politik telah ada. mereka telah

menjadi ahli parti politik samada UMNO atau pun PAS.Di dalam membangkitkan motivasi untuk menjadi ahli mana mana parti politik sudah tentulah beberapa tumpuandibuat. Tumpuan ini samada bersifat dalaman bercorak peribadi atau ciri ciri yang terdapat pada parti politik,di mana kedua duanya mempunyai kelebihan yang tersendiri. Walauapapun perkiraan atau pandangan terhadap sesebuah parti, jelas menunjukkan dikawasan ini kesedaran untuk menjadi ahli politik memang ada.

## Masalah UMNO Baru Di Bota

Pergolakan UMNO di peringkat Nasional,secara tidak langsung telah menyebabkan perpecahan di peringkat tempatan. Krisiskempimpinan telah menimbulkan puak puak di dalam parti UMNO. Perhimpunan Agung 24 April 1987 jelas menunjukkan , bilakah puak puak ini bertentangan . Puak puak ini lebih dikenali dengan Team A dan Team B. Team A dipelopori oleh Dr. Mahathir dan Ghafar, manakala Team B pula oleh Tengku Razaleigh dan Musa.

Di peringkat tempatan khususnya di kawasan kajian memang tidak berkecuali wujudnya kumpulan demikian, iaitu Team A dan Team B. Team A didokongi oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Hambal bin Teop Majlis selaku Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Bota. Manakala Team B diketuai oleh Datuk Haji Abdul Malik bin Ahmad, Ahli Dewan Undangan Negeri Pengkalan Baru (daerah Manjung) dan beliau adalah seorang Speaker Dewan Undangan Negeri Perak.(9) Beliau telah mendapat sokongan seorang tokoh politik tempatan, Datuk Haji Hisan bin Ibrahim bekas Ahli Undangan Negeri Kawasan Blanja tahun 1969-1974.Walaupun mereka tidak tinggal di kawasan Bota,(10) tetapi pengaruh dan sokongan mereka kepada team B begitu kuat sekali. Kedua dua tokoh mendapat sokongan kerana mereka merupakan tokoh politik veteran dan sudah di kenali ramai oleh penduduk di kawasan kajian.

---

(9) Dato Haji Abdul Malik bin Ahmad telah meletakkan jawatan Speaker dan menumpukan perhatian sebagai ADUN Pengkalan Baharu.

(10) Dato Haji Malik tinggal di Batu 16 Ayer Tawar Perak, manakala Datuk Hisan Ibrahim tinggal di Parit Perak.

Di samping itu juga terdapat hubungan keluaraga yang erat seperti Datuk Haji Hisan Ibrahim dengan penduduk di kawasan Bota. Oleh itu Bota bukanlah asing baginya.

Krisis yang berlaku diantara Team A dan Team B tidaklah sehebatdi peringkatNasional. Unsur perselisihan tidak ditunjukkan dengan nyata oleh penyokong parti UMNO. Tidak adakejadian bermasam muka atau tidak bertegur sapa di antara dua penyokong. Tetapi unsur pertentangan hanya dapat dilihat melalui perbualan di kedai kopi. Begitu ramai diantara mereka mengkritik Team A terutama terhadap Dr. Mahathir tetapi tidak menunjukkan sikap permusuhan. Kritikan yang diberikan kepada Dr. Mahathir bukan setakat kepimpinan dan dasar dasar yang telah dijalankan tetapi meliputi persoalan peribadinya.

Pada peringkat awal, sebelum perhimpunan Agung 1987, perpecahan di antara penyokong UMNO di kawasan Bota memang tidak jelas atau tidak berlaku. Kebanyakan penyokong bertindak selaku pemerhati terhadap gelagat pemimpin yang bertanding untuk merebut kuasa. Unsur kegelisahan melihat pertarungan yang berlangsung tidak kelihatan walaupun ketika itu dua regu telah muncul buat pertama kalinya dan bersiap sedia untuk bertarung. Apa yang dijangkakan oleh mereka di dalam perebutan ini,walau pihak mana yang menang, itu bukan menjadi persoalan yang besar. Tetapi apa yang penting ialah pemenang tersebut, sanggup memegang amanah bangsa Melayu melalui UMNO. Segala cita cita dan harapandiletakkan kepada UMNOdi dalam menjamin nasib dan kepentingan orang Melayu di negara ini.

"Naiklah sesiapa sahaja saja...Dr. Mahathir, Tengku Razaleigh, Datuk Musa atau Ghafar Baba, itu tidak penting, tetapi pekara yang penting ialah perjuangan mereka menjaga nasib orang melayu hingga ke anak cucu kita di masa akan datang..."(11)

Pemilihan berlangsung dan keputusan diterima, Team B telah kecundang temasuk Tengku Razaleigh dan Datuk Musa tewas dengan majoriti yang kecil. Kebanyakan penduduk dan penyokong Team B, menerima hakikat kekalahan tersebut. Mereka akui kemenangan Team A tersebut dengan sedikit nada kecewa dan mengakui kebijaksanaan Dr. Mahathir. Namun begitu terdapatdi antaranya mengeluarkan nada protes tetapi lenyap. Kekecohan berlaku apabila kumpulan 11 mendakwa Parti UMNO ke mahkamah berhubung dengan 30 cawangan yang tidak berdaftar. Pada peringkat ini berlaku tuduh menuduh di antara kedua dua penyokong. Isu 30 cawangan tidak berdaftar menjadi isu kepada Team B untuk bersuara. Team B mendakwa kemenangan yang diperolehi oleh Dr. Mahathir itu tidak diperolehi secara jujur dan menipu serta tidak sah kerana 30 cawangan itu telah memberikan undian kepadanya. Kemenangan yanag diperolehi oleh Dr. Mahathir disifatkan sebagai 'Kemenangan Pondan' yang seharusnya tidak berlaku. Satu andaian telah dibuat jika calon tesebut bukan Dr. Mahathir, maka calon tersebut akan menang kerusí yang dipertandingkan itu. Rata rata peminat kedai kopi membincangkan penyewengan ini di dalam perhimpunan tersebut.

---

(11) Encik Abdul Latiff bin Ahmad, seorang petani dan pesara tentera, ditemuramah pada 16.6.1988

Paling hebat kata kata yang dihamparkan oleh Team B. seperti.... Dr. Mahathir gila kuasa, Dr. Mahathir Penipu besar! dan.. mamak sudah tipu melayu! kata kata ini kerapkali dihamparkan kerana ingin menunjukkan sikap protes terhadap Dr. Mahathir. Kata kata yang dikeluarkan berdasarkan emosi ini dapat memberi kepuasan individu di dalam menyatakan nada protes terhadap pemimpin tersebut.

Perselisihan telah munculdi antara dua penyokong kerana tindakan tuduh menuduh. Penyokong Team B akan membicarakan hal ehwal kumpulan tersebut terutama dengan dua tokoh utama iaitu Tengku Razaleigh dan Datuk Musa. Segala tindakan Team B adalah wajar bagi menentang pemimpin yang ada. Ini kerana pimpinan Dr. Mahathir sekarang telah mengalami kemerosotan disebabkan banyak berlakunya pekara pekara yang tidak baik, seperti penyelewengan, skandal pecah amanahdan sebagainya. Oleh itu sewajarnya pemimpin yang ada digantikan dengan satu pucuk pimpinan yang lain bagi memperbaiki kemorosotan itu. Manakala penyokong Team A menyangkal segala dakwaan tersebut dan cuba menerangkan motif sebenarnya Dr. Mahathir bagi membangunkan negara. Tindakan penentangan terhadap pucuk pimpinan Dr. Mahathir seharusnya tidakberlaku. Kedua dua tokoh Team B Tengku Razaleigh dan Datuk Musa dianggap tidak mematuhi lunas lunas parti dan dianggap mementingkan diri bagi mencapai cita cita politik masing masing. Perbincangan yang hangat dan diselangi dengan tuduh menuduh terhadap salah satu regu amat ketara. Suasana ini menjadi kebiasaan bagi sesebuah kedai kopi di kawasan ini . Namun, perbincangan ini semakin reda kerana seringkali

diperkatakan . Tambahan lagi pergolakan di dalam parti, UMNO telah berubah dari satu persoalan kepada satu persoalan yang lain akibat tindak tanduk Team B . Walaupun terdapat diantara mereka yang berminat untuk membincangkan pergolakan UMNO, tetapi sebilangan yang lain lebih berminat untuk berbincang topik lain kerana tidak ingin melihat pertengkaran.

Perbincangan kembali hangat, setelah pihak Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur memutuskan kes perbicaraan UMNO, dan mengisytiharkan UMNO sebagai pertubuhan yang tidak sahdan diharamkan . Keputusan ini benar benar memeranjatkan, dan tidak hairanlah terdapat pencita pencita UMNO menangis bila parti ini diharamkan . Kejadian tuduh menuduh kembali hangat, penyokong Team A begitu agresif membuat tuduhan mengatakan Team B yang bertanggungjawab di atas pengharaman tersebut. Kumpulan 11 telah digunakan oleh pemimpin Team A bagi mengatakan sikap protes dan memuaskan cita cita politik mereka.Kumpulan 11 dan Team B yang tewas di dalam pemilihan sepatutnya tidak mengambil tindakan mahkamah, sebaliknya mengambil tindakan lain seperti mengadakan perbincangan terlebih dahulu. Sememangnya perbuatan memahkamahkan UMNO ini tidak wajar sama sekali. Akibatnya parti UMNO dibubarkan dan ahli ahliberadadi dalam kekalutan. Perpaduan UMNO telah musnah dan terdapat jurang perbezaan yang besarkerana ia tidak mempunyai apa apa kaitan lagi dengan persatuan. Ini adalah satu malapetaka yang dijemput kehadirannya oleh Team B terhadap orang Melayu UMNO. Perbuatan ini telah mengkhianati bangsa Melayu sendiri dan seharusnya mereka tidak mendapat

keampunan sebagai satu pengajaran.

Namun begitu Team B tidak berdiam diri, mereka mengambil tindakbalas untuk menjawab segala tindakan tersebut. UMNO diharamkan bukanlah semata mata disabitkan Team B sahaja, tetapi Team A turut terlibat. Pemimpin Team A telah diingatkan tentang ada cawangan UMNO yang tidak berdaftar. Mereka telah diminta supaya tindakan diambil segera bagi menyelesaikan masalah ini. Inilah satu kesilapan Team A kerana memandang pekara itu satu remeh temeh. Penyokong Team B khususnya Tengku Razaleigh sejak mulanya telah 'bising' mengenai pekara ini dan pejabat UMNO membisu mengenainya. Malah ada kata kata dari ibu pejabat itu yan@g agak angkuh bahawa mereka yang tidak berpuashati boleh mengemukakan tuntutan mereka di Mahkamah,tetapi untuk memujuk ibu pejabat UMNO mengubah pendiriannya daripada meminda atau menyemak sesuatu keahlian adalah jauh sekali.(12) Menurut mereka lagi..."adalah mustahil seorang presiden parti seperti Dr. Mahathir tidak mengetahui tentangnya adanya cawangan yang tidak berdaftar... tetapi beliau sengaja mendiamkan diri kerana cawangan tersebut penyokong beliau".

Tindakan mahkamah adalah satu jalan yang terbaik bagi mendapat keadilan kerana pehak ibu pejabat tidak mahu menyelesaikan masalah itu. Tambahan lagi bukanlah menjadi niat Team B supaya UMNO diharamkan. Meraka mahukan satu pemilihan semula diadakan bagi mendapat keadilan .

---

(12) Hambali Abdul Latiff,UMNO Baru Milik Siapa? Penerbiran Pena Kuala Lumpur 1988. hal 155

Tetapi undang undang bukanlah satu permainan , undang undang tetap undang undang, tanpa mengira pangkat dan darjat. Tetapi kumpulah 11 telah membuat rayuan kepada mahkamah tetapi tidak berjaya kerana sengaja dibiarkan oleh peguam UMNO sendiri. Menurut berita yang saya baca, peguam bagi pihak 11 orang itu merayu mahkamah supaya jangan menistiharkan UMNO sebagai tidak sah, tetapi 11 orang ini dikutuk, dimaki dan dituduk menghancurkan UMNO. Sebenarnya ini bukanlah kesalahan mereka, mereka tidak berkuasa kerana mereka tidak ada kuasa . Yang berkuasa adalah pucuk pimpinan . Oleh itu orang yang berkuasalah yang menghancurkan UMNO. oleh kerana begitu lalai dengan kuasanya lalu lupa untuk menyelamatkan UMNO.(13)

Permasalah lain yang muncul akibat krisis keretakan hubungan di antara dua golongan iaitu golongan politik vateran dengan golongan muda didalam UMNO. Mereka tidak bersependapat lagi di dalam UMNO. Golongana vateran mendakwa golongan muda sekarang tidak menghormati dan mengingati perjuangan ahli politik lama khususnya perjuangan UMNO 1946. Parti UMNO telah dibentuk sebagai jentera untuk orang Melayu melancarkan perjuangannya. Semangat yang dipupuk oleh UMNO 46 begitu kuat seterusnya berjaya melunturkan pengaruh Inggeris. Oleh itu perjuangan ahli politik lama harus dikenang kerana telah membebaskan orang Melayu dari penjajah.

Maruah dan kepentingan Melayu telah dapat dipulihkan semula dari terus tergadai didalam tanahair sendiri.

---

(13) Chamil Wariya. UMNO Era Mahathir, hal 213

Semangat UMNO 46 haruslah dikekalkan bagi mengekalkan perpaduan UMNO, tidak semangat UMNO baru. Menuduh golongan mudadi dalam parti UMNO hari ini tidak mahu mengenang jasa pemimpin lama yang berjuang di dalam UMNO. Kebanyakan pemimpin UMNO hari ini lebih mengutamakan kepentingan diri, bukan terhadap perjuangan parti. Keinginan mereka untuk mendapat tempat sebagai pemimpin adalah satu platform untuk mendapat kemudahan diri sendiri dan kaum kerabat. Keadaan ini berbeza terhadap pemimpin lama UMNO, di mana kepentingan peribadi tidak dititikberatkan. Mereka lebih bersifat samarata di dalam banyak hal. Oleh itu golongan politik vateran berpendapat dari sifat sifat ini menerbitkan krisis di dalam UMNO hari ini.

Di dalamparti UMNO keahlian para anggotanya telah lucut bilamana pertubuhannya diisytiharkan tidak sah .Seramai 1.4 juta angota lama hilang taraf keahlian. (14) Parti yang ditubuhkan 42 tahun lalu mendapat sokongan yang menyeluruh dariorang Melayu di mana ahli terdiri dari berbagai golongan masyarakat Melayu,...sebuah pertubuhan kebangsaan yang pertama mendapat sokongan dari segenap masyarakat Melayu, dari golongan petani, radikal hingga kepada raja.....(15) Berdasarkan faktor ini dapat membentuk perpaduandi dalam parti itu sendiri.

Selain perpaduan Melayu, sikap UMNO dan pemimpinnya yang pragmatik juga telah membantu UMNO untuk berkuasa.

---

(14) Chamil Wariya. UMNO Era Mahathir. Ibid 22

(15) Chamil Wariya, UMNO Baru, Kelahiran dan Perkembangan Awalnya.K Publishing Distributors Kuala Lumpur hal 10

Pendirian ini telah membolehkan parti itu menyesuaikan perjuangan menurut keperluan semasa. Barangkali inilah vision awal para pemimpin yang telah mengasaskan UMNO tempoh hari. Mereka telah tidak memilih idealogi tertentu seperti sosialis atau kapitalis untuk UMNO.

Mereka menyedari bahawa sekiranya UMNO terikat dengan satu satu idealogi parti itu sukar untuk membuat perubahan struktur sekiranya parti itu perlu mengubah haluan jika terpaksa.

> "this fiexibility has been UMNO's strenchth for ithas been anabled Malays from all Strata of society to join what has become the biggest Malaysian political party with a membership of 1.3 million." (16)

Setelah UMNO Baru ditubuhkan oleh Dr. Mahathir, kempen mencariahli tidak dijalankan dan para ahli UMNO lama telahdijemput menyertai UMNO Baru. Lantaran itu sebahagian besar dari 1.4 juta orang bekas ahli UMNO dipelawa untuk menyertai UMNO melalui cawangan cawangan (jumlahnya 8800) serta di peringkat bahagian bahagian (jumlahnya 133 termasuk di Labuan) (17)

Di kawasan Bota kempen mencari UMNO baru juga telah diadakan. Borang borang keahlian telah diedarkan kepada penduduk.

---

(16) Maria Samad " UMNO has Changed" <u>The Subday Star</u> * Mac 1987

(17) Chamil Wariya, <u>UMNO Era Mahathir</u> Ibil hal 226

Pengedaran borang ini kebanyakannya terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Keselamatan Kampung (AJKKK) dan angota KEMAS (Kemajuan Masyarakat) bagi kaum wanita. Mereka ini selalunya menemui orang yang terdekat terlebih dahulu seperti anggota keluarga, sahabat handai dan jiran. Borang ini dihantar ke rumah atau dikirimkan melalui orang yang dikenali.

Sungguhpun borang keahlian telah diedarkan secara meluas namun sambutan adalah tidak memuaskan . Menurut seorang AJKKK, dari 30 set borang yang telah diberikan hanya 5 set sahaja yang di pulangkan.Beliau telah membuat anggapan bahawa minat penduduk untuk menyertai UMNO Baru tidak mengalakkan. Namun begitu beliau telah membuat rumusan mengapa keadaan ini berlaku.

Penyertaan di peringkat ini tidak mengalakkan kerana kebanyakan penduduk merasakan tidak begitu yakin terhadap parti yang baru ditubuhkan ini. Kedudukan UMNO masih lagi belum benar benar kukuh. Ketika ini pemimpin Team B masih bergiat menghalang kegiatan mendaftar ahli dalam UMNO Baru. Persainganyang ditunjukkan oleh Team B masih hebat, dengan mengadakan beberapa perjumpaan denga beberapa penyokong penyokongnya. Tambahan lagi ketika ini Hari Raya Adilfitri baru sahaja disambut dan beberapa perjumpaan untuk memeriahkan Hari Raya ini diadakan. Jadi keupayaan Team B tidak boleh disangkal, tambahan lagi berdasarkan keputusan pemilihan, sokongan yang diberikan oleh perwakilan agak besar. Walaupun Team A telah berjaya menubuhkan UMNO Baru ini

tidak bererti Team B boleh mengugat kedudukannya. Berdasarkan situasi ini masyarakat di sini lebih berminat menunjukkan sikap tunggu dan lihat perkembangan seterusnya. Bila keadaan benar benar pulih dan menyakinkan barulah mereka akan menyertai sesuatu parti politik-UMNO Baru.

Terdapat juga di kalangan mereka yangtidak beberapa yakin dan mempersoalkan kebolehan serta kewibawaan pemimpim parti UMNO Baru. Setelah parti UMNO Baru ditubuhkan ,banyak pemimpin Team B di singkirkan. Mereka tidak terpilih untuk menjadi penaja UMNO Baru. Mereka yang disingkirkan seperti Tengku Razaleigh, Datuk Musa, Datuk Shahrir Samad, Datuk Najib Ahmad, Datuk Radzi Sheikh Ahmad,Hajjah Rahman Osman, Hajjah Marina Yusuf, Datuk Kadir Sheikh Fadzir, Haji Rahim Bakar dan Datuk Zainal Abidil Zainal adalah tokoh UMNO yang berkeliber turut sama memimpin UMNO sebelum diharamkan. Ketiadaan mereka tentulah sedikit banyak akan menjejaskan prestasi UMNO. Jadi pemimpin UMNO Baru dianggap tidak sekukuh UMNO lama. Pemimpin yang ada di dalam UMNO Baru dirasakan tidak begitu menyakinkan dapat menjalankan parti dengan baik.

Selain daripada sebab di atas yang menyebabkan pemulangan borang tidak memuaskan, faktur kekeluargaan juga mempengaruhi. Kemunculan dua regu secara tidak langsung telah membentuk penyokong masing masing dari peringkat nasional hinggalahunit kampung. Kemunculan Team A dan Team B amat mempengaruhi penduduk bagi menyokong salah satu regu, didalam unit rumahtangga unsur ini tidak berkecuali samada memberi sokongan kepada Team A atau Team B. Terdapat di antara ketua

keluarga seperti bapa tidak membenarkan anggota keluarga menjadi ahli UMNO Baru jika beliau anggota keluarga yang tinggal sebumbung dengannya. Beliau akan menyimpan borang keahlian tanpa dikembalikan sebagaimana sepatutnya.

## Persaingan Dengan Parti PAS

Sebenarnya semangat permusuhan UMNO-PAS bukanlah satu pekara yang luar biasa. Sejak ditubuhkan pada 1951 dan memenangi kerusi tunggal di kerian, Perak dalam pilihanraya Umum tahun 1955, PAS kekal sebagai parti pembangkang. Ia menjadi musuh tradisi UMNO. Persengketaan demi persengketaan di antaraUMNO-PAS tidak pernah reda sehingga PASmenyertai Barisan Nasional dalam tahun 1974. Akan tetapi kerjasama UMNO-PAS dalam Barisan Nasional tidak kekal lama apabila perselisihan kerajaan campuran di negeri Kelantan bergolak pada tahun 1977.

> In September 1977,a political crises developed in Kelantan which treatened to dismember of Barisan Nasional. The troble began as an internal problem PAS leader, Datuk Asri, remove Kelantan's Menteri Besar Also a Pas member. This led to rioting and demontrations against the move in the streets of state capital, Kota Baharu, The collapse of thePAS regime in kelantan,The impiposition of thefedreal rule and state of emergency and departure of PAS from the ruling Barisan coalition. In this way nineteen years of PAS anministration in Kelantan came to the end, to be replaced subsequently by Barisan Nasional government,(18)

---

(18) Tunku Abdul Rahman, Kelantan, PAS dan Asri,As a Metter of interest Pelanduk Publication, Petaling Jaya hal 18.

Akhirnya PAS keluar dari Barisn Nasional dan menjadi seteru UMNO dengan lebih ketara lagi dengan bila pertukaran pucuk pimpinan. Presiden baru Haji Yusuf Rawa, pernah menewaskan Perdana Menteri Datin Seri Dr. Mahathir dalam pilihanraya Umum 1969.

Kesungguh pemimpin PAS kini terutama Haji Hadi Awang melalui isu kafir mengkafir amat menakjubkan berbanding dengan zaman lampau. Di samping memainkan isu kafir mengkafir PAS bertindk lebih jauh dengan gagasan untuk berdialog dengan parti komponen Barisan Nasional yang lain. Sementara PAS bertindak agresif menentang UMNO dengan perjuangan yang disebut sebagai "Jihad", UMNO pula mengubah taktiknya dari defensif kepada ofensif. Malah UMNO pernah menuduh PAS lebih bahaya daripada kominis. Perubahan tektik inimenghangatkan suasana politik tanah air dan menimbulkan ketegangan sesama islam/Melayu.

Perangmulutdancabar mencabardi antarapemimpin UMNO dengan PAS terus merebak. suasana begini mempengaruhi penduduk luar bandar yang majoritinya terdiri daripada orang Melayu sama setia pada UMNO ataupun PAS.

Di dalam kawasan Bota, pertentangan UMNO lama dan PAS agak ketara lebih lebih lagi di dalam tahun 1983 hingga 1985. Kejadian pulau memulau telah berlaku di Titi Gantung di antara kedua dua penyokong parti.(19)

---

(19) Encik Mohd Alias Mohd Aliff ditemuramah pada 13.6.1988

Pengikut pengikut PAS telah memulau kenduri kenduri yang dibuat oleh orang UMNO. Di samping itu juga terdapat di antaranyatidak ziarah menziarahi jiran ketika berlaku sakit demam. Tetapi sembahyang dua imam tidak berlaku walaupun perselisihan begitu hebat. Ini adalah kerana penyokong PAS adalah lebih ramai dan mempunyai pengaruh yang kuat di kawasan ini. Titi Gantung adalah satu satunya kubu terkuat PAS di Bota.Selaku pusat gerakan , Titi Gantung menjadi tumpuan penyokng PAS bagi kawasan Bota. Ramai di antara penduduk di kawasan ini(Bota) di luar Titi Gantung telah berkunjung ke pusat gerakan.Terdapat di antaranya mereka yang berkunjung semata mata untuk sembahyang fardu bersama rakan rakan seperjuangan di atas dasar parti. Mereka mendakwa adalah haram bagi orang PAS bersembahayang selain dari Masjid Titi Gantung. Masjid di tempat tempat lain dibina oleh pihak kerajaan, tidak seperti Masjid di Titi Gantung dibina oleh PAS ?

Di dalam sejarah pilihanraya Umum yang telah berlangsung , pertentangan yang diberikan oleh PAS terhadap UMNO tidak pernah luntur di kawasan ini. Setiap kali pilihanraya Umum diadakan PAS tak pernah ketinggalan meletakkan calonnya.Di dalam usaha yang meluas untuk mengukuhkan pengaruh dan sokongan, berbagai isu telah diadakan setiap kali ceramah ceramah diadakan. Antaranya kepincangan di dalamkerajaan Barisan Nasional akibat dari perebutan kuasa, rasuah, skandal politik wang, konflik personaliti, merebut kekayaan peribadi, menyebabkan rakyat sudah menjadi bosan, benci dan meluat terhadap kerajaan.[20]

Gaya dan stail yang dibawa oleh pemimpin muda PAS, terutama gaya Haji Abdul Hadi Awang melalui ceramah, keset dan khubah jumaatnya serta melalui pakaian pakaian mereka dan melalui fatwa fatwa yang dikeluarkan menarik perhatian perhatian masyarakat Melayu terhadap kebangkitan konsep dan idealogi Islam. Kesemua unsur ini menjadi tunggak perjuangan PAS di dalam menentang UMNO.

Di dalam tahun 1986 beberapa siriceramah PAS telah diadakan, kebanyakan ceramah telah di adakan di Masjid Titi Gantung, dan satu ceramah telah diadakan di pekarangan rumah penyokong PAS di Bota Kanan. (21) Ceramah ceramah yang diadakan bertajuk "Israq dan Mikraj',(22) tetapi isi kandungannya lebih berpusat mengkritik parti UMNO dan kerajaan. Terdapat banyak dakwaan yang dikemukakan oleh mereka seperti ketidakadilan mereka terhadap parti PAS. Selain dari itu mereka mendakwa pihak akhbar memutarbelitkan kenyataan yagn dibuat menyebabkan PAS bertambah derita.

---

(20) Zakry Abadi, Pilihanraya Umum 1986, satu Analisa Grafika Abadi, Percetakan Sentosa Kuala Lumpur hal. 25

(21) Encik Anuar Sarji,seorang ahli parti PAS ditemuramah pada 22.6.1988

(22) Peristiwa mengingatkan kisah Nabi Muhamad (saw)diangkat kelangit menemui Allah.

Kenyataan ini memang tidak boleh disangkal. Dalam satu kenyataan akhbar , Ustaz Fadzil Noor sendiri mengakui bahawa peranan media massa telah menyebabkan parti PAS menjadi parti yang cukup menderita. (23)

Kerajaan tidak mengambil berat di kawasan yang mempunyai ramai penyokong PAS, seperti Titi Gantung. Manakala selain dari Titi Gantung kerajaan (UMNO) telah mendapat perhatian yang lebih. Segala kemudahan telah disediakan oleh kerajaan denganmendiskriminasikan kawasan PAS.

Parti UMNO (lama) cawangan Bota telah begitu lama bertentangan dengan PAS untuk meletakkan pengaruhnya. Berdasarkan beberapa pilihanraya Umum yang telah berlangsung menunjukkan UMNO lebih mendapat tempat.Tetapi tidak bermakna PAS tidak mempunyai pengaruh di kawasan ini. Di dalam dua siri pilihanraya Umum 1969-1974 dan 1974-1978 PAS telah berjaya mengukuhkan kedudukan dan berkubu dengan kuat di kawasan ini . Kini tugas UMNO lama telah diambil oleh UMNO Baru bagi meneruskan perjuangan UMNO. Sifat kesinambungan yang dibawa oleh UMNO baru ini sama sekali tidak terlepas dari tentangan PAS. Oleh itu UMNO (baru) tetap akan mendapat tentangan hebat dari PAS bagi pilihanraya akan datang. Segala maslah yang diwarisi oleh UMNO 46 akan diturunkan kepada UMNO (baru) bagi melengkapkan kesinambungan UMNO.

---

(23) Zakry Abadi. op cit hal 25

## BAB EMPAT

Di dalam bab ini penulis akan memerihalkan berkenaan dengan pemilihan UMNO pada 24 April 1987. Pemilihan ini adalah satu topik yang begitu penting sebagai titik tolak perpecahan didalam UMNO. Seterusnya penulis menghuraikan pendapat responden berkaitan dengan pemilihan ini berdasarkan temuramah yang telah dilakukan.

### Pemilihan UMNO 1987

Perhimpunan Agung UMNO telah berlangsung pada 24 April 1987 telah menempa sejarah sebagai garis pemisahan tradisi dan politik ala demokrasi dalam UMNO apabila Dr. Mahathir ditentang untuk jawatan presiden parti itu. Sememangnya UMNO dibentuk atas dasar demokrasi, tetapi hingga kini politik masih kuat berakar umbi dan pemimpin tertinggi tidak dicabar begitu rupa sepertidi dalam pemilihan ini. Bagi politik tridisi, ini mungkin bermakna ia sudah mula diketepikan, dan bagi politik yang ada demokrasi ia mungkin sudah sampai ke satu tahap kematangan yang baru.

Berdasarkan perkembangan dalaman dan luaran parti UMNO, pertandingan untuk ketua nombor satu UMNO telah terbukti. Dalam sejarah UMNO, Presiden dan Timbalan Presiden parti sehingga beberapa tahun kebelakangan ini tidak pernah dicabar. Tunku Abdul Rahman dan Tun Hussein Onn memegang jawatan ini sehingga mereka mengundurkan diri. Tun Abdul Razak Hussein pula memegang jawatan Presiden UMNO sehingga beliau meninggal dunia.

Bagaimanapun amalan tradisi ini mula dipecahkan setahap demi setahap bermula dengan pertandingan untuk jawatan Timbalan Presiden pada tahun 1984. Pertandingan untuk jawatan Timbalan Presiden pada 1981 di antara Datuk Musa dengan Tengku Razaleigh harus berlaku kerana ia bertujuan untuk mengisi kekosongan. Manakala pertandingan untuk jawatan Timbalan Presiden tahun 1984, seharusnya tidak berlaku jika amalan tradisi dipatuhi kerana ketika itu sudah ada pemegang jawatan itu iaitu Datuk Musa Hitam.

Penentangan terhadap presiden perti bukanlah satu perkara baru.Bibitnya sudah ditanam apabila Haji Sulaiman Palestinmenentang Datuk Hussein Onn dalam perhimpunan UMNO tahun 1978. Sulaiman Plestin, as a proxy to fight Hussein Onn for the presidency.Surprisingly,he received 250 votes as against 898 for the Prime Minister. (24) Bagaimanapun cabarannya tidak dianggap serius kerana beliau bukanlah seorang seorang yang mempunyai ketokohan untuk menjadi Perdana Menteri. Apabila pengundian dijalankan, ternyata sokongan terhadap Haji Sulaiman tidak memberangsangkan iaitu 250 undi berbanding dengan 898 undi yang didapati oleh Datuk Hussein Onn.

Tetapi pemilihan 1987 adalah berbeza sama sekali di mana terdapat regu iaitu regu Dr. Mahathir -Encik Ghafar Baba dan regu Tengku Razaleigh-Datuk Musa Hitam. Keadaan telah berubah, dulu tidak ada puak puak dalam parti meskipun wujudnya pertandingan.

---

(24) The World Today "Malaysia: the New Generation Take Over" Royal Institute of International Affairs.September 1981 vol. 37 no. 9 hal 317

Kini telah ramai yang berkomplot dan mengejar kedudukan. (25) Dalam percalunan untuk jawatan presiden, daripada 133 bahagian UMNO di seluruh semenanjung dan Labuan, sebanyak 37 bahagian mencalonkan Tengku Razaleigh, semantara Datuk Musa Hitam dan Encik Ghafar Baba masing masing mendapat satu pencalonan. Dr. Mahathir yang memegang jawatan Presiden UMNO, mendapat percalonan daripada 89 bahagian. Beberapa bahagian tidak mencalonkan sesiapa. Pencalonan yang diterima olah Tengku Razaleigh-Datuk Musa agak meluas, walaupun sebahagiannya tertumpu kepada Johor, Kelantan, Terengganu dan Pahang.

Bagi jawatan Timbalan Presiden, Ghafar Baba menerima 74 pencalonan, Datuk Musa 51 pencalonan dan Tengku Razaleigh 2. Manakala untuk tiga jawatan Naib Presiden Encik Anuar Ibrahim menerima sebanyak 76 pencalonan. Datuk Abdullah Ahmad Badawi 75, Datuk Seri Amar Diraja Wan Mokhtar Ahmad 54,Datuk Seri Ramli Ngah Talib 40, Datuk Seri Sanusi Junid 39, Datuk Rais Yatim 15, Encik Ghafar Baba 12, Datuk Harun Idris 10, Tengku Ahmad Rithaudeen lapan, Datuk khalid Yaakob lapan, Datuk Shahrir Abdul Samad tiga, Hajah Marina Yusuf dua, Datuk Muhamad Haji Muhamad Talib dan Datuk Abdullah Ahmad masing masing satu.

Dua pekara yanhg ditekankan dalam satu pemilihan 1987 ini, ialah hasrat beberapa orang pemimpin untuk mengambil alih pucuk pemimpinan, dan sambutan atau sokongan ahlidi peringkat bahagian. Keghairahan untuk mencabar Presiden Parti wujud bukan sahaja di kalangan beberapa pemimpin tetapi juga meluas di kalangan ahli ahli. Di dalam

amalan UMNO pencalonan yang diberikan kepada Tengku Razaleigh untuk bertanding jawatan Presiden adalah luar biasa. Andaian yang dibuat berikutan strategi yang diaturkan oleh kumpulan Tengku Razaleigh-Musa atau perasaan tidak puas hati terhadap pimpinan Dr. Mahathir memang begitu meluas.

Pemilihan 1987 dianggap istimewa kerana terdapat perubahan komponen di dalam UMNO sendiri. Satu hakikat penting yamg harus diterima ialah UMNO kini telah berubah. Banyak perubahan berlaku didalamnya dari segi jumlah ahli, tahap pendidikan dan taraf ahlinya serta jenis pekerjaan ahli dan dari segi idealogi. Menurut salah satu profail yang disediakan oleh saudara Anuar Ibrahim, 1506 wakil yang terpilih untuk memilih para pemimpin UMNO terdiri dari guru (19%), peniaga dan usahawan (25%), pegawai kerajaan (23%) ahli perlimen dan Dewan Negeri (19 peratus), ahli Kemas (5 peratus), ahli Profesional, penghulu dan lain lain (9 peratus)(26) Profail ini jauh berbeza dari tahun 1960an apabila guru merupakan sebahagian besar daripada wakil tersebut.

Pergerakan Wanita UMNO cuba mempertahankan calon calonnya sebagai usaha menambahkan bilangan wanita dan Majlis Tertinggi, Timbalan Menteri Pengangkutan Puan Rahmah Osman, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Dr. Siti Zaharah Sulaiman; Timbalan Menteri Perumahan, Puan Napsiah Omar dan setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah,

---

(26) Safar Hashim, "Pemilihan UMNO: Antara Tradisi dan Amalan Demokratik," Dewan Masyarakat Mei 1987 hal 8.

Datin Paduka Zaleha Ismail menguji nasib masing masing. Wakil wanita di Majlis Tertinggi yang sedia ada Datin Paduka Rafidah Aziz, Puan Rahmah Othman dan Puan Marina Yusuf.Tidak dapat dinafikan terdapat kempen kempen yang hebat dilancarkan kerana masing masing ingin memperbaiki undi.

## <u>Pandangan Masyarakat Terhadap Krisis UMNO</u>

Keutuhan parti UMNO yang sekian lama kini telah runtuh bilamana satu pergolakan besar telah melanda. Perhimpunan UMNO 24 April 1987 adalah detik berlakunya perpecahan perpaduan dan pimpinan Melayu UMNO. Mengapa keadaan ini berlaku ?

Kesemua responden berpendapat bahawa krisis ini berpunca dari pemimpin tertinggi UMNO iaitu Dr. Mahathir, Tengku Razaleigh dan Datuk Musa Hitam. Di antara mereka ini berlaku sifat persaingan bagi mencapai cita cita mereka dan kepentingan peribadi masing masing. Kesemua mereka ini tidak mahu mengalah kerana masing masing ingin menonjolkan diri sebagai pemimpin UMNO yang unggul. Cabaran telah ditunjukkan oleh Tengku Razaligh dan Datuk Musa terhadap Dr. Mahathir. Tarikh 24 April dianggap sebagai 'retak menanti belah' dimana sebelum ini memang terdapat krisis. Datuk Musa yang menjadi orang penting telah menimbulkan pergolakan tersebut. Perletakan jawatan beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri telah menunjukkan ada salah faham dengan Dr. Mahathir tetapi bukan atas perbezaan dasar. Pada tahun 1984, beliau telah menyatakan pandangan kepada Dr. Mahathir supaya menyisihkan

Tengku Razaleigh dari kabinet, tetapi tidak diendahkan. Sebaliknya Tenku Razaleigh dikekalkan tetapi tidak lagi di Kementerian Kewangan. Datuk Musa merasa tidak senang dengan tindakan Dr. Mahathir ini kerana melihat kehadiran TengkuRazaleigh di dalam kabinet sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian akan menjadi penghalang kepada cita cita beliau untuk naik lebih tinggi dalam parti UMNO. Kemasukan Datuk Daim Zainiddin dan Anwar Ibrahim telah mengecilkan lagi peranan beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO.Oleh itu beliau merasakan kedudukan dibawah Dr. Mahathir akan terus menekan cita citanya. Setelah melepaskan jawatan , kerana tidak lagi mendapat kepercayaan dan kerjasama dari Perdana Menteri. Perhimpunan 24 April adalah satu peluang bagi Datuk Musa untuk menonjolkan polularitinya. Kerana menyedari beliau mempunyai pengikut yang agak besar, keputusan dibuat untuk menarik perletakan jawatan sebagai Timbalan Presiden UMNO yang kemudian digunakan untuk mencabar pimpinan Dr. mahathir bersama Tengku Razaleigh.

Tengku Razaleigh mempunyai cita cita peribadi yang tinggi untuk kejawatan nombor satu dalam parti dan kerajaan. Tetapi cita cita beliau tidak boleh dipenuhi selagi Dr. Mahathir masih memimpin. Beliau telah pun kecundang sebanyak dua kali dalam pertandingan kerusi Timbalan Presiden UMNO di dalam tahun 1981 dan 1984.Di dalam pertandingan ini ternyata Dr. Mahathir memberi komitmen yang lebih pada Datuk Musa. Tengku Razaleigh agak tersisih,tetapi masih dikekalkan oleh Dr. Mahathir dalam kabinet. Ini kerana beliau barangkali

turut merasakan bahawa beliau dikekalkan sebagai menteri kerana Dr. Mahathir ingin mengimbangi Datuk Musa. (27) Ini kerana pengaruh Datuk Musa semakin menjalar dan bertapak kukuh di kalangan ahli ahliUMNO. Beliau begitu popular di kalangan rakyatdan telah menunjukkan prestasi pemimpin yang baik bersama Dr. mahathir. Berdasarkan situasi ini Dr. Mahathir perlu berwaspada terhadap Datuk Musa kerana mungkin akan menimbulkan persaingan. Oleh itu Dr. Mahathir memerlukan seorang tokoh untuk mengimbangi pengaruh Datuk Musa. Oleh itu Tengku Razaleigh difikirkan tokoh yang sesuai sekaligus beliau dikekalkan di dalam kabinet.Tetapi bilamana Datuk Musa meletakkan jawatan maka peranan beliau tidak diperlukan lagi, sedangkan beliau masih mempunyai cita cita politik. Tambahan peranan beliau semakin kecil setelah kemasukan seorang tokoh iaitu Daim Zainuddin. Lantaran itu, beliau membuat keputusan untuk menentang Dr. Mahathir bagi jawatan Presiden. Sebanyak 37 calon bahagian menyebabkan beliau begitu yakin untuk bertanding. Tengku Razaleigh mungkin telah membuat perhitungan , beliau tidak mengalami apa apa kerugian jika mengalami kekalahan. Sebaliiknya jika menang beliau akan menjadi Presiden dan sekaligus menjadi Perdana Mentei Malaysia.

Selain dari itu mereka juga berpendapat bahawa UMNO bergolak kerana disiplin dan tradisi parti telah tidak dihormati oleh mereka yang bertelagah.

---

(27) Chamil Wariya, UMNO Era Mahathir. Fajar Bakti Petaling Jaya. 1988 hal 139

Antara tradisi termasuklah para pemimpin parti, apabila mereka mendapat isyarat bahawa mereka tidak lagi mendapat sokongan jitu daripada parti mereka hendaklah mengundurkan diri. Keadaan seumpama ini berlaku pada Datok Onn bilamana percubaan beliau supaya UMNO membuka keanggotan parti kepada bukan Melayu dalam tahun 1951, tetapi telah melepaskan pimpinan parti setelah gagasan beliau ditolak. Begitu juga dengan Tengku Abdul Rahman, Presiden UMNO kedua setelah menyedari perkhidmatan beliau tidak lagi diperlukan telah meletakkan jawatan.

Tridisi ini menjadi amalan sebagai memberi sokongan pada Presiden jitu kepada pemimpin tertinggi parti untuk mendapatkan mandat rakyat serta parti parti lain untuk memerintah. Jika pun ada pertandingan bagi jawatan presiden dan timbalannya, ia sepatutnya berlaku hanya apabila ada kekosongan seperti yang dialami oleh Tengku Abdul Rahman pada tahun 1951. Perletakan jawatan Dato Onn menyebabkan kerusi presiden ada kekosongan. Tiga orang calon bertanding iaitu Tunku Abdul Rahman, C.M. Yusuf dan Haji Ahmad Fuad untuk kerusi tersebut. Mereka bertentang tetapi setelah Tunku menang, pimpinan beliau tidak dicabar oleh sesiapa secara terbuka sehinggalah beliau meletakkan jawatan dalam tahun 1971. Tun Razak telah dipilih sebagai Timbalan Presidedn tanpa bertanding. Sejak itulah tradisi dan demokrasi yang menjadi amalan UMNO. Presiden dan Timbalan Presiden yang memegang jawatan tidak akan dicabar sehingga mereka secara sukarela meletakkan jawatan.

Ini menunjukkan bahawa pimpinan UMNO bukan sahaja mamburu kedudukan yang lebih baik, tetapi juga berani meletakkan masa depan politik mereka buat sementara waktu.

Di dalam pemilihan 1987 regu Tengku Razaleigh-Musa telah menentang kem Dr. Mahathir-Ghafar. Walaubagaimanapun kem Dr. Mahathir telah menang dengan mejoriti yang tipis. Namun begitu kumpulan 11 orang pemimpin UMNO peringkat cawangan mencabar keputusan yang telah memberi kemenangan kepada Dr. Mahathir dan Ghafar. Mereka yang tidak berpuas hati telah menggunakan Mahkamah untuk untuk meminta supaya kemenangan Dr. Mahathir dan Majlis Tertinggi dibatalkan.

Menurut 8 orang responden, tindakan kumpulan 11 membawa parti UMNO ke Mahkamah adalah tidak wajar samasekali.Ini kerana krisis UMNO boleh dianggap sebagai satu krisis rumah tangga yang melibatkan para pemimpia sahaja. Tetapi mungkin kumpulan 11 ini telah dipengaruhi oleh tokoh yang telahtewas di dalam pemilihan yang telah berlangsung. Inikerana ada di antara mereka seolah tidak demokratik dan enggan menerima keputusan yang telah dibuat oleh perwakilan. Sepatutnya kumpulan 11 tidak berpuashati itu terlebih dahulu mangambil tindakan mengikut saluran parti kerana tindakan di luar parti akan memberikan kesan yang buruk.

Setelah memikirkan kesan buruk akan menimpa keatas UMNO, beberapa pihak telah mengingatkan kumpulan itu supaya membatalkan niat mendakwa UMNO ke mahkamah.Datuk Musa telah pun meminta pihak yang hendak membawa UMNO ke Mahkamah supaya

membatalkan usaha itu.(28) Mereka yang masak bermain politik, mereka yang mengkaji ilmu politik dan mereka yang ahli mahir dengan undang undang sivil sudah awal awal lagi tahu bahawa Mahkamah bukan tempatnya mencari pengadilan politik dalam kamar yang begitu kecil di hadapan segelintir manusia,biar searif mana sekalipun mereka.(29)

Sebenarnya pihak mahkamah lebih suka menyelesikan kes politik dibuat secara politik. Oleh sebab itu kalau kita masih ingat , Hakim Datuk Harun Hashim dengan bijaksana telah memberi peluang kepada MCA menyelesaikan masalahnya di luar Mahkamah apabila parti itu dilanda masalah awal tahun 1980-an dahulu. Ini menunjukkan bahawa krisis kepimpinan MCA tidak sesuai diadili oleh mahkamah. Ini membuktikan bahawa mahkamah tidak begitu terburu buru dalam menyelesaikan masalah politik, kerana ia tahu hakim paling sesuai bagi kes kes sedemikian ialah ahli ahli parti sendiri. (30) Namun begitu mereka terus menolak. Dr. Mahathir memberitau kemudian bahawa dalam pertemuan yang diadakan itu, kumpulan 11 tetap tegas dengan pendirian mereka mahukan satu pemilihan baru pucuk pimpinan diadakan.(31)

---

(28) Mingguan Malaysia Ahad 13 Julai 1988

(29) Utusan Malaysia Khamis 26 Mei 1988

(30) Ibid. hal 26

(31) Chamil wariya, UMNO Era Mahathir. hal 205

Jika benar benar kumpulan 11 orang ini ingin menegakkan kebenaran, mereka sepatutnya mengeluarkan aduan mereka dengan cara yang ditetapkan. Pada hakikatnya mereka menggunakan undang undang untuk memperjuangkan kes mereka, memperlihatkan bahawa mereka sebenarnya tidak jujur dan mempunyai motif yang lain, iaitu ingin menguIingkan pemimpin yang ada. Dr. Mahathir pada 14 Februari 1988 mendedahkan bahawa 11 orang itu hanya bersetuju membatalkan kes mahkamah sekiranya Dr. Mahathir berhenti menjadi presiden UMNO dan tokoh pilihan mereka dijadikan presiden parti menggantikan Dr. Mahathir. (32)

Seterusnya kumpulan 11 ini telah di 'programkan' dengan baik oleh pemimpin yang tewas untuk mengatur strategi. Jika dilihat secara spontan adalah mustahil kumpulan ini dapat mengatur strategi yang baik kerana mereka berasal dari kawasan yang berlainan dan berjauhan di antara satu sama lain. Mereka bukanlah terdiri dari golongan yang arif dengan undang undang ataupun golongan profesional atau intelek, tetapi dari golongan pemimpin UMNO di peringkat cawangan.

---

(32) Chamil Wariya, op cit hal 206

Anggota kumpulan 11 ini berasal dari kawasan Pantai Timur dan Pantai Barat Semananjung Malaysia.(33) Walaupun kini sistem komunikasi begitu baik sekali dan mereka dapat berhubung selalu adalah mustahil sekali dapat membuat strategi dan keputusan yang sama.

---

(33) **Kawasan Anggota Kumpulan 11**

**Pantai Timur Semananjung**

1. Muda Yaakub- Cawangan Bukit Bahagian Pasir Puteh
2. Abdul Rahman Yaakub- Cawangan Batu Hitam Pasir Puteh
3. Mohamad Yusuf Yunus- Cawangan Gong Kedah, Pasir Putih
4. Abdul Rahman Hassan- Cawangan Pangkal Meleret
5. Daud Che Soh- Cawangan Kampong Pek, Machang
6. Mohamad Nor Senak- Cawangan Pangkal Macahang.Machang ke 1
7. Mohd Mokhtar Hj Mohamed - Cawangan Pekan Lama, Pekan.

**Pantai Barat Semananjung**

1. Mohd Noor Othman - Cawangan Bukit Tambun Bhg Nibong Tebal
2. Mohd Yusuf Othman - Cawangan kampong Baru Bhg Nibong Tebal
3. Kamaruddin Awang Teh - Pemuda UMNO Bahagian Beruas
4. Abdul Rahim Abdul Rahman - Cawangan Tanjung Agas

Namun begitu empat orang responden berpendapat tindakan kumpulan 11 ini mendakwa UMNO ke mahkamah adalah wajar. Mereka memberikan alasan supaya dapat menyedarkan pihak Ibu Pejabat UMNO dan Dr. Mahathir. Ini kerana sebelum perhimpunan Agong 24 April telah ada suara mengingatkan terdapat beberapa cawangan yang tidak berdaftar dibawah Pendaftaran Pertubuhan. Tetapi pihak Ibu Pejabat UMNO memandang dingin dan angkuh dengan pengaduan itu.

> "aduan aduan mempersoalkan kesahihan pemilihan cawangan dan bahagian tertentu sudah dibuat kepada setiausaha Agong parti itu, tetapi tidak ada tindakan diambil. Lantaran itu plaintif tidak boleh dikatakan tidak menggunakan sepenuh saloran parti untuk menyelesaikan masalah itu. Kerana itu, plaintif tidak ada pilihan lain kecuali membawa kes itu ke Mahkamah" (34)

Berdasarkan kenyataan di atas , memang jelas menunjukkan telah ada usaha untuk menunjukkan rasa tidak puas hati dalam mendapat keadilan melalui saluran parti, tetapi usaha itu tidak mendapat perhatian. Mengambil jalan mahkamah adalah satu langkah terbaik supaya segala ketidakpuasan hati itu dapat ditunjukkan. Mahkamah adalah langkah terbaik bagi melunturkan keangkuhan seseorang pemimpin seterusnya mendapat pengajaran kepadanya. Oleh itu pemimpin janganlah menganggap orang bawahan bersifat lemah dan tidak berupaya untuk mengugat mereka. Dengan tindakan ini ia boleh dijadikan satu iktibar kepada seseorang pemimpin supaya tidak mementingkan diri sendiri dan kumpulan sahaja.

---

(34) Hambali Abdul Latiff. UMNO Baru Milik Diapa Penerbitan Pena, Kuala Lumpur. 1988, hal 117

Krisis yang melanda UMNO begitu serius, tidak pernah berlaku sebelum ini. UMNO telah hancur akibat dari perebutan kuasa di antara pemimpin di dalam mengejar cita cita dan kepentingan peribadi. Seterusnya, perpaduan UMNO yang dibentuk sekian lama talah hancur dan dipisahkan oleh dua jurang akibat pengaruh dua kumpulan yang bertelagah. Namun begitu semangat UMNO masih lagi terpendam disanubari ahli ahli UMNO.

## BAB LIMA

### UMNO - Satu Imbasan Kembali dan Kemunculan UMNO Baru

Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau dikenali sebagai UMNO singkatan daripada United Malay Nasional Organisation ditubuhkan di Istana Besar Johor Baharu pada 11 Mei 1946. Buat pertamanya orang Melayu mempunyai pertubuhan politik yang benar benar bercorak Kebangsaan melampau, memecah batas kenegerian. Kalau adapun parti politik yang ditubuhkan untuk menerima keanggotaan dari seluruh semenanjung sebelum UMNO seperti Kesatuan Melayu Muda (1937) Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM-1945) tetapi sokongan yang diberikan kepada dua pertubuhan bercorak nasional ini tidak besar seperti yang diperolehi oleh UMNO.

Dengan tertubuhnya UMNO, sebahagian besar badan badan politik Melayu menyertainya pada mulanya sebagai angota bersekutu atau gabungan, dan kemudian sebagai ahli secara langsung. PKMM, walaupun turut sama mengasas UMNO dalam kongres yang diadakan di Kelab Sultan Sulaiman pada 1 hingga 4 Mac 1946, menarik diri beberapa bulan kemudian atas soal idealogi. Parti itu meninggalkan UMNO kerana mendapati perjuangannya tidak secocok sebab parti itu menganutifahaman republikan sedangkan UMNO mempertahankan hak orang Melayu dan raja raja Melayu. Tetapi dari segi perjuangan Melayu, yang penting di siniialah bagaimana rangangan Inggeris untuk memperkenalkan Malayan Union telah menyatukan bangsa melayu menentang penjajah untuk menebus kembali maruah. Gagasan Malayan Union yang ingin dikuatkuasakan oleh Inggeris itu

sebenarnya usaha pertama untuk mewujudkan sebuah Semenanjung Melayu sebagai satu entiti politik bagi manggantikan negeri negeri Melayu yang sebelum ini wujud sebagai unit yang berasingan.

Tetapi bukanlah ciri dalam Malayan Union yang ditentang oleh bangsa Melayu. Mereka menerima penyatuan negeri negeri Melayu "Union" , tetapi menentang dua espek Malayan Union, pertamanya rancangan Inggeris untuk mengambilalih kuasa raja raja Melayu bagi diserahkan secara langsung kepada gabenor. Jika keadaan ini berlaku maka raja raja melayu di negeri sendiri akan menjadi boneka. Bagi orang melayu ini adalah pekara yang memalukan. Aspek kedua pemerintahan Malayan Union ialah rancangan untuk memberi taraf kewarganegaraan yang terlalu libral berdasarkan "jus soli" kepada penduduk imigran. Bangsa Melayu tidak boleh menerima hakikat itu, kerana mahu ketuanan mereka ditanahair sendiri tercabar oleh orang orang pendatang yang begitu mudah diterima sebagai warganegara. Mereka bimbang jika dasar kewarganegaraan dipersetujui, Tanah Melayu akan dibanjiri oleh orang imigran yang mempunyai kuasa dan hak yang sama dari segi politik dan sebagainya. Memandangkan orang orang pendatang waktu itu sudah menguasai bidang ekonomi, kebimbingan orang Melayu memang berasas dan mereka telah menentang Malayan Union. Akhirnya satu perkembangan baru digubal, masih juga membenar bukan Melayu menjadi warganegara tetapi juga tertakluk pada syarat syarat tertentu.

Kebanyakan pemimpin UMNO yang asal adalah terdiri

darpada golongan aristokrat Melayu. Tokoh tokoh seperti Dato Onn Jaafar, Tunku Abdul Rahman umpamanya telah membimbing UMNO dengan baik. UMNO bertambah matang bilamana pemimpin bersilih ganti dari Dato Onn, Tunku Abdul Rahman, Tun Razak, Tun Hussein Onn seterusnya Dr. Mahathir. UMNO telah dapat memikat orang Melayu dan bukan Melayudi dalam membentuk kerajaan perikatan seterusnya Barisan Nasional bagi membentuk kerajaan. Kejayaan UMNO ini tidak terikat dengan mana idealogi , Tetapi ia sebagai pertubuhan yang boleh berubah dari satu masa ke satu masa, kesemua mengikut satu satu situasi. Sifat 'Fleksibel' UMNO ini menyebabkan ia terus dapat mengekalkan kuasa untuk menjadi tunggak kerajaan.

Di dalam tempoh 41 tahun UMNO telah berjaya mengekalkan keutuhannya. Walaupun terdapat beberapa peristiwa yang melanda,terutama krisis kepimpinan tetapi kesemuanya telah dapat dibendung. Tetapi tahun 1987, di dalam perhimpunan agong, keutuhan yang dibina oleh UMNO sekian telah mengalami kemusnahan. Pergolakan besar telah berlaku bilamana dua kumpulan cuba merebut kuasa UMNO. Team A dipelopori oleh Dr. Mahathir, Team B oleh Tengku Razaleigh-Musa bertentangan didalam pemilihan tersebut. Namun begitu, Team A telah berjaya sekaligus telah menyingkir Team B. ekoran dari pemilihan itu, UMNO telah didakwa ke mahkamah dengan mengusul supaya kemenangan Dr. Mahathir dibatalkan. Keputusan perbicaraan amat mengejutkan bilamana UMNO diistiharkan sebagai sebuah pertubuhan tidak sah dan diharamkan. Dengan itu tamatlah riwayat parti UMNO yang telah mencapai usia 41 tahun.

Bagaimana Riwayat UMNO Berakhir

Pada 4 Febuari 1988, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur mengisytiharkan UMNO (United Malaya National Organisation) yang ditubuhkan pada 11 Mei 1946 sebagai sebuah pertubuhan yang tidak sah. Keputusan ini dibuat oleh Hakim Datuk Harun Hashim sebagai mengakhiri perbicaraan kes saman yang telah dihadapkan kepada UMNO milai Jun 1987.

> "Saya sedih bagi menyatakan bahawa UMNO pada masa itu (24 April) adalah tidak sah. Oleh itu keputusan pemilihan semua peringkat parti itu juga tidak sah.Kerana itu saya tidak memberi remedi yang dipohon oleh plaintiff (kumpulan 11). Saya tidak membuat keputusan ini tetapi ia sudah dibuat oleh Parlimen apabila ia memperkenalkan akta itu.Saya tidak punya pilihan lain" (35)

Saman itu dikemukakan oleh pihak pihak di luar yang memusuhi UMNO, oleh kumpulan 11 orang (mulanya 12 orang) ahli parti itu sendiri yang tidak berpuashati dengan pemilihan Majlis Tertinggi 24 April 1987 yang telah memberi kemenangan kepada Dr. Mahathir.

Kumpulan 11 mendakwa, terdapat 30 cawangan yang tidak berdaftar turut serta di dalam Majlis Tertinggi pada 24 April, ini adalah bercanggah dengan Akta Pertubuhan 1966. Mereka meminta satu perintah supaya pemilihan pucuk pimpinan baru diadakan. Walaupun mereka telah menghadapi tekanan supaya jangan meneruskan tindakan undang undang mereka itu, tetapi mereka berkeras tidak mahu menarik balik kes saman mereka.

---

(34) Hambali Abdul Latiff op. cit hal 118

Dari segi undang undang, Hakim Datuk Hashim telah membuat keputusan yang tepat dan sejajar dengan peruntukkan 12(1) dan 12(3) Akta Pertubuhan 1966. (36) Peruntukan 12(1) jelas menyatakan bahawa ' tiada pertubuhan berdaftar boleh menubuhkan sesuatu cawangan yang tiada terlebih dahulu mendapat kebenaran Pendaftaran'. Manakala peruntukan 12(3) pula menyatakan " Jika sesuatu pertubuhan berdaftar menubuhkan sesuatu cawangan dengan tiada terlebih dahulu mendapat kebenaran Pendaftar maka pertubuhan berdaftar itu dan cawangan yang ditubuhkan demikian hendaklah disifatkan sebagai pertubuhan pertubuhan yang menyalahi undang undang."

Dengan keputusan itu bermakna saman yang dikemukakan oleh 11 ahli UMNO itu untuk mendapat pengisytiharan perhimpunan 24 April lalu sebagai tidak sah dan supaya UMNO mengadakan perhimpunan dan pemilihan semula dalam tempoh sebulan selepas perintah dikeluarkan tertolak dengan sendirinya. Setelah parti UMNO diharamkan , Dr. Mahathir telah mengambil inisiatif dengan menghidupkan semula parti UMNO yang dikenali sebagai UMNO (Baru).

## Proses Kemunculan UMNO Baru

Pengharaman ke atas parti UMNO menyebabkan beberapa pemimpin telah berusaha untuk menghidupkan semula parti UMNO.

---

(36) Chamil Wariya, UMNO Baru hal 14

Dua kumpulan cuba berusaha menubuhkan UMNO, iaitu kumpulan yang diketuai oleh Dr. Mahathir dan Kumpulan Bekas ahli UMNO yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman dan Tun Hussein (Tengku Razaleigh dikatakan terbabit sama). Usaha awal telah dipelopori oleh Tengku Abdul Rahman dengan menaja UMNO Malaysia pada 8 Februari 1988. Pengumuman ini dibuat sempena menyambut hari lahir Tunku yang ke 85 di rumahnya di Pulau Pinang. (37) Bagi mendaftarkan semula parti baru ini, mereka berusaha mengumpulkan wang bagi perbelanjaan pendaftaran. ..Funds totalling M$121,000 (US 4.7.173) were quickly donated by those at the Tunku's meeting to finance the re-registration procedure (38) Tunku sendiri menjadi presiden penaja, manakala bekas seorang perdana menteri, Tun Hussein Onn menjadi timbalan presiden. Lain lain anggota jawatankuasa UMNO Malaysia terdiri daripada tokoh tokoh yang mempunyai hubungan rapat dengan Tengku Razaleigh. Mereka termasuklah bekas menteri luar, Datuk Rais Yatim sebagai naib presiden dan setiausaha agong, bekas timbalan menteri tenaga pos dan telekom, Datuk Zainol Abidin Zain sebagai ketua penerangan dan bekas menteri pertanian, Datuk Manan Osman sebagai bendahari. Tujuh orang tokoh lain pula disenaraikan sebagai anggota jawatankuasa penaja.

---

(37) Rodney Tasker dan Suhaini Azman, "Challenge of elders" Far Eastern Economic Review, 18 February 1988 hal 12.

(38) Ibid hal 12.

Mereka ialah Hajah Illani Ishak (bekas Exco Pergerakan Wanita UMNO), Datus Suhaimi Kamaruddin (Bekas ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia), Datuk Radzi Sheikh Ahmad (bekas timbalan Menteri Perusahaan Utama), Hajah Marina Yusuf (bekas ahli Majlis Tertinggi), Haji Ibrahim Azmi, Kamaruddin Haji Awang Teh dan Kahar Ahmad.

Sementara itu bekas ketua UMNO bahagian Jelutung, Datuk Yusuf Latif dilantik sebagai pengerusi tetap dan bekas Timbalan Menteri Pengangkutan, Hajah Rahman Osamn pula Timbalan Pengerusi tetap. Beberapa orang lama seperti Datuk Harun Idris dan Tan Sri Khir Johari juga dikaitkan dengan penubuhan UMNO Malaysia tajaan Tunku ini. Tunku juga mengundang Dr. Mahathir untuk menjadi anggota UMNO Malaysia tetapi beliau tidak dapat bersama kerana beliau masih lagi menjadi ahli UMNO yang sudah tidak wujud, tetapi belum membatalkan pendaftaran oleh Pendaftar Pertubuhan.

Walaubagaimanapun UMNO Malaysia tidak dapat didaftarkan setelah pendaftar pertubuhan menolak permohonan mereka pada 12 Febuari 1988, dengan alasan pendaftaran UMNO 1946 belum dibatalkan lagi.

Pada masa yang sama Dr. Mahathir bersama anggota Team A telah mengambil inisiatif dengan mendaftar UMNO 88. Bagaimanapun permohonan Dr. Mahathir untuk menaja UMNO 88 tidak diterima oleh Pendaftar Pertubuhan. Alasan yang sama dengan UMNO Malaysia diberikan, Pihak pendaftar masih lagi belum mengeluarkan sijil mati UMNO 1946.

Pada 12 Februari, Pendaftar Pertubuhan mengisytiharkan bahawa UMNO yang diasaskan pada 11 Mei 1946

sudah dibatalkan pendaftarannya. Dr. Mahathir dengan segera mengemukakan permohonan mendaftarkan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Baru) atau United Malays National Organisation (UMNO)

## UMNO Baru

Parti UMNO Baru telah ditubuhkan oleh Dr. Mahathir. Pendaftaran itu dikemukakan pada 13 Februari dan sijil pendaftaran dikeluarkan pada 15 Februari. Para penajanya terdiri dari Dr. Mahathir sebagai presiden, Encik Ghafar Baba sebagai Timbalan Presiden, Datuk Mohamad Rahmat sebagai setiausaha dan Datuk Paduka Daim Zainiddin sebagai bendahari. Kenyataan pendaftaran parti itu dibuat di satu sidangakhbar, dan dikatakan UMNO baru tidak berbeza dengan UMNO lama. "Mahathir told the press conference that the application had been submitted to the registrar on 13 February, just after the old UMNO had been officially deregistered a more which was not publicated at the time. The new party, he said was to be called Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu(Baru), or United Malays National Organisation (UNMO-Baru).Baru is the Malay word for new. Mahathir wants the new party to be clearly identified with the one. The new party,s flag and symbol are almost identical to those of the old." (39)

---

(39) Rodney Tasker; A Grand Master Move', Far Eastern Economic Review. 3Mac hal 14

UMNO Baru diterima sebagai anggota ke 13 Barisan Nasional pada 16 Februari selepas dipengerusikan oleh Presiden MCA, Datuk Dr. Ling Liong Sik. Dengan penerimaan itu, maka kedudukan Dr. Mahathir sebagai Pengerusi Barisan Nasional dipulihkan semula.

Dr. Mahathir telah mengumumkan sebuah Majlis Tertinggi yang menggotainya terdiri daripada mereka mereka yang boleh bekerjasama dengan beliau. Senarai penuh Majlis Tertinggi Penaja UMNO Baru;

<u>Menteri Besar</u>

1. Datuk Dr. Hamid Pawan Teh- Perlis
2. Datuk Paduka Osman Aroff- Kedah
3. Datuk Seri Ramli Ngah Talib- Perak
4. Datuk Muhammed Haji Mohd Talib- Selangor
5. Datuk Isa Abdul Samad- Negeri Sembilan
6. Haji Mahyuddin Yassin- Johor
7. Datuk Khalil Yaakub- Pahang
8. Datuk Wan Mokhtar Ahmad- Trengganu
9. Datuk Mohamed Yaakob- Kelantan dan Ketua Menteri
10. Datuk Seri Rahim Tamby Chik - Melaka

Majlis Tertinggi Penaja UMNO Baru

Menteri

1. Datuk Seri Sanusi Junid- Menteri Pertanian
2. Datuk Tengku Ahmad Rithaudeen- Menteri Pertahanan
3. Datuk Abu Hassan Omar- Menteri Luar
4. Encik Anuar Ibrahim- Menteri Pendidikan
5. Datuk Najib Tun Razak- Menteri Belia dan Sukan
6. Datuk Sabaruddin Cik- Menteri Kebudayaan dan Perlancungan
7. Datuk Napsiah Omar- Menteri Perusahan Awam
8. Datuk Yusuf Noor- Menteri di Jamatan Perdana Menteri
9. Datin Rafidah Aziz- Menteri Perdagangan dan Perindustrian

Timbalan Menteri

1. Datuk Tanjol Rosli
2. Datuk Megat Jonid Megat Ayob
3. Datuk Dr. Siti Zaharah Sulaiman
4. Datuk Wan Abu Bakar
5. Datuk Khalid Yunos dan
6. Senator Hussein Ahmad- Ketua Penerangan

Manakala anggota tertinggi yang memenangi pemilihan 24 April di atas tiket Team B telah digugurkan, mereka di antaranya Datuk Abdul kadir Sheikh Fadzir, Datin Paduka Hajah Rahmah, Datuk Shahrir Abdul Samad, Datuk Zainal Abidin Zainal,

Datuk Radzi Sheikh Ahmad, Hajah Marina Yusuf dan Haji Rahim Bakar. (40) Sementara itu, Datuk Abdullah Ahmad Badawi telah dikecualikan, tetapi tidak mempunyai apa apa jawatan di dalam Parti UMNO Baru.

Antara UMNO Baru dan UMNO asal tidak terdapat perbezaan yang besar.(41) Malah boleh dikatakan tidak ada perbezaan langsung kerana ia mewarisi bukan sahaja perjuangan UMNO asal tetapi juga lambang dan bendera UMNO 46 dengan beberapa perubahan kecil. (42) Fasal 3; Perlembagaan UMNO Baru mengenai asas dan tujuan tujuannya menyebut

> "bahawa UMNO adalah sebuah parti politik yang berjuang mendokong cita cita mengekalkan maruah dan mertabat bangsa, agama dan negara."

3.1 Mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara

3.2 Mendokong dan mempertahankan perlembagaan negara, perlembagaan negeri negeri dan raja berperlembagaan

3.3 Menegak , mempertahankan dan mengembangkan Islam, agama rasmi negara serta menghormati prinsip kebebasan beragama.

---

(40) Kini tiga orang bekas Team B UMNO telah menyertai UMNO Baru bila majlis tertinggi UMNO (Baru) membuat keputusan setuju menerima semula ahli UMNO lama.meraka ialah Datuk KadirSheikh Fadzir ,Datuk Ajib Ahmad dan Haji Rahim Bakardilantik menjadi ahli Majlis Tertinggi parti itu pada 15 Oktober 1988

(41) Lihat Chamil Wariya, UMNO Baru hal 44-58

(42) Mingguan Malaysia Ahad 3 Julai 1988

3.4 Mempertahankan kedaulatan rakyat dan keadilan sosial dengan mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi berperlimen serta meninggi taraf hidup rakyat.

3.5 Menjamin kedudukan bahasa kebangsaan ( Bahasa Melayu) sebagai bahasa rasmi yang tunggal dan kebudayaan kebangsaan.

3.6 Mewujudkan kerjasama antara kaum bagi melahirkan satu bangsa Malaysia yang kuat dan bersatu. (43)

Bagi menjadi ahli UMNO Baru keanggotaannya tidak secara automatik. Seramai 1.4 juta orang ahli UMNO lama yang ingin menjadi ahli perlu menunjukkan kesetiaan kepada parti lama 'those who worked against UMNO's interest would not allowed in.(44) Jelaslah bahawa memang menjadi matlamat penaja UMNO Baru untuk mengembalikan parti kepada bentuk asalnya, baik dari segi jumlah keanggotaan mahupun dalam mewarisi harta perjuangan. Lantaran itu sebahagian besar, iaitu 1.4 juta orang bekas ahli UMNO dipelawa untuk menyertai UMNO melalui cawangan cawangan (jumlahnya 8000) seta bahagian bahagian (jumlahnya 133 termasuk Labuan). UMNO Baru yang telah dihidupkan semula dengan jawatankuasa jawatankuasa penaja yang kebanyakannya dipimpin oleh bekas ahli ahli UMNO lama itu sendiri yang telah diberikan kebenaran oleh pemimpin tertinggi untuk melakukan tanggungjawab menaja UMNO Baru di berbagai peringkat.

---

(43) Mingguan Malaysia, 8 Mei 1988

(44) Rodney Tasker, "A Grand Master Move" Far Eastern Economic Review, hal. 14

**Pandangan Masyarakat Terhadap UMNO Baru**

Menurut lapan orang responden mereka berpendapat, UMNO Baru yang diwujudkan itu adalah kesinambungan dari UMNO lama. Pengharaman ke atas UMNO 46 tidak bererti segala warisan UMNO lenyap da muka bumi. Di antara keduanya tidak mempunyai ciri ciri perbezaan yang besar. Pokok perjuangan, perlembagaan dari ahli ahli tetap sama. Hanya satu perbezaan yang nyata di antara kedua duanya jika dibandingkan dari segi masa. UMNO 46 berjuang menentang penjajah seterusnya membawa kemerdekaan bagi negara ini. Dalam tempoh ini UMNO lebih menunjuk perhatian terhadap nasib bangsa melayu.Tetapi perjuangan UMNO Baru berbeza dengan perjuangan UMNO 46. Tidak ada penentangan dengan penjajah. UMNO Baru berhadapan dengan orang orang bukan Melayu di dalam mengukuhkan identiti bangsa melayu. Tugasnya menjaga dan meletakkan kedudukan oreng Melayu benar benar terjamin tanpa sebarang ganggu gugat dari bangsa lain. Penubuhan UMNO Baru bererti juga memperbaharui dan meneruskan perjuangan UMNO 46. Perkataan lama dan baru adalah tidak penting sama sekali. UMNO baru juga berprinsip kepada lunas lunas demokrasi dan telorensi yang diasaskan oleh pejuang Melayu melalui wadah UMNO sejak 1946, cuma pendekatan dan strategi berbeza kerana perbezaan ruang dan waktu juga isu perjuangan. Nama UMNO ini boleh dianggap satu 'Keramat' kerana sekian lama bergantung harapan dan telah banyak membantu orang Melayu. (45)

---

(45) Encik Abdul Majid seorang pesara guru, ditemuramah pada 20.6.1988

Jadi perhubungan UMNO dan orang melayu begitu rapat sehingga populariti di antara kedua dua disebut, UMNO itu Melayu-Melayu itu UMNO. Walaupun terdapat parti lain seperti PAS, tetapi populariti UMNO tidak dapat ditandingi.

Oleh kerana hubungan di antara kedua dua terlalu erat dianggap semacam telah mengikat satu kontrek. Berdasarkan faktor ini UMNO Baru akan mendapat sambutan seterusnya menjadi tunggak perjuangan melayu. Menolak UMNO Baru bererti menolak perjuangan UMNO 46 dan kepimpinan Melayu.

Manakala enam responden menyatakan UMNO Baru memberi kuasa kepada golongan atasan pemimpin seperti Presiden dan Timbalan Presiden UMNO Baru cuba meletakkan dua jawatan ini di satu tempat yang unggul yang sukar untuk digugat. Ini seolah olah kedua dua jawatan tidak boleh dicabar oleh ahli ahli yang lain. Keadaan ini dilihat berdasarkan mesyuarat Agong Khas UMNO telah meluluskan satu pindaanperlembagaan memberi 10 undi tambahan untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden di dalam pemilihan UMNO. Tetapi keistimewaan ini tidak diberikan kepada jawatan seperti kerusi Naib Presidan dan ahli Majlis Tertinggi. Bagi melihat keistimewaan ini , pemilihan 24 April boleh dijadikan contoh. Dr. Mahathir mendapat 761 sulit perwakilan dan 88 pencalonan. Jadi dengan tambah bonos 10, bermakna beliau memperolehi 880+761 = 1641 undi . Encik Ghafar Baba pula mendapat 760 undi pencalonan dicampur 739 undi perwakilan,menjadi 1489 undi, manakala Tengku Razaleigh 370 undi pencalonan dicampur718 undi sulit perwakilan berjumlah 1088. Ini bermakna sekiranya cara ini

menjadi amalan, maka Dr. Mahathir menang besar dengan majoriti 533 undi dan bukannya 43 undi. Cara baru pemilihan ini lebih menguntungkan kepada siapa yang menjadi Presiden dan Timbalan Presidendan akan mendapat feadahnya. Berdasarkan pengamatan mereka calon penentang adalah terlalu sukar untuk menentang dan mencabar pemimpin yang ada. Harapan penentang untuk menang adalah begitu tipis sekali.

Harapan UMNO Baru untuk menyelesaikan dan menyatukan keseluruhan orang UMNO tidak berjaya. Percubaan UMNO Baru untk membawa para anggota Team B untuk menyertai parti itu tidak mendapat kejayaan. Pembentukan perpaduan yang disyorkan dihalang sendiri oleh syarat untuk menjadi ahli parti UMNO. Penerimaan keanggotaan berdasarkan kesetiaan di mana penentang UMNO tidak diberikan tempat. Ukuran ini menjejaskan UMNO sendiri kerana penentang Team A mempunyai sokongan yang luas. Pemimpin Team B mendapat sokongan yang banyak dari para perwakilan dan rakyat. Sokongan ini boleh dilihat daripada pencalonan perwakilan.Kebanyakan pewakilan dari Pantai Barat lebih bertumpu kepada Team A. Manakala Team B mendapat sokongan dari kawasan pantai Timur dan Johor. Oleh itu terdapat dua kumpulan terpisah yang memisahkan jurang jurang penyatuan. Tindakan penyingkiran yang dilakukan oleh Dr. Mahathir juga telah menambahkan lagi musuh terhadap UMNO Baru, di mana pemimpin yang disingkirkan bukan berseorang tetapi mempunyai ramai pengikut atau penyokong. Oleh yang demikian cita cita UMNO Baru untuk menyelesaikan krisis dan menyatupadukan ahli ahli UMNO adalah satu impian yang kosong

semata mata. Sebaliknya krisis terus berlanjutan dengan dihangatkan isu menambahkan lagi pertentangan. Namun begitu rintangan ini mungkin dapat dilenyapkan jika pemimpin menyedari dan mengubah haluan untuk mencapai penyelesaian melalui UMNO Baru.

Ketika kajianini sedang dijalankan UMNO Baru sedang giat berjalan untuk memperkukuhkan kedudukannya. Usaha digiatkan untuk mendapat sokongan dari orang Melayu khususnya ahli UMNO Lama bagi menghidupkan perpaduan UMNO. Tujuan utama adalah untuk meletakkan UMNO baru betul betul kukuh sebagai tunggak perjuangan orang Melayu.Namun begitu ramai penduduk di kawasan Bota memberi harapan yang optimis kepada masda depan UMNO. Harapan optimis ini digambarkan melalui pengamatan, bagi masa panjang. Meskipun UMNO Baru menghadapai banyak rintangan, namun laluan baginya untuk 'Hidup' begitu cerah. Ini berdasarka ciri ciri yang dimiliki oleh UMNO Baru itu sendiri, tidak mempunyai banyak perbezaan dengan UMNO 1946. Tidak banyak pindaan yang dilakukan, cuma beberapa pindaan kecil bagi memperkukuhkan lagi parti itu . Selain daripada itu apa yang dimilik oleh UMNO lama akan diwarisi oleh UMNO Baru dari segi perlembagaan, perjuangan dan ahli ahli. Parti ini akan terus mendapat sokongan kerana terus menjaga kepentingan bangsa Melayu. Tambahan lagi perhubungan yang sekian lama terjalin menyebabkanhubungan saling memerlukan timbul. Orang Melayu bergantung harapan kepada UMNO dan UMNO mengharapkan sokongan orang Melayu untuk terus hidup. Orang Melayu mengundi parti UMNO di dalam

pilihanraya. Parti UMNO menang dan calonnya mendapat kepercayaan dari pengundi. Kejayaan yang diperolehi oleh UMNO itu telah dibayar kembali melalui projek projek pembangunan. Sememangnya inilah yang diharapkan oleh orang Melayu tehadap UMNO. Jadi di sini sudah terlibat semacam satu ikatan kontrek di antara orang Melayu dan UMNO. UMNO telah membangunkan Orang Melayu dari kemunduran. Nasib orang Melayu telah diubah oleh UMNO, kemudian dicorak lagi dengan penuh kejayaan. Sifat pengantungan di antara orang Melayu dan UMNO begitu kuat dan saling memerlukan

Berdasarkan faktor ini UMNO Baru yang ditubuhkan memang diperlukan oleh orang Melayu untuk menyambung perjuangan serta mendapat pembangunan pembangunan. UMNO Baru dianggap dapat menjaga kewibawaan dan kuas a Melayu di tanah air sendiri.

Keadaan UMNO Baru bertambah baik bila ia diterima semula sebagai anggota Barisan Nasional pada 1 Februari 1988. Denganitu kuasa UMNO telah dipulihkan semula dan ia kembali sebagai tulang belakang Barisan Nasional dan memerintah negara. Bagi pihak yang mencabar parti itu, cabaran mereka dianggap tidak membawa apa apa makna. Setelah ia berada dalam Barisan Nasional dan teras kerajaan ia boleh melakukan apa sahaja bagi mengukuhkan kedudukannya. Ia boleh melemahkan pengaruh penentang dengan berbagai cara dan salah salah satunya sistem anugerah yang boleh diberikan oleh para pemimpinnya di perbagai peringkat -nasional negeri, daerah atau bahagian dan grasroot. Anugerah boleh digunakan untuk menarik sokongan dan menghukum mereka yang tidak atau enggan

memberi sokongan.

Pengharaman keatas parti UMNO 1946, menyebabkan bekas ahli parti itu tidak mempunyai sesuatu parti yang boleh menjaga kepentingan mereka. Bagi mereka memilih parti PAS untuk meneruskan perjuangan adalah tidak mungkin, kerana ia tidak dapat meneruskan insprasi bekas ahli UMNO lama. Parti PAS tidak menjadi pilihan kerana perjuangan dan suasana yang tidak menarik. Parti PAS tidak dapat menjamin nasib orang Melayu sepenuhnya, lagi pun PAS telah pernah mengemukakan satu gagasan yang berteraskan Islam, di mana semua bentuk budaya hidup mesti bercorak Islam, maka semua bangsa di Malaysia tidak lagi mempunyai hak istimewa dalam semua sektor, termasuk ekonomi, pelajaran, kebudayaan dan sosial. UMNO yang dimiliki oleh mereka sebelum ini begitu sesuai dengan citarasa orang Melayu, yang bersifat demokrasi dan berbentuk fleksibel mengikut kesesuaian keadaan. Bekas ahli UMNO 1946 tidak mempunyai pilihan, selain daripada memilih UMNO Baru.Ketiadaan pilihan ini menyebabkan UMNO Baru menjadi tumpuan, seterusnya akan menguatkan kedudukan UMNO Baru. Oleh itu UMNO Baru telah mendapat kemenangan moral merintis jalan kepadanya untuk terus maju hadapan. Harapan optimis orang Melayu mencerahkan masa hadapan UMNO Baru untuk meneruskan perjuangannya.

**Pelancaran Gagasan Setia Bersama Rakyat- SEMARAK**

Gagasan SEMARAK diilhamkan oleh menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat, adalah satu pendekatan baru untuk

melaksanakan hasrat dan asprasi Perdana Menteri, Datuk Dr. Mahathir Mohamed untuk mewujudkan sebuah negara Malaysia yang makmur lagi bermaruah. (46)

Walaupun sudah 30 tahun merdeka, namun Malaysia masih meneruskan pembinaan negara yang menjadi satu asas kekukuhan dan mendaulatkan sebuah negara yang merdeka dan bermaruah. Sejarah sebelum dan selepas merdeka, menunjukkan proses pembinaan negara sentiasa berkembang dan memerlukan usaha yang bersungguh dan komitmen dari segenap lapisan rakyat, daripada pemimpin hinggalah kepada yang dipimpin (rakyat).

Kekosongan mesti diisi dan menyedari hakikat ini, kerajaan sudah bertindak untuk menyemai nilai nilai murni di kalangan rakyat di dalam serba serbi tindakan mereka. Kerajaan yakin nilai nilai seperti kesetiaan, kejujuran, bersih, cekap, amanah dan bertanggungjawab memberi sumbangan besar di dalam proses pembinaan negara dan untuk menjadikan rakyat Malaysia sebagai warganegara bermaruah dan berpekerti tinggi.

Pengisian kekosongan inilah yang mendorong kerajaan melaksanakan gagasan Setia Bersama Rakyat (SEMARAK) dalam melengkapkan proses pembinaan negara. SEMARAK dianggap sebagai satu kempen bertujuan untuk merapatkan hubungan antara rakyat dengan pemerintah.

---

(46) Berita Harian 3 Mac 1988

Gerakan Bersepadu Setia Bersama Rakyat ini mempunyai tujuh matlamat yang sepatut dicapai sepanjang perlaksanaan bukan sahaja di peringkat kebangsaan tetapi juga di peringkat negeri. (47)

Tujuh matlamat tersebut ialah :

1. Mewujudkan masyarakat yang lebih bersatu padu asas negara, keamanan, kemajuan dan kemakmuran.
2. Menanam semangat setia di kalangan masyarakat berbilang kaum agar rakyat benar benar cintakan negara dan bangsa yang menjadi rakyat negara ini- 'setia dan cinta negar tunggak kekuatan bangsa dan negara.'
3. Mendekatkan hubungan rakyat dan kerajaan dan kerajaan dengan rakyat agar sistem demokrasi berperlimen berjalan lancar dan sihat.Rakyat itu kerajaan,kerajaan itu rakyat.
4. Memberi penerangan dan penjelasan mengenai matlamat kerajaan dan negara -matlamat pelita hati dan fikiran.
5. Mewujudkan suasana lebih aman dan sejahtera bagi menjamin proses pertumbuhan negara lancar dan berkesan
6. Mewujudkan masyarakat cedras dan cergas supaya rakyat berfikir dengan betul dan bertindak cekal untuk menjaminperubahandan permodenan berjalanlancar dan menguntungkan masyarakat dan negara-'masyarakat berfikir baik dan bertindak jitu.'
7. Mewujudkan kebudayaan nasional-'budaya wibawa bangsa.'

---

(47) <u>Berita</u> <u>Harian</u> 8 Mac 1988.

Di dalamgagasan SEMARAK akronim 'Setia' menjadi motto kempen. Apakah yang dimaksudkandengan 'Setia'? Menurut Iskandar T di dalam Kamus Dewan 'Setia' bermaksud berteguh hati atau berpegang teguh. Manakala di dalam Kamus Sinonim (48) 'Setia' memberi maksud taat atau tidak berlaku curang dan jujur.(49)

Dr. Mahathir berpendapat gerakan SEMARAK ini diadakan kerana kerajaan berpendapat masanya telah tiba soal kesetiaan ditekankan.(50) Setia bukannya dari satu pihak tetapi kepada semua pihak. Kesetiaan kepada raja, kesetiaan juga dikehendaki juga kepada pemimpin dan juga menekankan kesetiaan kepada rakyat. Kesetiaan kepada rakyat dikenakan disebabkan tanggung jawab pemimpin kepada rakyat. Jikalau pemimpin tidak setia lepada rakyat maka pemimpin akan menjual rakyat dan menjualkan negara.

Setiap kali pelancaran kempen SEMARAK lagu 'Setia'dinyanyikan oleh para peserta dt tapak SEMARAK. Pemimpin akan menyanyi bersama sama dengan rakyat. Lagu 'Setia ini amat porpular dan sering berkumandang di radio dan televisyen.

Pelancaran kempen SEMARAK yang pertama dilancarkan di Lubuk Jong, Rantau Panjang Negeri Kelantan Darul Naim.

---

(48) Iskandar T. Kamus Dewan. Dewan Bahasa Pustaka Kuala Lumpur 1972 hal 1094

(49) Zainal Abidin Saferwan. Kamus Sinonim Utusan Publications & Distributors Kuala Lumpur hal 831

(50) Utusan Malaysia 11 April 1988.

Mahathit visit to Kelantan on 6 March was more a public relation drive, at which he launched the SEMARAK movement, the Bahasa Malaysia acronym for the government-initieated 'Loyalty with the people' movement to bring leaders and people together in their common good of national propserity.Following tradition, Mahathir helped carrying a wooden village house to it's new location and then presented it to a widow.(51) Di dalam pelancaran SEMARAK ini kira kira 50,000 rakyat telah mengunjungi bersama sama menjayakan kempen ini.(52) SEMARAK peringkat negeri kedua dilancarkan di Sungai Batu Pahat, Bintong, Perlis pada 10 April. Hadirin yang mengunjungi kira kira 15,000 orang. (53) Selanjutnya SEMARAK peringkat negeri ketiga telah dilancarkan di Kampong Gajah, Perak. Kempen ini berlangsung pada 15 April dan kira kira 25,000 hadirin telah mengunjunginya. (54) Pelancaran SEMARAK reakhir sebelum kajian ini ditamatkan berlangsung di Sungai Besar, Selangor Darul Ehsan pada 5 Jun. IA adalah satu kawasan penanaman padiyang utama di negeri Selangor.

---

(51) Suhaimi Aznam."Mahathir meet People" <u>Far Eastern Economic Review.</u> 17 Mac 1988 hal 13

(52) <u>Berita Harian.</u> 8 MAc 1988

(53) <u>Utusan Malaysia.</u> 11 April 1988

(54) <u>Berita Harian.</u> 16 April 1988

Pandangan Masyarakat Tearhadap Semarak

Kesemua responden (12 orang) berpendapat SEMARAK mempunyai matlamat yang baik didalam mencapai inspirasi negara jika ia dapat dapat dicapai. Kesemua matlamat yang dimaktubkan cuba membawa rakyat lebih memahami keadaan dan cita cita negara. Ia juga dapat merapatkan jurang bagi merapatkan jurang bagi mendkatkan jurang diantara pemimpin dan rakyat. Ia kerana bukanlah mudah bagi rakyat menemui pemipin pemimpin yang mana terpaksa melalui beberapa protokol dan beberapa proses. Tetapi dengan SEMARAK rakyat dapat berkumnpul beramai ramai dan bertemu muka dengan pemimpin serta dapat menyatakan segala masallah yang mereka hadapi. Inilah satu kelebihan SEMARAK, menghapus halangan komunikasi di antara pemimpin dan rakyat yang bertemu secara langsung.

Namun begitu 12 responden ini berpendapat SEMARAK bukanlah bermotif untuk mencapai matlamat yang telah disalurkan. Pencapaian kearah matlamat itu bukanlah tujuan utama. Motif utama gagasan SEMARAK ini adalah diadakan semata mata satu kempen bagi memperkenalkan UMNO Baru kepada masyarakat melayu. Kempen yang diadakan disetiap negeri ini sebagai satu promisi tehadap parti UMNO (Baru). Ekoran dari pengharaman parti UMNO (lama), Parti UMNO (Baru) telah ditubuhkan untuk mengambilalih tugas parti itu. Parti baru ini diharapkan dapat meneruskan perjuangan UMNO (lama) dan terus berkuasa. Oleh itu bagi meneruskan perjuangan parti UMNO 1946, UMNO (baru) memerulakan sokongan dari orang

melayu. Dengan itu UMNO (baru) harus diperkenalkan dan menerangkan ciri ciri yamg didokongi serta perjuangannya. Oleh itu kempen SEMARAK ini dianggap satu promisi terbaik bagi menarik orang melayu terutama bekas bekas ahli UMNO 1964 untuk menganggotai UMNO (baru).

Tujuan promosi UMNO (baru) ini dapat dibuktikan berdasarkan lokasi pelancaran SEMARAK ini dibuat. Kesemua perlancaran kempen ini dilangsungkan di kawasan luar bandar yang mana rata rata penduduknya terdiri daripada orang orang Melayu. Ini boleh dibuktikan seperti Lubok Jong, Sungai Batu Pahat, Kampung Gajah dan Sungai Besar dan pelancaran seterusnya.Kesemuanya tempat ini majoriti penduduknya terdiri dari orang Melayudi mana menjadi pemyokong dan kubu bagi parti UMNO. Kenyataan ini memang tidak dinafikan kekuatan parti UMNO bertumpu di akwasan luar bandar sejak mula mula ditubuhkan. Penyokong penyokong UMNO begitu ramai di kampong kampong walaupun penyertaan mereka bersifst ahli biasa.

Penggunaan media massa begitu meluas sewaktu SEMARAK ini dilancarkan. Publisiti yang begitu meluas telah diberikan kepadanya. Pihak radio dan Televesion Malaysia (RTM) telah membuat liputan secara langsung untuk membolehkan orang ramai melihat dengan mata kepala mereka sendiri. Publisiti yang diberikan secara besar besaran ini telah dapat membuka mata dan pandangan masyarakat (orang melayu) terhadap kempen ini. Secara tidak langsung parti UMNO (baru) telah difokaskan oleh pemimpin pemimpin yang berkempen diperkenalkan kepada rakyat.

Semantara itu pula 10 orang responden berpendapat, tujuan SEMARAK itu sebagai satu langkah nuntuk menghalang pengaruh Team B dari terus mendapat sokongan orang Melayu. Berdasarkan pemilihan 1987, Team B telah menerima kekalahan tetapi masih mempunyai pengaruh. Kem Tengku Razaleigh-Musa Hitam masih mendapat sokonghan daripada beberapa orang ahli Majlis Tertinggi dan perwakilan serta rakyat. Bagi mengukuhkan Team B, mereka memerlukan sokongan rakyat untuk mengambil alih perjuangan UMNO '46.Oleh yang demikian mereka perlu mengadakan kempen kempen untuk menarik orang melayu terutama bekas ahli UMNO '46 untuk menyertai mereka. Menyedari hakikat ini para pemimpin Team A harus melakukan sesuatu untuk menyekat rancangan Team B. Jika rancangan dan pengaruh Team B tidak dapat dibendung oleh Team A maka ia akan memberi ancaman kepada UMNO (baru) untuk terus berfungsi.

Oleh itu gagasan SEMARAK telah dibentuk dan difikirkan dapat menghalang pengaruh Team B ini. Kempen SEMARAK sebagai satu bentuk pemutus pemikiran terhadap orang ramai dari terus memberi sokongan kepada Team B. Konsep 'Setia' yang cuba ditanam itu sebagai satu simbolik bagi menunjukkan kumpulan penentang telah mengkhianati parti kerana menentang pucuk pimpinan yang sedia ada. Penentangan yang dilakukan oleh Tengku Razaleigh dan Datuk Musa dianggap telah hilang sifat kesetiaan pada parti seharusnya tidak mendapat tempat di dalam UMNO (Baru). Menurut Dr. Mahathir 'kita tidak

mahu ada lagi pengkhinat dalam UMNO. Yang penting ialah taat setia kepada parti. (55) Penonjolan kempen SEMARAK ini sekaligus untuk menjatuhkan Team B daripada terus menguasai pemikiran ahli ahli UMNO 1946 dan masyarakat Melayu.

Walaubagaimanapun 8 orang dari 12 responden tidak setuju kempen semarak itu diadakan. Pada pendapat mereka ini adalah satu bentuk pembaziran wang negara. .Bagi melancarkan sesuatu semarak di setiap negeri ia memakan belanja yang besar, bagi kerajaan melancarkan sesuatu SEMARAK sejumlah wang yang besar jumlahnya terpaksa disediakan. Jika di lihat dari lokasi SEMARAK, kebanyakannya berlangsung di luar bandar yang tidak maju. bagi memastikan tapak pelancaran sempurna banyak kemudahan telah disediakan seperti telepon, jabatan, khemah, tapak pelancaran dan pengangkutan dan kesemua ini memakan belanja ratusan ribu ringgit. Pembaziran wang berlaku kerana wang mengalir berbentuk sehala tanpa pulangan atau feadah yang didapati kembali.

SEMARAK juga dianggap tidak memberi feadah yang besar kepada rakyat. Walaupun ia mempunyai tujuan yang baik adalah mustahil ia dapat diperolehi dalam masa yang begitu singkat.SEMARAK yang berlangsung di satu satu tempat dua hingga tiga jam ini tidak mungkin dapat menjalinkan hubungan yang erat di antara pemimpin dan rakyat. Hubungan yang erat mungkin akanterjalin di peringkat nasional dan tempatan sahaja, kerana interaksi yang lebih di antara pemimpin sewaktu SEMARAK dilancarkan.

---

(55) Chamil Wariya. UMNO Era Mahathir, hal 125

Tetapi apa yang diperolehi oleh para peserta dan pengunjung adalah kesedaran terhadap UMNO Baru juga perjuangan Team A untuk memenangi hati orang Melayu melalui ceramah atau ucapan dari pemimpin Team A. Jadi matlamat untuk mengeratkan hubungan antara rakyat dan pemimpin itu tercapai dan halangan komunikasi itu tidak dapat dipecahkan di antara keduanya.

Mereka juga tidak bersetuju cara pemimpin Team A berkempen untuk mendapatkan kesetiaan dari ahli UMNO dan rakyat melalui SEMARAK. Mereka berpendapat bahawa SEMARAK tidak dapat mengukur kesetiaan seorang dengan cara menghadiri kempen seterusnya menjadi peserta dan mengambil bahagian. Tidak semestinya seseorang yang telah menghadiri SEMARAK itu dapat menunjukkan kesetiaan dan telah sempurna sifat setianya pada pemimpin dan parti. Bagi mengukur kesetiaan dan kecurangan seseorang ahli atau rakyat berdasarkan pengorbanan yang telah dibuat terhadap parti dan negara. Pengorbanan seseorang itu diukur dari sumbangan rohani dan jasmani terhadap negara.

SEMARAK telah mendapat kemenangan moral yang tinggi berdasarkankehadiranrakyat. Kenyataanini sukar dinafikan kerana di mana mana beribu ribu hadirin (56) telah ikut serta. Namun begitu kesahihan sokongan moral berdasarkan hadiran tidak dapat menjadi satu ukuran yang sebenar.

---

(56) Lubuk Jong Kelantan - 50,000 hadirin,Sungai Batu Pahat Perlis - 15,000 orang, Kampung Gajah, Perak - 25,000 hadirin

Menurut Encik Mohamad Alias kebanyakan peserta dan hadiran telah diberikan subsidi supaya dapat menghadirikempen tersebut. Mereka telah disediakan pengangkutan seperti bas, teksi, makanan dan minuman secara percuma. Terdapat di antaranya mendapat wang saku yang diberikan oleh ketua cawangan dan bahagian. Manakala kakitangan kerajaan pula diwajibkan hadir untuk menyambut ketibaan Dr. Mahathir di tapak pelancaran SEMARAK. Mereka tidak dibenarkan mengambil cuti kecuali mengalami keuzuran. Satu surat pekeliling telah dikeluarkan bagi setiap ,Jabatan kerajaan supaya dapat menghantar kakitangan ke tempat SEMARAK untuk upacara perasmian pembukaan.Dengan ini jelas, unsur paksaan telah dikenakan ke atas kakitangan kerajaan semata mata untuk menunjukkan kesetiaan dan kesetiaan dan kejayan kempen tersebut.

Bagi menjayakan kempen dan mendapat kesetiaan dari rakyat seolah olah Dr. Mahathir terpaksa membeli melalui subsidi dan melakukan paksaan. Kemenangan moral yang diperolehi oleh UMNO (Baru)ini tidak memberi makna yang sebenar bagi mencapai matlamat SEMARAK. Sokongan moral ini bukanlah satu yang sejati seperti yang ditunjukkan oleh penyokong UMNO 1946. Sokongan yang telah diberikan oleh mereka benar benar padu tanpa sebarang ganjaran subsidi seperti pengangkutan, makanan, minuman dan wang saku. Sokongan yang diberikan adalah berdasarkan semangat cintakan UMNO semata mata.

Didalam kontek kempen SEMARAK ini, ianya telah menimbulkan kontroversi dikalangan masyarakat. Namun begitu , SEMARAK ini mempunyai motif yang baik melalui matlamat yang telah digalurkan. Kesedaran kerajaan terhadap kesetiaan rakyat kepada negara telah cuba dipupuk dan ditanam di sanubari rakyat. Mungkin dalam jangkamasa yang singkat ini, ia tidak memberi feadah yang besar, tetapi mungkin dalam jangkamasa yang panjang hasilnya boleh dibuktikan. Genarasi yang dihasuh hari ini mungkin di masa akan datang dapat menerimanya selaku mendokong cita cita negara. Oleh itu rakyat dan kerajaan perlu bekerjasama bagi mencapai perpaduan, kemakmuran dan keamanan negara.

## BAB ENAM

Didalam bab ini penulis menghuraikan pendapat responden berkenaan dengan tokoh yang bertentangan di dalam pemilihan 1987. Tumpuan diberikan kepada dua orang tokoh utama yang saling bertentangan, iaitu Dr, Mahathir dan Tengku Razaleigh. Kedua dua tokoh tersebut mempunyai kebolehan dan kewibawaan di dalam pemimpinan UMNO dan menjadi tunggak parti tersebut.

### Profail Ringkas Datuk Seri Mahathir Mohamad

Datuk Seri Mahathir bin Mohamat dilahirkan pada 20 Desiember 1925 di Alor Star, Kedah. Ia merupakan anak bongsu dari 9 orang adik beradik. Ayahnya Encik Mohamad Iskandar adalah seorang guru sekolah. Encik Mohamad Iskandar juga merupakan guru besar di sekolah Inggeris pertama di Alor Star sekarang dikenali sebagai Maktab Sultan Abdul Abdul Hamid.

Pendidikan awal Mahathir bermula disebuah sekolah Melayu lelakidi Seberang Perai, Kedah dan kemudian kembali memasuki ke sekolah Inggeris kerajaan di Alor Setar. Pelajaran beliau tergendala bila meletus perang dunia kedua. Mahathir memulai semula pelajarannya di Sekolah Inggeris kerajaan dalan tahun 1945. Beliau kekal di situ sehingga mendapat Sijil Persekolahan Sebarang Laut Cambridge. Selepas itu beliau memasuki Kolej Perubatan di King Edward VII mempelajari ilmu kedoktoran. Beliau seorang pelajar yang cergas dan pintar serta mendapat penghomatan tertinggi apabila dilantik menjadi Presiden Pertubuhan Islam di dalam Kolej Kedoktoran.

Mahathir telah dianugerahkan dengan ijazah kedokotoran MBBS pada tahun 1953 dan telah berkhidmat dengan kerajaan dalam tahun 1954 bertugas di hospitalBesar Alor Setar. Tahun 1957 beliau meletakkan jawatan.

Karier politik Mahathir bermula, ketika berumur awal duapuluhan setelah membantu menubuhkan Persatuan Melayu Kedah. Sebagai seorang ahli politik muda beliau begitu aktif dan efektif. Mahathir menjadi Ahli Dewan Rakyat bagi Kota Setar Selatan pada tahun 1964. Di atas kejayaan beliau terpilih menjadi seorang wakil ke Perhimpunan Agong Bangsa Bangsa Bersatu oleh kerajaan Malaysia.

Kepudaran kerjaya politik beliau berlaku dalam tahun 1969. Beliau berada dalam kegelapan setelah dipecat dari UMNO. Namun begitu beliau tidak pernah putus asa. Bintangnya kembali bersinar setelah Tun Razak mempelawa kembali ke pangkuan UMNO. Beliau telah dilantik kemudiannya sebagai ahli Majlis Tertinggi dalam tahun 1972 dan sebagai senator dalam tahun 1973. Dalam tahun yang sama beliau telah dilantik menjadi pengerusi Food Industries of Malaysia Sdn Bhd (FAMA). Pada tahun 1974 beliau dilantik menjadi Menteri Pelajaran di bawah kabinat Tun Abdul Razak. Di dalam perhimpunan Agong UMNO 1975 telah dipilih satu daripada Naib Presiden. Pada tahun 1976, selepas kematian Allahyarham Tun Razak di London, Tun Hussein telah menjadi perdana menteri dan memilih Mahathir sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perusahaan.

Pada bulan Mei 1981, Tun Hussein telah meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO. Dengan itu Dr. Mahathir mengangkat sumpah jawatan Perdana Menteri pada 18 Julai di Istana Negara. (57) Setelah menjadi Perdana Menteri Beliau telah memperkenalkan berbagai perubahan kepada negara.Beliau telah banyak membuat dasar utama malahan, menjadi dasar utama kepada negara. Antara dasar tersebut yang diperkenalkan, ialah Dasar Pandang ke Timur, Bersih Cekap Amanah, Kepimpinan Melalui Teladan, Pengswastaan, Pensyarikatam Malaysia, Penerapan Nilai Nilai Islam, Daya Bumi dan Industri Berat Proton dan berbagai lagi. Melalui dasar ini beliau cuba membawa satu kemajuan kearah kemakmuran negara. "Menyerdari hakikat ekonomi orang Melayu masih mundur sepertimana diperihalkan di dalam 'The Malay Dilemma' telah meneruskan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan memperkenalkan dasar tersebut." (58)

Kedudukannya sebagai Presiden UMNO yang dipegang dari tahun 1981 telah dicabar setelah ditentang oleh Tengku Razaleigh di dalam Perhimpunan Agong UMNO 24 April 1987.Namun beliau masih dapat mengekalkan kedudukan dengan kemenangan tipis bersama Encik Ghafar Baba sebagai regunya. Kemenangan beliau telah dipertikaikan oleh kumpulan 11 orang ahlim UMNO dan mendakwa UMNO ke Mahkamah.

---

(57) Victor Morais.J. Mahathir, Riwayat Gagah Berani (terj) Abdul Razak Hj Abd Rahman.Arenabuku, Kuala Lumpur 1982 hal 15

(58) Harun Derauh dan Shafie Nor. Mahathir, cita cita dan Pencapaian. Berita Publishing. Kuala Lumpur, 1982 hal 37

Mahkamah telah mengisytiharkan parti UMNO sebagai pertubuhan tidak sah dan haram. Ekoran dari itu Dr. Mahathir telah mengambil tindakan untuk semula parti UMNO sebagai UMNO baru. Beliau sendiri sebagai penaja UMNO Baru dan anggota Team A selaku Ahli Jawatan kerja parti itu. Ini tidak bermakna masalah telah selesai, setelah menubuhkan UMNO Baru terdapat beberapa masalah yang melanda yang boleh mengoncangkan negara. Tetapi beliau bernasib baik kerana masalah tersebut dapat dibendung.

"There are few apparent dangers to Mahathir from within his new party unless the economy turn really bad and unemployment, particularly among graduates, worsens. He has been lucky this past year with sharp upturn in rubber and palm-oil prices just when they were needed. But having survived a rough two years, it would now take a prolonged pariod of economic Malaise to pose a political threat. (59)

Kini beliau sedang berusaha untuk mengukuhkan kedudukan beliau sebagai Presiden UMNO dan cuba mengatasi masalah yang melanda UMNO Baru. Usaha untuk menamatkan perselisihan dengan Team B, terutama dengan dua tokoh utama Tengku Razaleighh dan Datuk Musa Hitam sedang berjalan lancar. Krisis ini diharapkan dapat menemui penyelesaian berdasarkan budi bicara Dr. Mahathir sendiri.

---

(59) Philip Bowring, "Power to the Center" Far Eastern Economic Review. 14 April 1988. hal 24

Pandangan Masyarakat Terhadap Dr. Mahathir

Kebanyakan responden berpendapat Dr. Mahathir terlalu 'ambious' di dalam pentadbirannya. Beliau mempunyai cita cita yang tinggi di dalam kerajaan dan politik - Parti UMNO. Selaku Presiden UMNO dan Perdana Menteri beliau telah memperlihatkan berbagai perubahan kepada negara. Berbagai dasar telah diperkenalkan seperti Dasar Pandang ke Timur, Bersih Cekap dan Amanah, Dasar Penswastaan, Penerapan nilai nilai Islam, Persyarikatan Malaysia dan sebagainya. Seterusnya beberapa pindaan Perlembagaan dan Undang undang Negara telah dilakukan. Kesemua ini dilakukan supaya segala pembangunan yang hendak dilaksanakan tidak mendapat halangan.

Dr. Mahathir mempunyai daya pengamatan yang amat mendalam di dalam usaha membangunankan negara ini. Dalam tempoh penggal pertama 1982-9188 pentadbiran telah mencapai tahap yang amat memuaskan. (60) Segalanya berjalan dengan lancar tanpa sebarang kejadian yang menjatuhkan imej negara dan kerajaan. Urusan dan pentadbiran negara telah dapat disusun dengan baik. Namun selepas 1986, era pemerintahannya telah nampak kemerosotan dalam pemimpinannya dimana banyak berlaku pekara yang mencemarkan, seperti penyewengan B.M.F (Bumiputra Malaysian Finance) Skandal UEM, Maminco dan lebih mengejutkan peristiwa Memali. (61)

---

(60) Mohd Fauzi Abu Bakar - seorang guru ditemuramah pada 15.6.1988

(61) Kampong Memali, Sebuah Kampong di dalam Mukim Siong Daerah Baling, Kedah

Kesemua kejadian ini telah menjatuhkan imej Dr. Mahathir malahan unsur kemorosotan pemimpinan beliau. Kritikan telah diberikan kepada UMNO kerana telah terlibat didalam 'merebut' tender , pembinaan Lebuhraya-Utara-Selatan melalui Syarikat United Engineering Malaysia yang dimiliki oleh UMNO. Oleh itu Dr. Mahathir dianggap telah berlaku tidak adil.

Peristiwa Memali, satu pertempuran di antara anggota polis dan golongan pelampau Islam diketuai oleh Ibrahim bin Mohmood. Perjuangan kumpulan Ibrahim Mahmood dituduh berjuang bukan atas dasar atau tujuan untuk menegakkan agama Islam. Perjuangan mereka adalah bermotif dan berbau politik. Mereka sebenarnya memperjuanganakan kepentingan politik segolongan ahli ahli politik pembangkang di sebalik perjuangan Islam. (62) Tragedi ini telah meragut 18 nyawa, termasuk 4 orang anggota polis dan Ibrahim Mahmood telah terbunuh dalam peristiwa ini. Bilangan yang cedera seramai 23 orang anggota polis dan 14 orang awam.Menurut mereka tregidi berdarah ini sepatutnya tidak berlaku, walaupun ketika itu Dr. Mahathir berada di luar negara, jawatan beliau dipangku oleh Datuk Musa Hitam. Sepatutnya beliau terlebih dahulu memberi ingatan tentang kejadian dan kesan yang akan diterima. Sepatutnya kerajaan di bawah pimpinan Dr. Mahathir mengambil alteranatif lain bagi menyelesaikan masalah ini.

---

(62) Lihat Kertas Putih, Peristiwa Memali, kertas perintah 21 tahun, 1986, Malaysia dikemukakan diDewan Rakyat/Dewan Negara. Percetakan kerajaan hal 5.

Tindakan Dr. Mahathir menyingkir penentangnya (Team B) disifatkan tidak 'gentleman'. Pertentangan yang telah diberikan menyebabkan kedudukan benar benar tercabar. Namun kemenangan menyebelahi Dr. Mahathir bersama dengan regu UMNO (Baru) yang diasaskan itu serta menolak dan menyingkirkan anggota Team B untuk turut serta. Semua calon calon yang menang di atas teket Team B tidak terpilih untuk menyertai ahli jawatankuasa kerja Majlis Tertinggi UMNO. Dengan tindakan ini beliau berharap UMNO (Baru) tidak lagi ditentang dan bersih. Tetapi tindakan ini telah merugikan parti, kerana tokoh tokoh yang tersingkir mempunyai kebolehan yang tinggi. Tetapi, dengan perbuatan ini juga akan menambahkan lagi penentangan terhadapnya. Sepatutnya Dr. Mahathir tidak perlu mengambil tindakan tersebut, jika ia benar benar bersikap 'gentleman' dan berani menanggung risiko.

Terdapat di antara responden berpendapat bahawa Dr. Mahathir cuba memuaskan kuasa di tangan beliau. Beliau mahukan kekuasaan yang mutlak dengan itu memudahkan baginya untuk melakukan samada projek atau mematahkan serangan 'musuh' terhadapnya. Selepas mendapat mandat besar di dalam pilihanraya UMNO 1986, beliau telah melakukan berbagai perubahan. Namun begitu tidak semua yang diimpikan akan tercapai tanpa satu kuasa mutlak. Beliau tidak boleh berbuat apa sahaja. Bagi memenuhi kehendak ini, beliau telah melakukan pindaan perlembagaan. Rang undang undang telah dibuat supaya pekara 66(5) dipinda bagi memperuntukkan bahawa Yang dipertuan Agong hendaklah memperkenankan semua rang

undang undang yang dipersembahkan kepada Seri Paduka dalam masa 60 hari. Jika baginda tidak memberi perkenan dalam tempoh itu, rang undang undang itu dengan sendirinya menjadi undang undang. (63) Jika diteliti kuasa Yang di Pertuan Agong telah dikurangkan, kerana baginda tidak berkuasa lagi untuk menghalang rang undang undang sebab ia tetap dilaksanakan samada dipersetujui atau tidak. Sebaliknya kuasa Perdana Menteri telah di tambah melebihi kuasa Yang di Pertuan Agong.

Cabaran yang ditunjukkan oleh Tengku Razaleigh telah mengugat kedudukan Dr. Mahathir. Kedudukannya sebagai Presiden UMNO dapat dipertahankan dengan kemenangan yang tipis. Setelah menjadi Presiden UMNO baru ia tidak mahu keadaan ini berulang lagi dan cuba untuk mengukuhkan kedudukan beliau supaya sukar untuk dicabar oleh penentangnya. Belaiu bersama anggota Musyarat Agong Khas UMNO memutuskan 10 undi tambahan lagi bagi calon Presiden dan Timbalan Presiden. (64) Ini bermakna setiap calon Presiden dan Timbalan Presiden akan mendapat 10 undian tambahan daripada setiap bahagian yang mencalonkan mereka. Jika senarai pemilihan 1987 diambil contoh, maka Dr. Mahathir selain daripada mendapat 761 undi sulit perwakilan perhimpunan agong , beliau juga secara otomatik mendapat 880 undi tambahan hasil dari 88 pencalonan yang beliau perolehi ialah 880+761 = 1,641 undi.

---

(63) Chamil Wariya. UMNO Era Mahathir . hal 22

(64) Berita Harian. 15 April 1988

Ini sekiranya cara baru ini menjadi amalan Dr. Mahathir menang dengan majoriti yang lebih besar berbanding dengan Tengku Razaleigh yang hanya mendapat 370 undi pencalonan dicampurkan dengan 718 undi sulit perwakilan. Keputusan 1641-1,088 = 55 undi bukannya 43 seperti yang diperolehi pada 24 April 1987. Pindaan ini benar benar menguntungkan sesiapa yang menjadi Presiden dan Timbalan Presiden yang menyandang jawatan. Dengan ini kedudukan beliau dapat dikukuhkan dan kuasa dapat dikekalkan.

Seterusnya Dr. Mahathir dikatakan cuba untuk menaikkan imej peribadinya sebagai pemimpin Melayu ulung khususnya di dalam UMNO jika dibanding dengan pemimpin UMNO yang lama. Beliau cuba untuk mencipta sejarah bagidirinya sendiri. Seterusnya beliau dapat membaikiimej dengan penubuhan UMNO Baru ddan memperbaiki kelemahan yang sedia ada Dr.Mahathir mengambil langkah mendiam diri dan membiarkan UMNO diharamkan. Sebaliknya beliau mempunyai perancangan sendiri untuk menghidupkan semula di manabeliau sendiri menjadi penajanya. Imej buruknya di dalam UMNO 1946 dapat dilenyapkan dan UMNO Baru membuka satu lembaran baru kepadanya. Beliau dikatakan tidak 'menyayangi' dan lebih suka UMNO 1946 diharamkan. Tidak ada alternatif yang diambil bagi menyelamatkan UMNO daripada diharamkan .

> "UMNO sememangnya mempunyai cawangan cawangan yang tidak sah daripada segi undang undang semenjak UMNO ditubuhkan pada tahun 1946." (65)

---

(65) Utusan Malaysia 29 Oktober 1988

Dari kenyataan ini menunjukkan Dr. Mahathir sememangnya mengetahui ada cawangan yang tidak berdaftar. Tetapi beliau tidak menggunakan kuasanya yang diperuntukan kepada Menteri Dalam Negeri dengan menggunakan kuasanya dibawah Seksyen 70, Akta pertubuhan yang boleh mengecualikan UMNO bukan sahaja dari Seksyen 12(3) dan Seksyen41 tetapi daripada keseluruhan tersebut sekiranya perlu.

Bila tertubuhnya UMNO Baru sejarah politik UMNO terbahagi kepada dua bahagian, yang pertama diasaskan oleh Dato Onn Jaffar manakala peringkat kedua diasaskan oleh Dr. Mahathir. Bagi menarik dan mendapat sokongan orang Melayu, terutama bekas UMNO 1946, kempen SEMARAK telah diadakan di pelusuk negara. Kempen ini diharapkan dapat menarik sokongan kepada Dr. Mahathir supaya imej tercipta sebagai seorang penyelamat orang Melayu abad ke duapuluh.

Walaupun begitu terdapat dikalangan responden berpendapat pimpinan Dr. Mahathir buat masa kini amat diperlukan. Memandangkan situasi ini, seorang pemimpin yang berwibawa, berkebolehan dan mempunyai idea idea bernas amat diperlukan. Kemampuan dan keamatan yang tinggi Dr. Mahathir telah terserlah di dalam pimpinannya mahupun di dalamnegeri atau di luar negeri.

Beliau seorang pemimpin yang cekal sewaktu mengahadapi rintangan. Kecekalannya teruji bilamana UMNO diistiharkan haram dan tidak sah. Pemimpin lain mungkin panik atau mengelabah apabila pertubuhan yang dipimpinnya diisytiharkan tidak sah oleh mahkamah. Dia mungkin merasa

kedudukannya terancam. Pengisytiharan bahawa UMNO adalah sebuah pertubuhan tidak sah yang diikuti dengan pembatalan oleh Pendaftar Pertubuhan tidak syak lagi merupakan satu tamparan hebat kepada pemimpin tersebut. Ia adalah satu ancaman yang boleh membawa kejatuhan kepadanya jika tidak dikendalikan dengan betul.

Ini kerana kedudukan beliau sebagai Perdana Menteri dan juga selaku Pengerusi Barisan Nasional dan Presiden UMNO. Selepas 4 Februari UMNO sudah tiada. Kedudukannya di dalam parlimen juga dalam bahaya. Tetapidalam menghadapi keadaann cemas ini, Dr. Mahathir memperlihatkan ketangkasannya bermain politik. Menurut Dr. Mahathir, "Kerajaan hari ini masih wujud. Yang tak wujud cuma UMNO sahaja. (Berita Harian 6.2.88)" Beliau juga berkata bahawa masalah yang sedang dihadapi oleh UMNO hanyalah masalah teknik dan beliau mempunyai banyak pilihan untuk mengatasainya. "Berikan saya masa. Kami tahu aapa yang perlu dibuat. Rakyat tak perlu bimbang. Apa yang sedang dihadapi hanyalah satu masalah mudah yang akan diatasi." (66) Beliau dengan bijaksana menggunakan kuasanya sebagai Perdana Menteri untuk memastikan sokongan daripada 12 buah parti komponen Barisan Nasional tidak lari darinya. Walaupun tidak ada ura ura untuk mengusulkan undi tidak percaya terhadap pimpinan beliau dalam Dewan Rakyat, tetapi beliau berusaha memastikan bahawa ahli ahli parlimen Barisan Nasional bersama samanya.

---

(66) Chamil Wariya, UMNO Baru hal 21

Kebolehan Dr. Mahathir bukanlah setakat di dalam negara sahaja, tetapi juga di peringkat antara bangsa. Beliau begitu berani menyuarakan pendapatnya. Di dalam persidangan antarabangsa di Bangsa Bangsa Bersatu. Beliau berani mengkritik negara negara maju di atas dasar ketidakadilan di dalam perhubungan dua hala. Negara maju yang bersikap menindas terhadap ekonomi negara dunia ketiga di dalam perdagangan dengan dasar perlindungan yang ketat telah dikecam. Beliau mahukan kesamarataan dan kesimbangan di dalam hubungan di antara negara negara maju dan mundur ( Dunia Ketiga ). Dengan ini Malaysia dapat dibangunkan bagi mencapai kemajuan ekonomi, sosial, teknologi dan sebagainya seperti negara negara maju.

Pendekata usaha yang dilakukan oleh Dr. Mahathir kepada negara adalah untuk rakyat. Namun begitu sebagai manusia biasa beliau tidak dapat lari dari melakukan kesilapan. Walaupun bebagai kesilapan berlaku sewajarnya ia diperbaiki oleh beliau dengan kerjasama rakyat. Rakyat sepatutnya tidak menyalahkan beliau semata mata, segala yang dilaksanakan adalah untuk feadah rakyat. Sebagai pemimpin UMNO yang berkebolehan dan berkewibawaan sewajarnya satu penghormatan diberikan kepadanya. (67)

Begitulah kehebatan seorang pemimpin UMNO menurut satu rencana, mamberi satu pandangan kepada pemimpin UMNO bermaksud.

---

(67) Encik Mat Hussin Mat seorang pekerja Lembaga Letrik Negara, Bota Kanan ditemuramah pada 25.6.1988

'Whenwe speak of a UMNO leader we should not speak of him as leader of the party only but as a national leader in the context of this fact chaging scenario in South-East Asia, the Pasific Basin, West Asia and the Whole world.' (68)

**Profail Tengku Razaleigh**

Tengku Razaleigh bin Tengku Mohamed Hamzah dilahirkan pada 13 April 1937 di Kota Baharu, Kelantan. Berasal dari keluaraga diraja keturunan Long Yunus yang masyhur memerintah Kelantan sehingga 1794. Beliau bersekolah di Sekolah Melayu Padang Garong, Kota Baharu dan kemudian Sekolah Inggeris, Sultan Ismail School di bandar itu. Tahun 1954, telah dihantar ke Maktab Melayu, Kuala Kangsar kemudian bertukar keL] Sekolah Anderson, Ipoh.

Dalam tahun 1955 melanjutkan pelajaran ke Queen's Universiti, Belfast. Setelah tamat beliau menyambungkan pelajarannya dalam krusus undang undang di Lincoln Inn, London. Beliau kemudian kembali ke Tanah Air dan bekerja di sebuah Syarikat Insuran sehingga tahun 1964. Selepas itu beliau telah menjadi eksekutif di dalam sebuah bank di Kuala Lumpur, Kemudian dinaikkan pangkat sebagai pengarah urusan sehingga menjadi pengerusi dan pengarah urusan Bank Bumi Putera Malaysia Berhad. Dalam masa yang sama beliau menjadi PengerusiKumpulan PNB (Perbadanan Nasional Berhad) yang ditubuhkan oleh kerajaan.

---

(68) Maria Samad, "UMNO has Changed" The Sunday Star Mac 1988

Seterusnya beliau menjadi Pengarah di dalam beberapa syarikat awam seperti Malaysia Industrial Development Finance Berhad, Kuala-Kepong Amalgamated Ltd, Kepong Plantations Berhad, Batu Kawan Berhadd serta lain lain di samping menjadi pengurus atau pengerusi bersama beberapa buah syarikat seperti Pernas Trading Sdn. Bhd., Malaysian National Insurance Sdn. Bhd., Pernas Securities Sdn. Bhd. ,Goodyear Malaysia Berhad, Bumiputera Merchant Banker Berhad dan lain lain.

Tengku RazalMeigh juga menjadi ahli jawatankuasa Pelaburan Tabung Haji, Majlis Pentadbiran Institut Teknologi MARA, Majlis Lembaga Pusat Gerakan Belia 4B, Universiti Court, Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Ibu Kota. Beliau juga pernah dilantik menjadi pengerusi dan presiden di dalam pertubuhan pertubuhan sepertiAssociated Malay Chambers of Commerce of Malaysia, National Chamber of Commerce of Malaysia dan Malaysia Institute of Management (MIM).

Karierpolitik Tengku Razaleigh bermula di London. Sebagai Presiden Kesatuan Penuntut Malayadan setiausaha Melayu United Kingdom beliau dapat berhubung rapat dengan pemimpindari Malaya dan Singapura. Beliau turut sama dalam perundinngan kemerdekaan di antara Kuala Lumpur dan London. Setiap kali perundingan di London beliau turut hadir.

Beliau menjadi ahli biasa UMNO mulai tahun 1961, dalam tahun 1963 beliau dilantik ke Majlis Tertinggi UMNO. Di

dalam tahun 1967 beliau dilantik menjadi Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan UMNO Kelantan. Tengku Razaleigh telah menceburkan diri dalam Majlis Tertinggi UMNO sejak tahun 1963 lagi, sehingga beliau dilantik menjadi Naib Presiden UMNO sejak tahun 1973/74 sehingga bertanding untuk jawatan Timbalan Presiden UMNO dalam tahun 1981 danmengalami kekalahan. Walaupun begitu, beliau terus mewakili Majlis Kerja Tertinggi UMNO sebagai bendahari sehingga 1984 apabila jawatan itu diserahkan kepada Encik Daim Zainuddin, Menteri Kewangan yang baru dilantik. Mengenang jasa beliau kepada bumiputera dan negara amnya, Tengku Razaleigh telah diberi gelaran " Bapa Ekonomi Bumiputera" oleh dewan perniagaan dan perusahaan Melayu dalam tahun 1977.

Dalam perhimpunan Agong UMNO 24 April 1987, Beliau telah membentuk kumpulan (Team B) bersama Datuk Musa Hitam untuk menentang Team A regu Dr. Mahathir dan Ghafar Baba. Tetapi telah mengalami kekalahan dan telah disingkirkan dari menjadi penaja UMNO Baru kini berada di luar parti UMNO Baru dan sebagai seorang yang tidak berparti politik.

## Pandangan Masyarakat Terhadap Tengku Razaleigh

Kesemua responden mengakui kebolehanHTengku Razaleigh sebagai seorang pemimpin. Beliau mempunyai kebolehan yang tinggi di dalam dunia politik dan perniagaan.Beliau telah menunjukkan kejayaan pimpinannya di dalam politik UMNO, kejayaan menumbangkan parti PAS dalam tahun 1978 di

Kelantan. He was also the leading UMNO political in Kelantan where his father had been chief Minister, and had much to do with bringing the conflict there between UMNO and PAS (Parti Islam, at that time a member of the Barisan) to a head, and then succesfully conducting the subsequent election in February 1978 with effecting destroyed PAS in the state. (69)

Kejayaan yang telah dibawa Tengku Razaleigh telah mengukuhkan kedudukan parti UMNO di Kelantan seterusnya dapat menyaingi parti PAS. Kebijaksanaan beliau bermain politik telah pun terserah sejak zaman Tun Razak lagi tetapi penonjolan tidak begitu meluas. Beliau juga mendapat kepercayaan penuh dari Tun Razak sewaktu menjadi presiden UMNO dan Perdsana Menteri. Asuhan dan bimbingan Tun Razak menyebabkan beliau matang berpolitik seterusnya berjaya memegang satu jawatan dalam kabinet Tun Razak. With the support of Tun Razak, he was elected a Vice-President of UMNO in 1975, and a year later he become Minister of Finance. (70)

---

(69) The World Today, Journal Royal Institute of Intertional Affair, September 1981. Vol 37 No. hal 317

(70) Ibid hal 317

Setelah menjadi menteri kewangan kabinet Dato' Hussein Onn, Tengku Razaleigh telah berjaya meletakkan ekonomi Malaysia kepada satu landasan yang stabil dari segi pertubuhan ekonomi iaitu di antara 6 hingga 8 peratus setahun. (71)

Di dalam membangunkan ekonomi bumiputera dan negara beliau turut terlibatkan sama. Beliau telah juga cuba memperbaiki kehidupan kaum bumiputera dari kemiskinan melalui dasar ekonomi Baru(DEB). Beliau telah diberikan peluang baik dalam perdagangan, dewan perniagaan dan pengambilan syarikat syarikat luar yang diberikan kepada orang orang Melayu. (72) DEB telah dapat digunakan dengan baik oleh Tengku Razaleigh di dalam pembangunan negara.Tengku Razaleigh has played an outstanding role in implememting the New Economy Policy, having been in control at key period in their development of the Bank Bumiputera and the State holding and invesment company Pernas as well as having founded the state oil company Petronas. (73)

Tengku Razaleigh mempunyai cita cita yang tinggi di dalam politik khususnya di dalam parti UMNO.Tetapi cita cita beliau tidak pernah tercapai.

---

(71) Alias Mohamed , "Razaleigh Asas Ekonomi Orang Melayu" dalam Obstacle and Challenge, Gateway Publishing. Kuala Lumpur. hal 66

(72) Alias Mohamed, "Tengku Razaleigh Obstacle and Challenge" op. cit hal 67.

(73) The World Today. September 1981, hal 317

Sebaliknya menerima rintangan dan cabaran yang menyukarkan hajatnya untuk dicapai. Cita cita untuk menjadi pemimpin nombor satu dalam UMNO tidak tercapai. Beliau sebelum ini telah mendapat kepercayaan penuh dari Tun Razak, tetapi telah diketepikan oleh Tun Hussein Onn dan Dr. Mahathir didalam perlantikan Timbalan Presiden UMNO. Tun Hussein Onn telah mengambil Dr. Mahathir menjadi Timbalannya dan mengenepikan Tengku Razaleigh yang lebih senior. Beliau telah diketepikan sekali lagi apabila Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri dan beliau mengambil Datuk Musa Hitam sebagai Timbalan Presiden UMNO dan Timbalan Perdana Menteri. Bagi merebut kerusi Timbalan Presiden UMNO 1981, Ia terpaksa bertanding dengan Datuk Musa, haparan tinggi ini luntur bila Dr. Mahathir menyatakan calon yang menang tidak semestinya dilantik menjadi timbalan Presiden. Ini telah menunjukkan bahawa beliau tentu tidak dilantik ke jawatan itu. Di sini secara simbolik Dr. Mahathir telah menunjukkan sikap 'tidak suka' kepada Tengku Razaleigh. Beliau lebih tertarik kepada Datuk Musa Hitam untuk menjadi Timbalan Presiden.

> ...there were two well-matched contestents for the post of deputy-President; Tengku Razaleigh and Datuk MUsa Hitam, and despite Dr. Mahathir remarkthat the new deputy might not necessary become deputy PM, few doubted that, in this election, they were choosing the next Prime Minister but... (74)

Di dalam pertandingan itu Tengku Razaleigh tertewas, dengan mendapat 517 undian, manaklala Datuk Musa mendapat 722 undian sekaligus meranapkan impian beliau.

---

(74) <u>The World Today</u>, September 1981, op cit hal 318

Namun begitu Tengku Razaleigh dikekalkan dalam kabinet Dr. Mahathir sebagai Menteri Kewangan.

Bagi menyempurnakan hajatnya, sekali lagi beliau bertanding pada tahun 1981. Tetapi sekali lagi beliau ditewaskan oleh Datuk Musa. Kemusnahan cita citanya menyebabkan beliau ingin mengambiltindakan untuk mengundurkan diri dari arena politik. amun hajatnya telah dihalang setelah dipujuk oleh Perdana Menteri Dr. Mahathir supaya beliau terus kekal di dalam UMNO. Beliau mengalah dan menerima pujukan Dr. Mahathir itu dan diturunkan pangkat menjadi Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Datuk Musa yang memenangi kerusi tersebut berasa tidak senang, kerana Tengku Razaleigh masih beradadi dalam kabinet. Datuk Musa merasakan peluang untuk naik tinggi dalam parti telah terhalang. Ekoran daripada itu Datuk Musa telah meletakkan jawatan kerana dikatakan tidak dapat bekerjasama dengan Dr. Mahathir. perletakan jawatan Datuk Musa sekaligus memalapkan bintang Tengku Razaleigh kerana beliau tidak diperluka n untuk mengimbangi pengaruh Datuk Musa.Beliau tidak lagi mendapat perhatian dari Dr. Mahathir kerana tumpuan lebih diberikan kepada dua orang tokoh iaitu Anuar Ibrahim dan Daim Zainuddin. Ini menyebabkan beliau bangun menentang Dr. Mahathir bagi mencapai cita cita beliau.

Kelahiran Team B telah menyakinkan Tengku Razaleigh untuk bertanding kerusi Presiden UMNO pada 24 April 1987. Team B mendapat sokongan yang luas dariperwakilan terutama dari negeri Kelantan, Pahang, Terengganu dan Johor. Di

samping itu juga beliau mendapat sokongan yang banyak dari orang Melayu.'Razaleigh too has wide support in the malay community and with the wealth generated by hid family group of companies and real estate,he is able to offer patronage to his loyalists. (75)

Pertentangan yang dilakukan oleh Tengku Razaleigh terhadap Dr. Mahathir telah menunjukkan pecahnya tridisi dan amalandi dalam parti UMNO. Tetapi ini bukanlah menjadi satu kesalahan kerana UMNO mendokong idea demokrasi. Pertentangan yang ditunjukkan oleh beliau sekurang sekurangnya dapat menyedarkan Dr. Mahathir dari segala tindak tanduk yang telah dilakukan. Banyak perkara yang dilakukan oleh beliau tidak mendapat sokongan rakyat seperti Official Secret Atc (OSA), Penggunaan Akta Dalam Negeri-ISA, Peristiwa Memali dan projek mewah yang di anggap membazir. Sikap Dr. Mahathir yang terlalu 'ambious' menyebabkan rakyat muak, tetapi tidak berupaya menyuarakan tentangan. Jadi penentangan uang dilakukan oleh Tengku Razaleigh diharapkan dapat memberikan kesedaran terhadap tindak tanduknya itu.

Kekalahan Tengku Razaleigh di tangan Dr. Mahathir di terima dengan akur tanpa sebarang bantahan. Namun bilamana 11 orang ahli UMNO menyuarakan bantahan terhadap kemenangan Dr. Mahathir , Tengku Razaleigh terlibat sama menyusun strategi penentangan. One of the 11, who made no secret of the fact what Razaleigh was allied with his group. (76)

---

(75) <u>Far Eastern Economic Review,</u> 3MAc 1988 hal 15

(76) <u>Far Eastern Economic Review,</u> 3Mac op. cit hal 15

Pengelibatan beliau telah mengeruhkan lagi suasana politik UMNO yang sedia ada. Beliau sepatutnya menenangkan dan menasihati kumpulan 11 dari terus bertindak lebih lanjut. Tidak seperti Datuk Musa,telah meminta pihak yang hendak mendakwa UMNO ke Mahkamah supaya mambatalkan usaha itu. (77) Pembabitan Tengku Razaleigh telah menyemarakkan lagi semangat kumpulan 11 untuk, membuat dakwaan ke mahkamah. Sikap akur yang ditunjukkan selepas pemilihan adalah tidak ihklas. Sikap ketidak puas hatinya ditunjukkan melalui kumpulan 11, tidak melalui dirinya sendiri.

Manakala empat orang responden memberi pendapat, masa depan politik Tengku Razaleigh cerah jika beliau berjaya menubuhkan sebuah parti yang berwibawa untuk menyaingi UMNO Baru. Penubuhan parti memberikan satu alternatif kepada orang Melayu, khususnya kepada penentang Team B untuk menyaingi UMNO Baru. Mereka melihat daripada keputusan pemilihan yang lalu di mana calon Team B tewas bukanlah dengan majoritiyang besar. Extremely narrow victories by Mahathir (by 43 votes) and his deputy, Ghafar Baba (by 40 votes) in the UMNO elections. (78) Sokongan yang diberikan oleh perwakilan begitu besar kepada Team B. Jadi daripada analisis ini satu andaian boleh dibuat, satu parti boleh ditubuhkan. Satu 'advantage' untuk mendapatkan sokongan dikatakan banyak orang Melayu tidak menyukai pucuk pimpinan UMNO lagi.

---

(77) Mingguan Malaysia, 3 Julai 1988 hal 8

(78) Far Eastern Economic Review, 14 April 1988. hal 22

Mereka telah berani menunjukkan cabaran kepada pucuk pimpinan yang ada secara terus terang. Satu spekulasi boleh dikatakan banyak di antara mereka yang menjadi ahli UMNO Baru bersikap 'paradok' demi menjaga 'periuk nasi' masing masing. Oleh itu jika segala perhitungan ini dapat digunakan dengan baik masa depan politiknya bersinar terang.

Namun begitu karier politik Tengku Razaleigh mungkin terus mengalami kegelapan. Penubuhan UMNO Baru yang dilakukan oleh Dr. Mahathir memberi tamparan hebat kepadanya. Beliau bersama dengan penyokong tidak dibenarkan menyertai UMNO Baru.....Particularly former trade and industry minister Tengku Razaleigh and his supporters now face elimination from the new party rolls. (79) Ini kerana beliau berada di luar parti dan kerajaan. Berdasarkan faktor ini adalah terlalu sukar bagi beliau untuk mencari pengaruh dan mendapat kemudahan yang terdapat pada parti UMNO. Tindakan beliau berada di luar parti UMNO sebagai 'anjing menyalak bukit' yang tidak memberi kesan langsung. (80) Beliau mungkin berdaya untuk melakukan sesuatu seperti UMNO Baru dengan kempen SEMARAK untuk menarik lebih ramai ahli.

---

(79) Far Eastern Economic Review, 3 Mac 1988. Ibid hal 14

(80) Encik Ahmad Faizul Seorang pekerja RISDA Bota Kanan ditemuramah pada 10.6.1988

Ekoran daripada itu beliau tidak dapat menyuarakan perjuangannya di khayalak umum, oleh itu pengaruhnya semakin malap.

Bagi beliau untuk menyertai mana mana parti politik selain daripada UMNO adalah tidak mungkin. Ini kerana beliau telah sekian lama berkecimpung dalam UMNO. Parti PAS yang sekian lama menentang UMNO tidak mungkin menjadi pilihan beliau kerana berbeza dengan falsafah perjuangan yang dipegang. Begitu juga dengan parti parti lain adalah tidak selamat bagi beliau kerana akan memalapkan karier politiknya.

Jesteru itu beliau mungkin menunggu peluang yang baik untuk kembali kepada UMNO. Beliau boleh mengambil pengajaran dari peristiwa Dato Onn yang telah keluar dari UMNO, seterus mengalami kegelapan. Satu iktibar boleh diambil terhadap apa yang berlaku Tun Hussein Onn yang berada di luar UMNO kerana menyertai parti bapanya IMP dan Parti Negara, kembali kepada UMNO untuk menjadi Presiden Parti itu pada tahun 1976 seterusnya menjadi Perdana Menteri. Oleh kerana ketika ini perselisihan di antara Dr. Mahathir dan Tengku Razaleigh masih berlangsung, beliau tidak diterima sebagai anggota UMNO Baru. Beliau terpaksa menunggu sehingga ketiadaan Dr. Mahathir, barulah peluang untuknya terbuka untuk menyertai UMNO Baru. Keadaan ini sama sepertimana yang dialami oleh Dr. Mahathir pada tahun 1969 yang terpaksa menunggu ketiadaan Tunku Abdul Rahman , barulah ia kembali kepada UMNO.

## BAB TUJUH

### Penyelesaian krisis

Kesemua responden menyarankan jalan penyelesaian dengan mengadakan satu musyarat yang berbentuk syura dan bermuzakarah. Satu badan yang bersifat berkecuali diperlukan bagi memanggil pihak yang berkrisis. Ini adalah memandangkan tidak mungkin salah satu pihak , akan mengambil inisiatif untuk bertemu. Tambahan lagi kedua dua pilihan tetap merasakan regu mereka masing masing kuat dan berpengaruh. Kekuatan kedua dua puak telah menyekat untuk mereka kembali bersatu. Apatah lagi tanda tanda kekuatan itu bukan satu khayalan kosong. KemTengku Razaleigh -Musa tetap berbangga dengan 12 ahli parlimen yang bersama sama mereka dan beberapa Adun di negeri negeri yang secara terang terangan menyebelahi Kumpulan Semangat 46. Ditambah pula sokongan dan sambutan dari sebahagian kecil rakyat.

Bagi memulakan rundingan apakah Datuk Musa sebagai wakil Kumpulan Semangat 46 atau Team B perlu memulakan rundingan dengan Dr. Mahathir dan Encik Ghafar Baba. Sebagai seorang politikus yang telah masak dengan 'sepak terajang' politik tidak mungkin Datuk Musa akan melutut kepada Dr. Mahathir. Begitu juga dengan Tengku Razaleigh, apakah beliau sanggup untuk tunduk dan duduk semeja dengan Dr. Mahathir. Masing masing mempunyai sebab peribadi dan sebab politik yang tersendiri. Bagi memusnahkan halangan di antara keduanya di sini peranan bebas untuk membawa mereka untuk bersemuka.

perikatan kemudiannya Barisan Nasional namun, parti bukan Melayu telah bertindak terhadap UMNO. Sebelum krisis bermula umpamanya di dalam tahun 1986, Timbalan Presiden Chinese Association (MCA), Yang Berhormat Encik Lee Kim Sai telah membangkitkan kehangatan orang Melayu dengan mempersoalkan konsep pribumi kepada penduduk bumiputera. (81) MCA telah cuba mengekploitasi isu sensitif ini untuk mencabar ketuanan Melayu. Walaupun ketuanan Melayu di Malaysia bukan hak mutlak, tetapi lahir dari proses demokrasi yang sepatutnya dihormati oleh bukan Melayu. Bukan setakat parti MCA sahaja, tetapi peranan yang dimainkan oleh DAP adalah lebih agresif. Walaupun MCA dan MIC berada didalam komponen Barisan Nasional, namun mereka sanggup 'Menikam UMNO dari belakang' dengan berkompromi dengan DAP. Berbagai isu telah dipermainkan oleh mereka seperti Akta Pelajaran 196 . Isu Pembangunan Bukit Cina di Melaka, kerugian koperasi Pengambilan Deposit (KDP), Ikrar di sekolah, mata pelajaran di Universiti Malaya, Isu penggunaan bahasa di papan tanda dan penempatan Penolong Kanan di Penyelia Petang yang tidak mempunyai kelayakan Mandrin di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJK(c)). (82)

---

(81) Chamil Wariya, UMNO Era Mahathir hal 153

(82) Kearah Memelihara Keselamatan Negara Kertas Perintah 14 tahun 1988 Malaysia, dikemukakan dalam Dewan Rakyat/Dewan Negara. Jabatan Percetakan Kerajaan Kuala Lumpur hal 153

Sebilangan pertubuhan terutamanya Persatuan Guru Guru Sekolah Cina, terutama Gabungan Persatuan Guru, Sekolah Cina Malaysia (GPGSCM), Persatuan Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (PPLPSLM) telah memainkan peranan golongan pendesak. (83)

Kegiatan kegiatan yang ditimbulkan oleh orang bukan Melayu.Ini sebagai satu amaran yang menunjukkan, perselisihan di antara orang Melayu mengakibatkan ada golongan yang cuba mengambil kesempatan di atas kelemahan itu.

Manakala perkumpulan Al-Arqam dan wakil PAS berpendapat penyelesaian harus dibuat dengan kembali kejalan Allah. UMNO adalah parti orang Islam, di mana rata rata ahlinya dan pemimpinnya beragama Islam harus mengambil iktibar dari AlQuran, firman Allah di dalam surah An Nisa'a ayat 59

> "Apabila kamu telah bertelagah di dalam satu satu perkara hendaklah kembali kepada Allah danRasulnya, jika kamu beriman dengan Allah dan Hari Kiamat"

Dari firman ini jelah Allah menyuruh hambanya berdamai melalui jalan yang dianjurkanNya. Mereka yang berkrisis harus melupakan segala pertelingkahan dan cuba untuk memperbaiki hubungan supaya perdamaian dapat diwujudkan. Sebagai seorang Islam, kesediaan untuk memberi keampunan kepada orang lain harus diberikan kepada kepada mereka yang telah membuat kesilapan.

---

(83) Kearah Memelihara Keselamatan Negara op. cit hal 153

Kumpulan penentang Dr. Mahthir di dalam perhimpunan 24 April dan Kumpulan 11 harus diberikan kemaafan supaya mereka dapat kembali diterima di dalam UMNO. Tindakan mengharamkan keanggotaan Team B dianggap tidak wajar kerana ini akan menambahkan lagi musuh dan persengketaan. Sepatutnya pihak yang menang mengambil usaha memanggil Team B untuk berunding mencari penyelesaian. Perhitungan yang harus diambil dengan mencari kesamaan di antara keduanya, kerana selagi kita mencari perbezaan yang wujud maka selagi itulah perdamaian tidak akan wujud. Bagi kedua dua pihak kalau perbezaan pendapat yang dijadikan penilaian rundingannya tentulah titik pertemuan tidak akan tercapai. Yang sudah tentu, carilah persamaan persamaan yang sedia ada sesudah perjuangan UMNO yang menjadi teras persamaan kedua dua pihak meskipun UMNO itu didakwa berbeza.

Berdasarkan pendapat yang dikemukakan oleh responden mereka mengesyorkan satu rundingan diadakan di antara pemimpin yang berkrisis. Dengan adanya rundingan ini diharap dapat memecahkan kebuntuan dan menghasilkan satu penyelesaian. Rata rata ahli UMNO dan pendokong perjuangan UMNO menanti wujudnya perdamaian di antara kedua dua pihak bagi memantapkan kembali perjuangan dan perpaduan UMNO.

# BAB LAPAN

## RUMUSAN

Pertandingan merebut satu satu jawatan dalam politik sering membawa akibat yang buruk seperti permusuhan dan perpecahan sesama ahli parti. Akibat pertandingan itu sebenarnya lebih banyak menimbulkan perpecahan yang boleh merugikan parti dan ahli parti itu sendiri. Keadaan ini terbukti di dalam perhimpunan Agong UMNO pada 24 April 1987. Pertandingan merebut beberapa jawatan penting dalam UMNO telah memecahkan perpaduan parti itu sendiri. Sebelumnya tidak kedapatan kumpulan seperti mana terdapat di dalam pemilihan itu. Dua kumpulan yang bertelagah ini telah berusaha untuk merebut kerusi tertinggi, bagi mendapatkan kuasa dan kedudukan UMNO. Kenyataan ini memang sukar untuk dinafikan berdasarkan pemilihan 1987. Pertentangan yang nyata di antara Team A dan Team B telah memecahkan perpaduan parti UMNO yang diasaskan selama 43 tahun itu. Perpaduan UMNO telah hancur kerana perpecahandi kalangan ahli ahlinya di dalam memberi sokongan samada Team A atau pun Team B. Terdapat pemisahan yang nyata di antara keduanya terutamanya di kalangan para perwakilan mencalonkan pimpin mereka.

Terdapat dua pembahagian pengaruh, di dalam memberi sokongan kepada pemimpin yang bertanding. Dr. Mahathir dan Encik Ghafar Baba lebih mendapat sokongan dari kawasan Pantai Barat, manakala Tengku Razaleigh dan Datuk Musa Hitam mendapat sokongan yang luas dari negeri Pantai Timur seperti Kelantan, Trengganu, Pahang dan Johor. Semangat kenegerian

nampaknya telah muncul kembali dan di dalam UMNO bagi menentukan sokongan kepada seorang pemimpin. Konsep sempadan telah memainkan peranan bagi menentukan seseorang calon itu.

Krisis yang melanda UMNO ini nampaknya telah meluputkan unsur penghormatan terhadap pemimpin yang sedia ada. Keadaan ini tidak berlaku di masa lalu di mana Presiden UMNO begitu dihormati dan tidak ada di kalangan ahli parti cuba menguji kewibawaannya kes yang berlaku semasa Datuk Hussein Onn. Namun semasa itu ia tidak dianggap serius kerana tidak memecahkan perpaduan UMNO. Kini telah muncul satu 'trend' baru di dalam UMNO, di mana terdapat di kalangan ahli ahli yang mempunyai cita cita yang tinggi yang cuba menentang Presiden bagi mencapai hajat mereka. Keinginan untuk berkuasa terlalu ghairah kerana kuasa dapat menunaikan apa sahaja hajat yang diidamkan.

Walaubagaimanapun krisis ini telah menimbulkan kesan positif terhadap parti UMNO. Kesan positif itu di mana kematangan berpolitik telah muncul di dalam UMNO. Kematangan berpolitik ini telah ditunjukkan oleh ahli ahli parti. Adanya krisis ini menyebabkan pemimpin UMNO akan lebih berhati hati di masa akan datang. UMNO di bawah pimpinan Dr. Mahathir akan lebih matang daripada sebelumnya. Di bawah pimpinannya UMNO mungkin dapat mengawal segala tindak tanduk yang muncul di dalam UMNO. Krisis ini seolah olah telah dapat 'membuka mata' para pemimpin dan ahli ahlinya. Oleh itu pada hemat penulis UMNO akan lebih bersedia untuk menghadapi segala ancaman dan segala tindakan ahli ahlinya.

Pemilihan 1987 secara langsung telah memecahkan tradisi dan amalan di dalam UMNO. Amalan dan tradisi yang kekal bertahun tahun telah musnah. Pertentangan Tengku Razaleigh dan Datuk Musa Hitam terhadap Dr. Mahathir telah menghacurkan warisan yang diwarisi selama ini. Kini tradisi yang diwarisi itu telah dilenyapkan menandakan UMNO kini mengubah 'trendnya' di mana unsur unsur lama mula diabaikan. Hancurnya warisan ini menyebabkan khazanah ini tidak bernilai lagi, dan ia bukan satu kemegahan lagi kerana UMNO telah hilang sifat keasliannya.

Penubuhan UMNO Baru diharap dapat menyelesaikan masalah perpaduan dan krisis di antara ahli ahli UMNO. UMNO Baru sebagai 'survival' orang Melayu -UMNO bagi meneruskan perjuangannya di negara ini. Sebagai menyambung perjuangan dan mewarisi perjuangan UMNO 1946, ia perlukan sokongan dari orang Melayu khusus dari bekas ahli UMNO Lama untuk terus hidup. Kini UMNO Baru sedang giat untuk mendapat pengaruh dan telah terbukti menadapat sambutan. Harapan yang tinggi diletakkan kepada UMNO Baru sebagai wakil orang Melayu di dalam politik menyebabkan parti ini telah mendapat sambutan. Berdasarkan sambutan dan sokongan orang Melayu ini UMNO Baru telah menunjukkan 'taring' bagi kembali berfungsi seperti UMNO 1946. Kini kedudukan UKNO Baru semakin kuat dan stabil bilamana parti itu berjaya menarik musuhnya kedalam untuk sama berjuang demi menjaga kepentingan Melayu. Keutuhan UMNO kini sukar untuk digugat, walaupun Tengku Razaleigh dan beberapa orang tokoh yang menyokong beliau masih cuba

mengoncang parti itu. Namun tindakan mereka itu boleh dianggap sebagai satu tindakan sia sia kerana tidak memberi kesan langsung.

Bagi responden pula krisis yang melanda UMNO ini satu kematangan kepada parti UMNO. Ini kerana krisis seumpama ini tidak pernah berlaku pada sebelumnya.Ahli ahli parti mungkin merasakan krisis yang melanda itu sebagai satu ancaman. Ancaman daripada pemimpin di dalam UMNO sendiri adalah lebih bahaya. Oleh itu setiap anggota UMNO merasakan adalah perlu mereka membaiki kelemahan kepimpinan dan bersiap sedia dengan sebarang kemungkinan di masa akan datang. Seterusnya parti ini lebih bersiap sedia di masa akan datang kerana pengalaman Perhimpunan 24 April 1987 boleh dijadikan satu iktibar.

Selanjutnya responden beranggapan bahawa krisis ini telah meruntuhkan perpaduan UMNO sendiri. Satu perpecahan yang ketara bilamana UMNO telah terbahagi kepada dua kumpulan yang bertentangan. Pecahnya perpaduan ini menyebabkan kuasa orang Melayu di dalam kerajaan akan mengalami kelemahan. Aspek perpaduan di dalam parti amat dititikberatkan oleh responden. Namun begitu , perpaduan di dalam UMNO akan pulih sediakala di mana responden begitu opimist terhadap UMNO Baru. Keutuhan dan perpaduan di dalam UMNO akan kembali kukuh bilamana perjuangan UMNO amat perlu bagi mewakili bangsa Melayu di negara ini.

Kesimpulan yang dapat dibuat bahawa pemilihan 1987 telah memecahkan perpaduan UMNO, seterusnya membawa kesan yang amat buruk bilamana parti UMNO diisytiharkan tidak sah. Keadaan semakin menjadi kalut bila dua golongan pemimpin yang

bertelagah cuba menunjukkan kebenaran masing masing bagi mendapat simpati orang Melayu UMNO. Walau bagaimanapun penubuhan UMNO Baru boleh dianggap sebagai pemyelamat kepada perpecahan itu di mana ia cuba menyatukan kepada mereka yang ingin bertelagah. Berdasarkan peristiwa ini perlu bagi orang Melayu mengambil ikhtibar bahawa pergelutan sesama sendiri membawa keburukan kepada diri sendiri seterusnya membawa kepada perpecahan yang sekian lama terjalin. Walaupun ia telah memecahkan perpaduan orang Melayu UMNO, disebalik itu pula krisis ini telah mematangkan para anggota UMNO berpolitik. Kematangan ini selanjutnya diharap dapat digunakan oleh pemimpinan UMNO di dalam meneruskan perjuangan parti itu.

BIBLIOGRAFI


Alias Mohamed — *Kelantan Under PAS,The Problem of Land Development and Corruption* Insular Publishin. Kuala Lumpur 1983

*Tengku Razaleigh, Obstacle and Challenge* Gateway Publishing Kuala Lumpur 1986

*Kepimpinan Demokrasi dan Tradisi.* AMM Communication, Kuala Lumpur 1984

Annuar Abdullah — *Bibliografi Dato Onn,* Pustaka Nusantara. Kuala Lumpur 1971

Anwar Shukri — *Tengku Razaleigh Dalam Sejarah Politik UMNO* Gateway Publishing Kuala Lumpur 1986

Ahmad Kamar — *Islam Tercabar; Satu Pandangan Terhadap Perjuangan PAS.* Pustaka Ilmu Kuala Lumpur 1980

Aziz Zariza Ahmad — *UMNO Falsafah dan Perjuangan* Penerbitan Knight. Kuala LUmpur 1979

| | |
|---|---|
| Chamil Wariya | UMNO Baru, Kelahiran dan Perkembangan Awalnya. K, Publishing Distributors. Kuala Lumpur. 1988 |
| | UMNO Era Mahathir, Fajar Bakti. Petaling Jaya 1988 |
| FUNSTON. N.J | Malay Politic in Malaysia: A study of UMNO and PAS. Heinemkann Educational Book, Kuala Lumpur 1980 |
| Harun Derauh & Shafie Nor | Manathir cita cita dan pencapaian Berita Publishing Kuala Lumpur 1982 |
| Hambali Abdul Latiff | UMNO Baru Milik Siapa ? Penerbitan Pena . Kuala Lumpur 1988 |
| Mahathir Mohamad | The Challenge Pelanduk Publication, Petaling Jaya 1986 |
| Milne.R.S. & Ratnam K.J | The Malayan Parlimentary Election of 1964 University of Malay Press. Singapore 1969 |

Mohd Noor Azam — Perspektif 1969-2979, DBP. Kuala Lumpur

Morais Victor.J.i — Mahathir, Riwayat Gagah Berani: (terj) Abdul Razak Haji Abd Rahman. Arena Buku, Kuala Lumpur 1982

Ranjit Gill — Razaleigh an Unending Quest Pelanduk Publication, Petaling Jaya 1986

Ratnam. K.J. — Fahaman Perkauman Dan Proses Politik di Malaysia (terj) Universiti Malaya Press, Kuala Lumpur 1969.

Simanjuntak.B. — Federalisma Tanah Melayu 1945-1965 Fajar Bakti, Petaling Jaya 1986.

Suhaimi Moktar — Warisan Pimpinan UMNO. Penerbitan Pena, Petaling Jaya 1981

Tunku Abdul Rahman — Challenging Times, Pelanduk Publication Petaling Jaya 1986

As a Metter of Interest Heinemann Kuala Lumpur 1982

Vasil R.K The Malaysian General Election of 1969 Kuala Lumpur, Oxford Uninersity Press 1972

Zakry Abadi Pilihanyara Umum 1986, Satu Analisa Grafika, Percetakan Sentosa kuala Lumpur 1987

Senarai Jernal

The World Today Royal Institute of International Affairs . Vol 39. No. 9 July 1983

The World Today Royal Institute of International Affair. Vol 37. No. 9 September 1981

Senarai Majalah

Dewan Masyarakat September 1981

Dewan Masyarakat Januari 1987

Dewan Masyarakat April 1987

Dewan Masyarakat Mei 1987

Dewan Masyarakat Jun 1987

Dewan Masyarakat September 1987

Dewan Masyarakat Disember 1987

| | |
|---|---|
| _Far Eastern Economic Review_ | _18 Februari 1988_ |
| _Far Eastern Economic Review_ | _3 Mac 1988_ |
| _Far Eastern Economic Review_ | _14 April 1988_ |
| _Far Eastern Economic Review_ | _28 April 1988_ |
| _Mastika_ | _Ogos 1988_ |



GAMBAR (A) Gambar Pemimpin UMNO Lama Kawasan Parlimen Parit Perak tahun 1969. Ketika ini Kawasan Bota masih terletak dibawah Kawasan Belanja.

DARI KIRI Encik Mohd Alias Mohd Aliff. J.P. (bersongkok dan bercermin mata gelap) bekas ADUN Kawasan Belanja 1964-1969;
Encik Abd Kadir bin Ahmad (Setiausaha UMNO Bahagian Parit), Allahyarham Haji Zabidi (Ahli Jawatankuasa Penerangan UMNO Kawasan Parit) Allahyarham Dato Hussein Noordin (Ahli Parlimen Parit) dan Encik Hisan Ibrahim (bersongkok) Ketua Pemuda UMNO Bahagian Parit (Gambar ini dirakamkan pada hari penamaan calon Pilihanraya Umum 1969 di Parit Perak.)




GAMBAR (B) Satu Papan Tanda UMNO Lama
Cawangan Bota Kanan, Perak




GAMBAR (C) Gambar Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Bota setelah berpindah dari Pejabat UMNO Bahagian Parit terletak diParit, Perak ke Pekan Bota Kanan, Perak.




GAMBAR (D) Gambar Pejabat UMNO Bahagian Parit yang telah ditutup setelah Parti UMNO diharamkan oleh Mahkamah



GAMBAR (E) Sebuah Kedai Kopi terletak di Kampong Selat Bota Kanan sering menjadi tumpuan bagi membicarakan hal ehwal politik




GAMBAR (F) Sebuah Kedai Kopi (dibelakang) dan Persimpangan Jalan Di Titi Gantong tempat utama perbincangan hal ehwal politik



GAMBAR (G) Sebuah Surau terletak Di Parit 8 Titi Gantong yang sering diadakan ceramah oleh PAS



GAMBAR (H) Kawasan perkarangan Masjid Titi Gantong tempat ceramah PAS diadakan. Disebelah kiri terdapat sebuah mimbar menjadi tempat tetamu PAS berucap
Disebelah adalah bangunan Masjid Titi Gantong didakwa dibena bukan atas perbelanjaan Kerajaan.




GAMBAR (I) Sebuah Markas PAS terletak DiPekan Bota Kanan yang menjadi Pusat Gerakan bagi Kawasan Bota

# LAMPIRAN 1

**1. The 38th UMNO General Assembly Elections, 24 April 1987**



1981 RESULTS

**PRESIDENT**
Datuk Seri Dr Mahathir Mohammed .......... Unopposed

**DEPUTY PRESIDENT**
Datuk Musa Hitam .......... 722
Tengku Razaleigh Hamzah .......... 517

**VICE PRESIDENTS**
Encik Abdul Ghafar Baba .......... 869
Datuk Harun Idris .......... 757
Tengku Ahmad Rithauddeen .......... 711

**SUPREME COUNCIL MEMBERS**
Datuk Seri Amar Wan Mokhtar Ahmad .......... 948
Datuk Rais Yatim .......... 937
Datuk Mokhtar Hashim .......... 842
Datuk Seri Syed Nahar Shahabudin .......... 840
Tan Sri Ghazali Shafie .......... 768
Haji Abdul Rahim Bakar .......... 762
Datuk Mohamed Najib Razak .......... 759
Datin Paduka Rafidah Aziz .......... 744
Datuk Seri Adib Adam .......... 721
Datuk Haji Wan Mohamed .......... 715
Datuk Mohamed Rahmat .......... 689
Hajjah Marina Yusoff .......... 678
Datuk Seri Sanusi Junid .......... 652
Datuk Abdul Manan Othman .......... 651
Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi .......... 620
Datuk Haji Suhaimi Kamaruddin .......... 605
Datuk Mohamed Yaakob .......... 590
Datuk Hormat Rafie .......... 540
Datin Paduka Zaleha Ismail .......... 517
Datuk Shariff Ahmad .......... 516

1984 RESULTS

**PRESIDENT**
Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad .......... Unopposed

**DEPUTY PRESIDENT**
Datuk Musa Hitam .......... 744
Tengku Razaleigh Hamzah .......... 501
Datuk Harun Idris .......... 34

**VICE-PRESIDENTS**
Datuk Seri Amar Wan Mokhtar Ahmad .......... 634
Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi .......... 625
Encik Ghafar Baba .......... 602

**SUPREME COUNCIL MEMBERS**
Datuk Khalil Yaakub .......... 953
Datuk Ramli Ngah Talib .......... 951
Datuk Kadir Sheikh Fadzir .......... 924
Datuk Mohamed Najib Razak .......... 922
Datuk Mohamad Yaacob .......... 850
Datuk Rais Yatim .......... 847
Datuk Abu Hassan Omar .......... 810
Datuk Seri Syed Nahar Sahabudin .......... 809
Datuk Seri Sanusi Junid .......... 765
Datuk Mohamad Isa Samad .......... 741
Datuk Seri Kamaruddin Mat Isa .......... 737
Datuk Seri Rahim Thamby Chik .......... 728
Datuk Abdul Ajib Ahmad .......... 723
Datuk Shahrir Samad .......... 698
Datuk Seri Adib Adam .......... 679
Haji Rahim Bakar .......... 660
Hajjah Marina Yusoff .......... 636
Dr Nawawi Mat Awin .......... 630
Datuk Sabaruddin Chik .......... 624
Datuk Suhaimi Kamaruddin .......... 624

UMNO DIVISIONAL NOMINATIONS 1987

| | President | Deputy President | Vice-President |
|---|---|---|---|
| ■ JOHORE (18 divisions) | | | |
| 1. **Batu Pahat** | Mahathir | Musa | Abdullah Badawi, Ghafar, Anwar |
| 2. **Pulai** | Mahathir | Musa | Mohamed Rahmat, Anwar, Rithauddeen |
| 3. **Johore Baru** | Musa | Razaleigh | Abdullah Badawi, Harun Idris, Wan Mokhtar |
| 4. **Segamat** | Razaleigh | Musa | Abdullah Badawi, Ghafar, Wan Mokhtar |
| 5. **Pagoh** | Razaleigh | Musa | Ghafar, Abdullah Badawi, Wan Mokhtar |
| 6. **Kluang** | *No nominations* | | |
| 7. **Mersing** | Razaleigh | Musa | Abdullah Badawi, Ghafar, Wan Mokhtar |
| 8. **Labis** | Razaleigh | Musa | Abdullah Badawi, Wan Mokhtar, Rais Yatim |
| 9. **Sungai Benut** | Razaleigh | Musa | Abdullah Badawi, Wan Mokhtar, Rithauddeen |
| 10. **Ledang** | Razaleigh | Musa | Ghafar, Abdullah Badawi, Anwar |
| 11. **Parit Sulong** | Razaleigh | Musa | *No nominations* |
| 12. **Pontian** | Razaleigh | Musa | Abdullah Badawi, Wan Mokhtar, Shahrir |
| 13. **Bakri** | Razaleigh | Musa | Abdullah Badawi, Wan Mokhtar, Marina Yusoff |
| 14. **Kota Tinggi** | Razaleigh | Musa | Ghafar, Wan Mokhtar, Abdullah Badawi |
| 15. **Tebrau** | Razaleigh | Musa | Abdullah Badawi, Harun Idris, Shahrir |
| 16. **Sri Gading** | *No nominations* | | |
| 17. **Muar** | Razaleigh | Musa | Abdullah Badawi, Wan Mokhtar, Marina Yusoff |
| 18. **Senai** | Razaleigh | Musa | Abdullah Badawi, Rais Yatim, Shahrir |
| ■ KELANTAN (13 divisions) | | | |
| 19. **Rantau Panjang** | Mahathir | Ghafar | *division comm. decides* |
| 20. **Tanah Merah** | Mahathir | Ghafar | Anwar, Wan Mokhtar, Ramli Ngah |
| 21. **Machang** | Mahathir | Ghafar | Ghafar, Anwar, Sanusi |
| 22. **Pasir Putih** | Razaleigh | Musa | Abdullah Badawi, Wan Mokhtar, Sanusi |
| 23. **Pasir Mas** | Razaleigh | Musa | Anwar, Sanusi, Abdullah Badawi |
| 24. **Tumpat** | Razaleigh | Ghafar | Rithauddeen, Anwar, Sanusi |
| 25. **Pengkalan Chepa** | *no nominations* | | |
| 26. **Kok Lanas** | *no nominations* | | |
| 27. **Bachok** | Razaleigh | Musa | Rithauddeen, Anwar, Ramli Ngah |
| 28. **Kuala Krai** | Razaleigh | Musa | Ghafar, Rithauddeen, Abdullah Badawi |
| 29. **Gua Musang** | Razaleigh | Musa | *No nominations* |
| 30. **Nilam Puri** | Razaleigh | Musa | Abdullah Badawi,Rithauddeen |
| 31. **Kota Baru** | Razaleigh | Musa | Rithauddeen, Abdullah Badawi, Sanusi |
| ■ PERAK (23 divisions) | | | |
| 32. **Kampar** | Mahathir | Ghafar | Anwar, Ramli Ngah, Wan Mokhtar |
| 33. **Pasir Pinji** | Mahathir | Ghafar | Anwar, Ramli Ngah, Abu Hassan Omar |
| 34. **Kuala Kangsar** | Mahathir | Ghafar | Ramli Ngah, Wan Mokhtar, Anwar |
| 35. **Parit Buntar** | Mahathir | Ghafar | Ramli Ngah, Sanusi, Anwar |
| 36. **Taiping** | Mahathir | Ghafar | Sanusi, Ramli Ngah, Abdullah Badawi |
| 37. **Gopeng** | Mahathir | Ghafar | Ramli Ngah, Abdullah Badawi, Sanusi |
| 38. **Tapah** | Mahathir | Ghafar | Ramli Ngah, Sanusi, Anwar |
| 39. **Bkt Gatang** | Mahathir | Ghafar | Ramli Ngah, Abdullah Badawi |
| 40. **Batu Gajah** | Razaleigh | Musa | Abdullah Badawi, Rais Yatim, Ramli Ngah |
| 41. **Larut** | Mahathir | Ghafar | Ramli Ngah, Wan Mokhtar, Anwar |
| 42. **Sungai Siput** | Mahathir | Ghafar | Ramli Ngah, Anwar, Sanusi |
| 43. **Ipoh** | Mahathir | Ghafar | Ramli Ngah, Sanusi, Anwar |
| 44. **Grik** | Mahathir | Ghafar | Ramli Ngah, Sanusi, Anwar |
| 45. **Bagan Serai** | Mahathir | Musa | Ramli Ngah, Abdullah Badawi, Anwar |
| 46. **Lumut** | Mahathir | Ghafar | Sanusi, Anwar, Ramli Ngah |
| 47. **Teluk Intan** | Mahathir | Ghafar | Ramli Ngah, Sanusi, Abdullah Badawi |
| 48. **Bruas** | Razaleigh | Musa | Ramli Ngah, Ghafar, Sanusi |
| 49. **Bagan Datoh** | Mahathir | Musa | Ramli Ngah, Anwar, Sanusi |
| 50. **Pasir Salak** | Mahathir | Ghafar | Anwar, Ramli Ngah *(two only)* |

| | President | Deputy President | Vice-President |
|---|---|---|---|
| 51. **Tambun** | Mahathir | Ghafar | Anwar, Abdullah Badawi, Ramli Ngah |
| 52. **Parit** | Mahathir | Ghafar | Ramli Ngah, Anwar, Sanusi |
| 53. **Tasik Cenderoh** | Mahathir | Ghafar | Ramli Ngah, Anwar, Wan Mokhtar |
| 54. **Tanjung Malim** | Mahathir | Ghafar | Ramli Ngah, Anwar, Sanusi |
| ■ SELANGOR (14 divisions) | | | |
| 55. **Tanjung Karang** | Mahathir | Ghafar | Sanusi, Ramli Ngah, Suhaimi Kamaruddin |
| 56. **Kuala Selangor** | Mahathir | Ghafar | Sanusi, Ramli Ngah, Abdullah Badawi |
| 57. **Puchong** | Razaleigh | Musa | Harun Idris, Anwar, Sanusi |
| 58. **Hulu Selangor** | Mahathir | Ghafar | Ramli Ngah, Wan Mokhtar, Anwar |
| 59. **Ampang Jaya** | Mahathir | Ghafar | Abdullah Badawi, Muhammad Haji Mohamed Taib, Harun Idris |
| 60. **Selayang** | Mahathir | Ghafar | Harun Idris, Anwar, Abu Hassan Omar |
| 61. **Kuala Lumpur** | Mahathir | Ghafar | Harun Idris, Abdullah Badawi, Anwar |
| 62. **Shah Alam** | Mahathir | Musa | Abdullah Badawi, Anwar, Harun Idris |
| 63. **Sepang** | Mahathir | Ghafar | Wan Mokhtar, Abdullah Badawi, Suhaimi |
| 64. **Sabak Bernam** | Mahathir | Ghafar | Wan Mokhtar, Abdullah Badawi, Sanusi |
| 65. **Hulu Langat** | *No Nominations* | | |
| 66. **Kapar** | Mahathir | Ghafar | Ramli Ngah, Sanusi, Anwar |
| 67. **Petaling Jaya** | Mahathir | Musa | Anwar, Harun Idris, Abdullah Badawi |
| 68. **Klang** | Mahathir | Ghafar | Harun Idris, Anwar, Abdullah Badawi |
| ■ MALACCA (Five Divisions) | | | |
| 69. **Alor Gajah** | Mahathir | Ghafar | *No nominations* |
| 70. **Kota Melaka** | Mahathir | Ghafar | Rahim Thamby, Anwar, Ramli Ngah |
| 71. **Selandar** | Ghafar | Musa | Razaleigh, Abdullah Badawi, Rais Yatim |
| 72. **Batu Berendam** | Mahathir | Ghafar | Anwar, Ramli, Wan Mokhtar |
| 73. **Jasin** | Razaleigh | Musa | Adib Adam, Wan Mokhtar, Abdullah Badawi. |
| ■ NEGERI SEMBILAN (Seven division) | | | |
| 74. **Rasah** | Mahathir | Musa | Rais Yatim, Wan Mokhtar, Abdullah Badawi |
| 75. **Teluk Kemang** | Mahathir | Ghafar | Rais Yatim, Wan Mokhtar, Anwar |
| 76. **Jelebu** | Mahathir | Ghafar | Rais Yatim, Wan Mokhtar, Abdullah Badawi |
| 77. **Seremban** | Razaleigh | Musa | Rais Yatim , Abdullah Badawi, Anwar, |
| 78. **Tampin** | Mahathir | Ghafar | Isa, Anwar, Razaleigh |
| 79. **Jempoi** | Mahathir | Ghafar | Anwar, Wan Mokhtar, Ramli Ngah |
| 80. **Kuala Pilah** | Mahathir | Ghafar | Anwar, Sanusi, Rais Yatim |
| ■ PAHANG (10 divisions) | | | |
| 81. **Jerantut** | Razaleigh | Musa | Abdullah Badawi, Khalil, Anwar |
| 82. **Lipis** | Razaleigh | Musa | Khalil, Anwar, Abdullah Badawi |
| 83. **Pekan** | Mahathir | Musa | Khalil, Anwar, Abdullah Badawi |
| 84. **Temerloh** | Mahathir | Ghafar | Khalil, Anwar, Abdullah Badawi |
| 85. **Rompin** | Mahathir | Ghafar | Khalil, Anwar, Wan Mokhtar |
| 86. **Mentakab** | Mahathir | Musa | Khalil, Abdullah Badawi, Anwar |
| 87. **Bentong** | Mahathir | Musa | Anwar, Abdullah Badawi, Wan Mokhtar |
| 88. **Kuantan** | *(meeting declared null and void)* | | |
| 89. **Raub** | Razaleigh | Musa | Abdullah Badawi, Khalil, Anwar |
| 90. **Maran** | Mahathir | Ghafar | Khalil, Najib, Wan Mokhtar |
| ■ PENANG (11 divisions) | | | |
| 91. **Bayan Baru** | Mahathir | Ghafar | Abdullah Badawi, Anwar, Ramli Ngah |
| 92. **Nibong Tebal** | Mahathir | Ghafar | Abdullah Badawi, Anwar, Razaleigh |
| 93. **Bukit Bendera** | Mahathir | Ghafar | Abdullah Badawi, Wan Mokhtar, Anwar |
| 94. **Tanjung** | Razaleigh | Musa | Abdullah Badawi, Wan Mokhtar, Sanusi |
| 95. **Bagan** | Mahathir | Ghafar | Abdullah Badawi, Ramli Ngah, Anwar |
| 96. **Jelutong** | Mahathir | Musa | Abdullah Badawi, Wan Mokhtar, Sanusi |
| 97. **Permatang Pauh** | Mahathir | Ghafar | Anwar, Wan Mokhtar, Ramli Ngah |
| 98. **Kepala Batas** | Razaleigh | Musa | Abdullah Badawi, Wan Mokhtar, Rais Yatim |

| | President | Deputy President | Vice-president |
|---|---|---|---|
| 99. **Balik Pulau** | Mahathir | Ghafar | Wan Mokhtar, Abdullah Badawi, Sanusi |
| 100. **Bukit Mertajam** | Mahathir | Musa | Abdullah Badawi, Wan Mokhtar, Ghafar |
| 101. **Tasik Gelugor** | Razaleigh | Musa | Wan Mokhtar, Anwar, Abdullah Badawi |
| ■ KEDAH (14 divisions): | | | |
| 102. **Jerlun/Langkawi** | Mahathir | Ghafar | Sanusi, Razaleigh, Wan Mokhtar |
| 103. **Jerai** | Mahathir | Ghafar | Anwar, Sanusi, Abdullah Badawi |
| 104. **Merbuk** | Mahathir | Ghafar | Sanusi, Anwar, Ramli Ngah |
| 105. **Kubang Pasu** | Mahathir | Ghafar | *No Nominations* |
| 106. **Padang Terap** | Mahathir | Ghafar | Anwar, Abdullah Badawi, Wan Mokhtar |
| 107. **Sungai Petani** | Mahathir | Ghafar | Abdullah Badawi, Anwar, Wan Mokhtar |
| 108. **Pendang** | Mahathir | Ghafar | Sanusi, Anwar, Wan Mokhtar |
| 109. **Kuala Kedah** | Mahathir | Ghafar | Anwar, Sanusi, Ramli Ngah |
| 110. **Padang Serai** | Mahathir | Ghafar | Anwar, Abu Hassan Omar, Rithauddeen |
| 111. **Sik** | Mahathir | Ghafar | Abdullah Badawi, Anwar, Sanusi |
| 112. **Kota Setar** | Mahathir | Ghafar | Anwar, Sanusi, Abdullah Badawi |
| 113. **Alor Setar** | Mahathir | Ghafar | Wan Mokhtar, Ramli Ngah, Anwar |
| 114. **Baling** | Mahathir | Ghafar | Sanusi, Anwar, Wan Mokhtar |
| 115. **Kulim/Bandar Baru** | Mahathir | Musa | Ghafar, Abdullah badawi, Sanusi |
| ■ PERLIS (Two divisions): | | | |
| 116. **Kangar** | Mahathir | Ghafar | Abdullah Badawi, Wan Mokhtar, Anwar |
| 117. **Arau** | Mahathir | Ghafar | Abdullah Badawi, Wan Mokhtar, Anwar |
| ■ FEDERAL TERRITORY (Eighty divisions): | | | |
| 118. **Labuan** | Mahathir | Ghafar | Abu Hassan, Anwar (*only two nominations*) |
| 119. **Batu** | Mahathir | Ghafar | Sanusi, Ramli Ngah, Abu Hassan |
| 120. **Bukit Bintang** | Razaleigh | Musa | Abdullah Badawi, Ghafar, Rais Yatim |
| 121. **Seputih** | Mahathir | Ghafar | Anwar, Ramli Ngah, Sanusi |
| 122. **Lembah Pantai** | Mahathir | Ghafar | Abdullah Badawi, Musa, Razaleigh |
| 123. **Titiwangsa** | Mahathir | Ghafar | Abdullah Badawi, Harun Idris, Rais Yatim |
| 124. **Sg. Besi** | Mahathir | Ghafar | Abdullah Badawi, Anwar, Wan Mokhtar |
| 125. **Kepong** | Mahathir | Ghafar | Abdullah Badawi, Wan Mokhtar, Anwar |
| ■ TERENGGANU (Eight divisions): | | | |
| 126. **Hulu Terengganu** | Razaleigh | Musa | Abdullah Badawi, Wan Mokhtar, Rais Yatim |
| 127. **Kuala Nerus** | Razaleigh | Musa | Abdullah Badawi, Wan Mokhtar, Rais Yatim |
| 128. **Setiu** | Razaleigh | Musa | Wan Mokhtar, Anwar, Abdullah Badawi |
| 129. **Marang** | Mahathir | Ghafar | Wan Mokhtar, Anwar, Abdullah Badawi |
| 130. **Besut** | Razaleigh | Musa | Rais Yatim, Wan Mokhtar, Abdullah Badawi |
| 131. **Kuala Terengganu** | Mahathir | Ghafar | Wan Mokhtar, Anwar, Abdullah Badawi |
| 132. **Kemaman** | Mahathir | Ghafar | Wan Mokhtar, Anwar, Abdullah Badawi |
| 133. **Dungun** | Mahathir | Ghafar | Wan Mokhtar, Anwar, Sanusi |

## NOMINATIONS TALLY

■ President: Mahathir: **88;** Razaleigh: **37**; Musa: **1**; Ghafar: **1**

■ Deputy: Ghafar 74; Musa **50;** Razaleigh: **2**

■ Vice-presidents: Anwar Ibrahim: **76;** Datuk Abdullah Ahmad Badawi: **75;** Datuk Seri Wan Mokhtar Ahmad: **54;** Datuk Seri Ramli Ngah Talib: **40;** Datuk Seri Sanusi Junid: **39;** Datuk Rais Yatim : **15;** Encik Ghafar Baba: **12;** Datuk Harun Idris: **10;** Tengku Ahmad Rithauddeeen: **8;** Datuk Khalil Yaakub: **8;** Datuk Abu Hassan Omar: **5;** Tengku Razaleigh: **5;** Datuk Shahrir Abdul Samad: **3;** Hajjah Marina Yusoff: **2;** Datuk Muhammad Haji Muhammad Taib:**1;** Datuk Mohamed Isa Samad: **1;** Datuk Abdullah Ahmad: **1;**

Five divisions did not make any nominations. Four divisions did not make any nominations for vice-presidents.

UMNO SUPREME COUNCIL: Members Elected 24 April 1987

*(Name of winners given in bold)*

| | *Votes* | *% of votes cast* |
|---|---|---|
| PRESIDENT | | |
| **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad** | **761** | **51.45** |
| Tengku Razaleigh Hamzah | 718 | 48.55 |
| DEPUTY PRESIDENT | | |
| **Encik Ghafar Baba** | **739** | **49.97** |
| Datuk Musa Hitam | 699 | 47.26 |
| Spoilt votes: | 41 | 2.77 |
| VICE-PRESIDENTS | | |
| **Datuk Seri Amar Wan Mokhtar Ahmad** | **935** | **21.07** |
| **Datuk Abdullah Ahmad Badawi** | **879** | **19.81** |
| **Encik Anwar Ibrahim** | **850** | **19.16** |
| Datuk Rais Yatim | 690 | 15.55 |
| Datuk Seri Ramli Ngah Talib | 667 | 15.03 |
| Datuk Harun Idris | 398 | 8.97 |
| Spoilt votes: | 18 | 0.41 |
| PERMANENT CHAIRMAN | | |
| **Tan Sri Suleiman Ninam Shah** | **850** | **58.22** |
| Haji Shamsuri Salleh | 453 | 31.03 |
| Encik Mohamed Nor Mohamed Dom | 106 | 7.26 |
| Encik R.M. Idris | 32 | 2.19 |
| Encik Baharom Shah Indera | 19 | 1.30 |
| DEPUTY PERMANENT CHAIRMAN | | |
| **Datuk Shuib Haji Ahmad** | **533** | **36.36** |
| Datuk Haji Abdul Rahman Mahmud | 313 | 21.35 |
| Haji Shamsuri Salleh | 310 | 21.15 |
| Mohammed Amin Haji Daud | 203 | 13.85 |
| Azman Attar Othman | 107 | 7.30 |

*SUPREME COUNCIL*

1. Yusof Noor .......... 1,030
2. Muhyiddin Yassin .......... 990
3. Khalil Yaakob .......... 903
4. Rithauddeen .......... 875
5. Mohammad Yaacob .......... 849
6. Sabaruddin Chik .......... 829
7. Muhammad Taib .......... 807
8. Tajol Rosli .......... 796
9. Abu Hassan Omar .......... 780
10. Siti Zaharah .......... 762
11. Kadir Sheikh Fadzir .......... 760
12. Mohamed Isa Samad .......... 746
13. Rahmah Othman .......... 736
14. Osman Aroff .......... 719
15. Shahrir Samad .......... 718
16. Zainal Abidin Zin .......... 717
17. Hamid Pawanteh .......... 717
18. Rahim Thamby Chik .......... 712
19. Radzi Sheikh Ahmad .......... 704
20. Marina Yusoff .......... 702
21. Abdul Rahim Bakar .......... 687
22. Khalid Yunos .......... 683
23. Ajib Ahmad .......... 660
24. Megat Junid .......... 648
25. Wan Abu Bakar .......... 647
26. Napsiah Omar .......... 644
27. Adib Adam .......... 644
28. Syed Hamid Jaafar .......... 643
29. Suhaimi Kamaruddin .......... 633
30. Kassim Ahmad .......... 626
31. Kamaruddin Mat Isa .......... 614
32. Mohamed Rahmat .......... 64
33. Mustaffa Mohammad .......... 550
34. Ibrahim Ali .......... 545
35. Aziz Shamsuddin .......... 533
36. Malik Ahmad .......... 503
37. Ibrahim Hassan .......... 502
38. Syed Nahar .......... 499
39. Sharifah Dorah .......... 442
40. Daud Taha .......... 436
41. Dusuki Ahmad .......... 432
42. Othman Saat .......... 423
43. Zakaria Rahman .......... 415
44. Abdullah Ahmad .......... 412
45. Awang Jabar .......... 407
46. Zainol Abidin Johari .......... 376
47. Alias Ali .......... 370
48. Nawawi Mat Awin .......... 363
49. Tajuddin Rahman .......... 351
50. Nik Hussein Rahman .......... 255
51. Engku Muhsein Kader .......... 252
52. Ahmad Shahibuddin .......... 245
53. Abu Bakar Daud .......... 221

54. Yahya Shafie .................................................... 215
55. Hisan Ibrahim .................................................. 202
56. Sulaiman Palastine ........................................... 189
57. Zain Ibrahim ..................................................... 185
58. Abu Bakar Rautin ............................................. 154
59. Tawfik Ismail ................................................... 146
60. Abu Bakar Shaari ............................................. 140
61. Syed Hassan Al-Attas ....................................... 137
62. Nordin Selat ..................................................... 100
63. Shariff Omar ..................................................... 91
64. Razak Abu Samah ............................................. 76
65. Kip Bahadon ...................................................... 71
66. Hang Tuah Arshad ............................................ 53
67. Ahmad Mustapha .............................................. 25
68. Idris Rauf .......................................................... 20
69. Ahmad Manaf .................................................... 19

LAMPIRAN II

CARA PEMILIHAN UMNO BARU

## PRESIDEN / TIMBALAN PRESIDEN

1. Dipilih dalam perhimpunan agung tiga tahun sekali.
2. Calon Presiden / Timbalan Presiden mendapat 10 undi tambahan apabila dicalonkan oleh sesebuah bahagian.

## NAIB PRESIDEN

1. Tiga Naib Presiden dipilih dalam perhimpunan agung tiga tahun sekali.
2. Ketua Pemuda dan Wanita kebangsaan yang dilantik oleh Majlis Tertinggi secara automatik menjadi naib presiden.

## AHLI MAJLIS TERTINGGI (MT)

1. Seramai 25 ahli dipilih dalam perhimpunan agung tiga tahun sekali.
2. Mesyuarat MT melantik Ketua Pemuda dan Wanita kebangsaan.
3. Mesyuarat MT melantik Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Perhubungan Negeri.

## PERHUBUNGAN NEGERI

1. Pengerusi dan Timbalan Pengerusi dilantik oleh Majlis Tertinggi.
2. Mesyuarat Perhubungan Negeri melantik Setiausaha, Bendahari dan Ketua Penerangan Negeri.
3. Semua ketua bahagian secara automatik menjadi ahli Jawatankuasa Perhubungan Negeri.

## BAHAGIAN

1. Ketua, timbalan dan naib ketua bahagian dipilih tiga tahun sekali dalam persidangan perwakilan bahagian.
2. Persidangan perwakilan bahagian memilih calon presiden, timbalan, tiga naib presiden dan 25 ahli MT.
3. Memilih 10 wakil (ketua bahagian secara automatik terpilih) ke perhimpunan agung.
4. Mesyuarat jawatankuasa bahagian berkuasa menubuhkan cawangan.
5. Jawatankuasa bahagian menyelaraskan permohonan menjadi ahli untuk disampaikan kepada MT bagi disahkan dan diluluskan. (Bahagian tidak boleh meluluskan atau menolak permohonan menjadi ahli).

## CAWANGAN

1. Memilih ketua, naib ketua dan ahli jawatankuasa.
2. Memilih perwakilan ke persidangan perwakilan bahagian.
3. Mencalonkan ketua, timbalan ketua, naib ketua dan ahli jawatankuasa bahagian.
4. Menyelaraskan permohonan menjadi ahli sebelum dihantar ke bahagian dan MT

## PEMUDA / WANITA KEBANGSAAN

1. Ketua / naib ketua dilantik oleh Majlis Tertinggi tiga tahun sekali.
2. Ketua Secara automatik menjadi naib presiden parti.
3. Ahli Exco Pemuda / Wanita dipilih tiga tahun sekali.
4. Perhimpunan Agung Pemuda / Wanita pilih 30 perwakilan ( Umno lama lima wakil) ke perhimpunan Agung parti.

## PEMUDA / WANITA NEGERI

1. Ketua / naib ketua dilantik oleh Ketua Pemuda / Wanita Kebangsaan tiga tahun sekali di kalangan Ketua Pemuda / Wanita Bahagian.
2. Ketua Pemuda / Wanita bahagian secara automatik menjadi ahli Jawatankuasa Pemuda / Wanita Perhubungan negeri.

## PEMUDA / WANITA BAHAGIAN

1. Ketua / naib ketua dan ahli jawatankuasa dipilih tiga tahun sekali.
2. Memilih perwakilan ke Perhimpunan Agung Pemuda / Wanita.
3. Mencalonkan ahli Exco Pemuda / Wanita.

## PEMUDA / WANITA CAWANGAN

1. Ketua / naib ketua dan ahli jawatankuasa dipilih setiap tiga tahun.
2. Memilih wakil ke persidangan perwakilan bahagian.
3. Mencalonkan ketua / naib ketua dan ahli jawatankuasa bahagian.







# Sambutan hangat Semarak Perak

AMPUNG GAJAH, Jumaat — Lebih 5,000 rakyat dari 23 daerah di Nege- Perak Darul Ridzuan berkumpul di adang Majlis Daerah Kampung Ga- h untuk menghadiri pelancaran Ge- kan Setia Bersama Rakyat (Semarak) eringkat negeri hari ini.

Kesibukan yang berlaku di kawasan seki- r Kampung Gajah dan Pasir Salak sejak lasa lalu mencapai kemuncaknya hari ini abila ia dilancarkan oleh Perdana Menteri tuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

BERITA HARIAN
16 April 1988